



Hujung Minggu

پلیٹا برونئی

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.46

SUBUH 4.56 SYURUK 6.17 DUHA 6.40 ZUHUR 12.27 ASAR 3.47 MAGHRIB 6.36 ISYAK 7.49

Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 68 BILANGAN 93

5 OGOS 2023 / 1445 محرم 18

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU / PERCUMA

Ya Allah, Ya Tuhan kami, kiranya kami ini sudah terlanjur mengkufuri nikmat-Mu dengan kelakuan-kelakuan kami yang Engkau tidak redai, maka Engkau ampunkanlah kami dan kasihanilah kami dengan menarik balik wabak koronavirus daripada negara kami. Ya Allah mohon supaya Engkau bersihkan negara kami ini daripada wabak sebersih-bersihnya. Amin. Wahsulnallahu Wani'malwakeel, Walahaula Walaa Qowwata Illa Billahil 'Aliyyil 'Azeem. Walhamdu Lillahi Rabbil 'Alameen.

- Tital Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Selasa, 9 Muhamram 1443 Hijrah bersamaan 17 Ogos 2021 Masihi di Istana Nurul Iman.

Peluang membangun, mengasah kemahiran advokasi

Oleh : Marlinawaty Hussin

BERAKAS, Khamis, 3 Ogos. - Jabatan Perdana Menteri (JPM) dengan kerjasama Mahkamah Syariah, Bahagian Pendakwaan Syar'ie, Kementerian Hal Ehwal Ugama; dan Peguam-peguam Syar'ie mengelolakan Kursus Asas Advokasi Syariah selama dua hari pada hari ini dan 5 Ogos 2023, bertempat di JPM dan Mahkamah Syariah.

Majlis pembukaan bagi Kursus Asas Advokasi Syariah berkenaan diadakan di Dewan Bankuet, JPM, pagi tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Turut hadir, Ketua Hakim Mahkamah Besar, Yang Amat Arif Dato Seri Paduka Steven Chong Wan Oon; Timbalan Menteri (Tenaga), JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Matsatejo bin Sokiaw; Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang), JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu; Setiausaha Tetap-setiausaha tetap di JPM, Hakim-hakim Mahkamah Tinggi Syariah, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap di JPM; para pegawai kanan kerajaan dan peguam-peguam Syar'ie.

>> Muka 17

MANISNYA IMAN

DARIPADA Abu Hurairah Radhiallahu 'anhу, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : "Sesungguhnya terdapat antara amal kebaikan yang pahalanya terus diperoleh oleh seorang Mukmin yang telah meninggal dunia, iaitu ilmu yang diajarkannya ketika hidup atau terdapat seorang anak soleh yang ditinggalkan (kebaikan yang dibuat oleh anaknya yang soleh pahalanya sampai kepada orang tuanya yang telah mendidiknya tanpa mengurangkan pahala yang diterima oleh anak-anak) atau sebuah mushaf (Al-Quran) yang diwakafkannya atau sebuah masjid yang dibinanya atau dia ada meninggalkan sebuah rumah rehat untuk orang-orang musafir atau dia ada meninggalkan sebuah sungai yang airnya sentiasa mengalir atau ada sedekah yang dikeluarkan dari hasil hartanya semasa dia sihat di waktu hidupnya, maka semua pahala-pahala ini akan berterusan sampai kepadanya selepas ia meninggal dunia". - Hadis riwayat Imam Ibnu Maajah.

PUPUK BUDAYA MENUNTUT ILMU

Oleh : Muhammad Khairulanwar Ali Rahman

KUALA LUMPUR, MALAYSIA, Jumaat, 4 Ogos. - Jumlah pelajar Negara Brunei Darussalam yang belajar di peringkat pengajian tinggi sama ada dalam atau di luar negeri termasuk Malaysia dan

Singapura menunjukkan peningkatan yang baik dan memberikan interpretasi yang positif bahawa budaya belajar dan menuntut ilmu menjadi pilihan terbaik.

>> Muka 4

Berkenan menyaksikan Pertukaran Dokumen, MoU



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bersama Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim bagi menghadiri Perundingan Tahunan Ketua-ketua Kerajaan Kali Ke-24 yang berlangsung di Kompleks Seri Perdana, Putrajaya. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman (Lihat muka 7 hingga 8).

Saluran radio Al-Quran dilancarkan sempena 30 Tahun Penubuhan ITQSHHB

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

GADONG, Rabu, 2 Ogos. - Pusat Da'wah Islamiah (PDI) melalui Bahagian Media (Multimedia Da'wah) dengan kerjasama Pusat Pengajaran dan Penyebaran Al-Qur'an MABIMS, Institut Tahfiz Al-Qur'an Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) mengadakan Majlis Pelancaran Rancangan Radio Bacaan 30

Juzu' Al-Qur'an oleh Hafiz Tempatan di saluran radio Al-Quran 89.1 FM dan 99.7 FM bersempena 30 Tahun Penubuhan ITQSHHB.

Majlis diadakan di The Rizqun International Hotel, pagi tadi.

>> Muka 16



Berita Utama



PROAKTIF dalam pengajian Tarannum Al-Quran

Muka 18



KEMENTERIAN Pertahanan adakan lawatan ke USS Blue Ridge

Muka 23



PELETAKAN batu asas Pusat Data UNN baru

Muka 28



INFO Teknologi

MENJEJAK kembali evolusi telefon bimbit

Muka 36

Belia negara perlu tampil, keluar dari comfort zone

Assalamu'alaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmani Rahim

Alhamdulillahi Rabbil 'Alameen,
Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa
Umuuriddunya Wadden,
Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala Asyarafil
Mursaleen,
Sayyidina Muhammaddin,
Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een,
Waba'du

BETA bersyukur kerana dapat sama-sama berkumpul untuk menghadiri Perhimpunan Hari Belia Kebangsaan Kali Ke-18 pada pagi ini.

'Belia dan Negara Berpisah Tiada'. Ungkapan ini dilihat sangat relevan dengan golongan belia yang merupakan peneraju negara.

Golongan belia turut membuktikan bahawa mereka adalah agen perubahan masa depan dan mampu untuk merealisasikan 'Aspirasi Negara' menjelang tahun 2035.

Oleh itu, Sambutan Hari Belia Kebangsaan pada setiap 1 Ogos adalah merupakan pengiktirafan kepada sumbangan, pengorbanan, pencapaian dan kejayaan golongan belia dalam pembangunan negara.

Beta juga melihat, sumbangan golongan belia itu boleh merangkumi banyak bidang, seperti bidang ekonomi, digital, inovasi sosial, agri-bisnes, industri kreatif, kesukarelawan dan kemasyarakatan, bahkan juga penggubalan dasar.

Golongan belia juga sudah dilihat mempelopori pelbagai bidang keusahawanan sama ada dari Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana. Beta difahamkan, lebih kurang 17 ribu belia adalah berdaftar di bawah Bahagian Pendaftaran Syarikat dan Nama Perniagaan (ROCBN).

Perkembangan ini sangatlah

memberangsangkan. Sayugia juga para belia dikehendaki lebih berani untuk tampil ke hadapan dan keluar dari *comfort zone* dengan mengorak langkah lebih jauh bagi menembusi dan menguasai pasaran serantau dan antarabangsa, yang banyak menawarkan peluang dan cabaran untuk memanfaatkan platform-platform yang telah disediakan oleh pihak kerajaan melalui beberapa perjanjian dan memorandum persefahaman dengan beberapa buah negara untuk memudahkan kerjasama dalam bidang-bidang perniagaan dan pelaburan.

Dari aspek kepimpinan, beta menyambut baik penglibatan aktif belia dalam dialog dan penggubalan dasar di peringkat kebangsaan mahupun serantau. Kerajaan akan terus menyediakan platform-platform yang berkesan seperti Kongres Belia dan Youth Town Hall serta penglibatan dalam forum dasar serantau sebagai ruang untuk menyuarakan idea bernes dan 'Aspirasi Belia'.

Beta-baru ini, kita berbangga dengan kejayaan belia kita memenangi ASEAN Prize Award buat pertama kalinya. Di samping itu, atlet-atlet belia juga berjaya mengharumkan nama negara dengan meraih pingat dalam kejohanan sukan prestasi tinggi pada Kejohanan Asia Tenggara (SEA Games) Ke-32 dan ASEAN Para Games Ke-12, di Kemboja.

Walau bagaimanapun, adalah dingatkan, dalam mengejar kejayaan, golongan belia hendaklah tetap mengelakkan ciri-ciri kebruneian 'Berakhhlak Mulia', dengan mematuhi dan menghormati hukum-hukum ugama dan undang-undang.

Kita tidak perlu merasa rendah diri atau terpinggir jika tidak menyertai satu-satu jenis sukan yang tidak dibenarkan oleh ugama atau undang-undang. Inilah prinsip Brunei.

Untuk akhirnya, dan bersempena dengan



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah sempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan Kali Ke-18 yang bertema 'Belia Siaga Masa Depan', pada 1 Ogos 2023, di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Hari Belia Kebangsaan ini, beta tidak lupa mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua golongan belia di negara ini atas komitmen mereka untuk sama-sama

membangun dan memajukan negara. Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

SIDANG PENGARANG

5 OGOS 2023

Mewujudkan persekitaran mesra PSI

TIDAK dapat dinafikan, pemberian Penyusuan Susu Ibu (PSI) adalah asas yang terbaik dalam memulakan kehidupan anak damit. Amalan tersebut dikenal pasti sebagai salah satu pelaburan yang bijak, kos efektif dan terbukti boleh menjana generasi yang sihat, keluarga yang kukuh dan pembangunan yang mampan.

Pada tahun ini, Sambutan Minggu PSI membawakan tema 'Memudahkan Penyusuan Susu Ibu : Menjana Perubahan Bermakna Untuk Ibu Bapa Yang Bekerja'.

Menurut Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar dalam perutusannya sempena Sambutan Minggu PSI 2023, tema tersebut menumpukan perhatian terhadap PSI dan kaitannya kepada ibu bapa yang bekerja di mana ia khusus disasarkan kepada pihak kerajaan, penggubalan dasar, sistem kesihatan, tempat kerja, masyarakat dan ibu bapa sendiri untuk mewujudkan persekitaran mesra PSI dalam kehidupan kerja selepas pandemik.

Jelas Yang Berhormat lagi, di seluruh dunia, kadar PSI secara eksklusif menurun secara drastik saat dunia dilanda gelombang pandemik COVID-19 dan Negara Brunei Darussalam (NBD) juga tidak terkecuali daripada menghadapi cabaran yang sama.

Yang Berhormat seterusnya berkata, pra-pandemik, NBD hampir mencapai sasaran WHO untuk meningkatkan kadar PSI secara eksklusif dalam tempoh enam bulan pertama sehingga sekurang-kurangnya 50 peratus (%) di mana kadar PSI secara eksklusif bagi negara ini telah pun mencapai 45% sejak pengenalan Dasar Peraturan Cuti Beranak 2011, iaitu peningkatan yang ketara daripada 29% pada tahun 2011 kepada 41% pada tahun 2013.

Walau bagaimanapun tambah Yang Berhormat, saat negara dilanda pandemik COVID-19, kadar berkenaan menurun ke 45% pada tahun 2021.

Antara lain sebab penurunan kadar PSI dalam kalangan ibu yang bekerja jelas Yang Berhormat, adalah kerana kurangnya sokongan PSI di tempat kerja seperti kekurangan fleksibiliti semasa waktu bekerja untuk mengepam susu ibu, kekurangan sokongan atau pemahaman di tempat kerja, ketiadaan bilik dan kemudahan yang sesuai untuk mengepam dan juga sifat kerja yang menyukarkan untuk mengepam susu ibu terutamanya bagi wanita yang mempunyai kerjaya yang bukan berdasarkan pejabat (*non-office based career*).

Justeru, memberi masa rehat untuk mengepam susu ibu perlu diamalkan dalam semua industri, sama ada kerajaan atau swasta kerana ia akan meningkatkan produktiviti pekerja berkenaan memandangkan kesihatan ibu dan anak damit mereka yang baru lahir dilindungi dengan baik.

Mewujudkan persekitaran mesra PSI dalam kehidupan kerja selepas pandemik bukan sahaja membantu mereka yang baharu bergelar ibu tetapi juga meningkatkan kesejahteraan diri mereka dan kurangnya risiko pelbagai masalah kesihatan dalam kalangan anak damit. - Ketua Penyuntingan (Ad)

WAKTU SEMBAHYANG

OGOS MASIHI	HARI	MUHARAM HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
5	SABTU	18	4.46	4.56	6.17	6.40	12.27	3.47	6.36	7.49
6	AHAD	19	4.46	4.56	6.17	6.40	12.27	3.47	6.36	7.48
7	ISNIN	20	4.46	4.56	6.17	6.40	12.27	3.46	6.35	7.48
8	SELASA	21	4.46	4.56	6.17	6.40	12.27	3.46	6.35	7.47
9	RABU	22	4.46	4.56	6.17	6.40	12.27	3.45	6.35	7.47
10	KHAMIS	23	4.46	4.56	6.17	6.40	12.27	3.45	6.35	7.47
11	JUMAAT	24	4.46	4.56	6.17	6.40	12.27	3.44	6.34	7.46

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI



Bandar Seri Begawan		33 26 °C /,,,	34 26 °C	34 26 °C
Pekan Bangar		33 26 °C /,,,	34 26 °C	34 26 °C
Pekan Tutong		33 26 °C /,,,	34 26 °C	34 26 °C
Kuala Belait		33 26 °C /,,,	34 26 °C	34 26 °C
Wallahuallam Bissawab		www.met.gov.bn		
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi				

KEBAWAH DYMM, KEBAWAH DYMM RAJA ISTERI AKHIRI KEBERANGKATAN NEGARA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat meninggalkan Kuala Lumpur, Malaysia (kiri), manakala gambar kanan, baginda berdua menadah tangan ketika doa dibacakan.

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Hernie Suliana Haji Othman, Azmah Haji Ahad

KUALA LUMPUR, MALAYSIA, Jumaat, 4 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Sebelum berangkat, Doa Selamat telah dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Hadir di Pangkalan Udara Subang bagi menyembahyang selamat berangkat ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berangkat melintasi barisan kawalan kehormatan statik yang terdiri daripada Regimen Askar Melayu Diraja, Tentera Darat Malaysia.

Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar, selaku Menteri Pengiring dan isteri; Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Dato' Raja Reza bin Raja Zaib Shah serta

isteri dan pegawai-pegawai kanan daripada Kerajaan Malaysia.

Juga hadir ialah Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Malaysia, Tuan Yang Terutama Brigedier Jeneral (B) Dato Paduka Haji Mahmud bin Haji Saidin dan isteri.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berangkat melintasi barisan kawalan kehormatan statik yang terdiri daripada anggota Regimen Askar Melayu Diraja, Tentera Darat Malaysia.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri ketika berinteraksi bersama Pembesar-pembesar, Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan Malaysia sebelum berangkat meninggalkan Kuala Lumpur, Malaysia (atas dan kanan).



DOA Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan.



Sebelum menaiki Pesawat Khas, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berangkat melintasi barisan kawalan kehormatan statik yang terdiri daripada para anggota Regimen Askar Melayu Diraja, Tentera Darat Malaysia.

Semasa Keberangkatan Negara ini, Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri telah mengadakan Kunjungan Muhibah bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia XVI (Ke-16) dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong dan juga berangkat mengadakan perjumpaan bersama Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim bagi menghadiri Perundingan Tahunan Ketua-ketua Kerajaan Ke-24.

Satu Triti dan dua Memorandum Persefahaman (MoU) di antara Kerajaan Kebawah DYMM dengan Kerajaan Malaysia telah dimeterai semasa Perundingan Tahunan Ketua-ketua Kerajaan Ke-24.

SEBAHAGIAN yang hadir bagi menyembahyang selamat berangkat ke hadapan majlis baginda berdua di Pangkalan Udara Sepang.

Pupuk budaya menuntut ilmu

Oleh : Muhammad Khairulanwar Ali Rahman
Foto : Hernie Suliana Haji Othman, Azmah Haji Ahad

>> Muka 1

Ini adalah budaya yang akan terus menerus dipupuk dan dikembangkan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menggariskan demikian semasa bertitah pada Majlis Bersama Rakyat dan Penduduk Negara Brunei Darussalam yang berada di Malaysia dan Singapura yang berlangsung di Hotel Grand Hyatt, Kuala Lumpur.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seterusnya menzahirkan keyakinan bahawa

para pelajar telah sedia memiliki iltizam, dedikasi dan tekad yang tinggi untuk mencapai ke arah kesempurnaan budaya belajar terutama bagi para pelajar yang telah memilih untuk belajar di luar negara.

"Dengan belajar di luar negara, para pelajar dapat bersaing dengan golongan pelajar dari persekitaran yang berbeza. Persaingan tersebut boleh menjadi cabaran terbaik bagi melahirkan sumber tenaga manusia yang berkualiti, kreatif dan progresif, serta mampu menangkis kejutan budaya perosak," titah baginda.

Baginda turut mengingatkan bahawa dalam kegairahan budaya melayari internet dan penggunaan pelbagai aplikasi teknologi maklumat, para pelajar hendaklah sentiasa waspada

dan berhati-hati supaya tidak mengongsikan maklumat peribadi kepada sebarang pihak bagi mengelakkan terjebak kepada ancaman atau jenayah siber.

Terdahulu, baginda menzahirkan rasa bersyukur kerana dapat bercemar duli bersama rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam terutama dengan para pelajar, pegawai-pegawai kerajaan yang bertugas dan yang sedang bercuti bersama keluarga di Malaysia dan Singapura.

Pada mengakhiri titah, baginda seterusnya menyeru para pelajar selaku duta kecil untuk mengamalkan nilai-nilai kebruneian dengan mengekalkan dan menonjolkan nilai-nilai terpuji orang-orang Brunei yang mana para pelajar akan menjadi tenaga kerja yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi yang akan menyumbang jasa bakti kepada negara, ugama, raja dan bangsa.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Majlis Bersama Rakyat dan Penduduk Negara Brunei Darussalam yang berada di Malaysia dan Singapura.

MAJLIS BERSAMA RAKYAT DAN PENDUDUK NBD DI MALAYSIA, SINGAPURA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam dan paduka adinda baginda berkenan dijunjung bagi bergambar ramai (kiri), manakala gambar atas, baginda berkenan menerima pesambah.

KUALA LUMPUR, MALAYSIA, Jumaat, 4 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed

Alam berkenan berangkat ke Majlis Bersama Rakyat dan Penduduk Negara Brunei Darussalam (NBD) yang berada di Malaysia dan Singapura yang berlangsung di Hotel Grand Hyatt, Kuala Lumpur.

Mengiring keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri

Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dijunjung oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Dayang Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh; Pesuruhjaya Tinggi NBD ke Malaysia, Tuan Yang Terutama Brigadier Jeneral (B) Dato Paduka Haji Mahmud bin Haji Saidin dan isteri; dan Presiden Majlis Perwakilan Pelajar Brunei di Malaysia, Dayang Nur Zahirah binti Haji Affandi; serta Timbalan Presiden Pentadbiran dan Kewangan Majlis Pelajar Brunei di Malaysia, Dayang Nur Bazlina Masrurah binti Haji Mustafa.

Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri seterusnya dijunjung bagi Majlis Santap Ringan; yang diikuti dengan menandatangani sebuah lembaran kenangan sebelum sesi bergambar bersama para pegawai dan kakitangan Suruhanjaya Tinggi NBD di Malaysia serta Presiden Majlis

Perwakilan Pelajar Brunei di Malaysia dan Timbalan Presiden Pentadbiran dan Kewangan Majlis Pelajar Brunei di Malaysia.

Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri kemudiannya berangkat ke Majlis Bersama Rakyat dan

Penduduk NBD yang berada di Malaysia dan Singapura.

Majlis dimulakan dengan nyanyian Lagu Kebangsaan NBD yang dipimpin oleh penuntut-penuntut NBD.

>> Muka 5



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha ketika berkenan menerima pesambah (atas), manakala gambar kiri, sembah alu-aluan daripada Presiden Majlis Perwakilan Pelajar Brunei di Malaysia, Dayang Nur Zahirah binti Haji Affandi dan gambar kiri sekali, Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berswafoto dan beramah mesra bersama rakyat dan penduduk NBD di Malaysia dan Singapura (atas dan kanan).

>> Muka 4

Majlis diteruskan dengan bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran oleh Awang Ahmad Sabiq bin Ahmad dari Universiti Malaya dan inti sari ayat dibacakan oleh Awang Muhammad Hafizhan bin Hamdani dari Asia Pacific University.

Bagi memberkati Majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin

Juned.

Dalam sembah alu-aluan yang dibacakan oleh Dayang Nur Zahirah menyembahkan rasa menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia kerana keberangkatan baginda telah menyuntik semangat para pelajar untuk terus belajar dengan lebih gigih, dan seterusnya menyembahkan ikrar taat setia yang tidak berbelah-bahagi ke hadapan majlis Kebawah DYMM.

Pada majlis tersebut,



Kebawah DYMM berkenan mengurniakan titah.

Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri kemudian berkenan menerima pesambahan daripada Majlis Perwakilan

Pelajar Brunei di Malaysia.

Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri seterusnya berangkat bercemerlang duli bersama lebih kurang 730 rakyat dan penduduk NBD

yang berada di Malaysia dan Singapura, yang terdiri daripada para penuntut, para pegawai kerajaan yang bertugas dan berkursus, serta yang berada dalam percutian bersama keluarga di Malaysia.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan bergambar ramai pada majlis tersebut (kanan), manakala gambar atas, rakyat dan penduduk NBD di Malaysia dan Singapura tidak melepaskan peluang berinteraksi ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan beramah mesra bersama rakyat dan penduduk NBD di Malaysia dan Singapura dan setentunya peluang keemasan ini tidak dilepaskan oleh segenap lapisan rakyat NBD (atas dan kiri).

MAJLIS SANTAP MALAM DIHOSKAN PERDANA MENTERI MALAYSIA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat menghadiri Majlis Santap Malam yang dihoskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia dan isteri (atas) dan gambar kanan, persembahan budaya menyerikan lagi keberangkatan baginda berdua.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan beramah mesra bersama peserta persembahan (atas).



Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Hernie Suliana Haji Othman, Azmah Haji Ahad

KUALA LUMPUR, MALAYSIA, Khamis, 3 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat menghadiri Majlis Santap Malam yang dihoskan di Menara Berkembar Petronas.

Mengiring keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Semasa Majlis Santap Malam tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkesempatan menikmati pemandangan Kuala Lumpur.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha ketika berkenan menghadiri Majlis Santap yang dihoskan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia dan isteri (atas).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia dan YAB Perdana Menteri Malaysia semasa Majlis Santap Malam berkesempatan menikmati pemandangan Kuala Lumpur (atas kiri dan atas) manakala gambar kiri, sekitar keberangkatan baginda berdua pada Majlis Santap Malam.

BERKENAN MENYAKSIKAN PERTUKARAN DOKUMEN, MOU



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bagi menghadiri Perundingan Tahunan Ketua-ketua Kerajaan Kali Ke-24 yang berlangsung di Kompleks Seri Perdana, Putrajaya (atas dan kanan).

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Hernie Suliana Haji Othman, Azmah Haji Ahad

KUALA LUMPUR, MALAYSIA, Khamis, 3 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri

Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar



'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bersama Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim bagi menghadiri Perundingan Tahunan Ketua-ketua Kerajaan Kali Ke-24 yang berlangsung di Kompleks Seri Perdana, Putrajaya.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Kompleks Seri Perdana, dialu-alukan oleh Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia telah berbincang mengenai isu-isu dua hala, serantau dan antarabangsa yang berkepentingan bersama.

>> Muka 8



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia ketika Perundingan Tahunan Ketua-ketua Kerajaan Ke-24 (atas dan kiri).



SEKITAR keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Perundingan Tahunan Ketua-ketua Kerajaan Kali Ke-24 yang berlangsung di Kompleks Seri Perdana, Putrajaya (kiri dan kanan).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia dan Yang Amat Berhormat ketika berkenan menyaksikan Penandatanganan Treaty of the International Transfer of Prisoners di mana bagi pihak kerajaan baginda ditandatangani oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, manakala bagi Kerajaan Malaysia diwakili oleh Menteri Dalam Negeri, Yang Berhormat Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail (kiri), manakala menandatangani MoU in the Field of Youth and Sports bagi pihak kerajaan baginda ialah Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dan bagi Kerajaan Malaysia diwakili oleh Menteri Belia dan Sukan, Yang Berhormat Yeoh Tseow Suan (kanan).

>> Muka 7

Sejurus selepas Majlis Perjumpaan berkenaan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia bersama Perdana Menteri Malaysia menyaksikan Majlis Pertukaran Dokumen bagi satu Triti dan dua Memorandum Persefahaman di antara Kerajaan Kebawah DYMM dengan Kerajaan Malaysia iaitu Treaty of the International Transfer of Prisoners, Memorandum of Understanding (MoU) in the Field of Youth and Sports dan MoU on Cooperation in the Areas of Syariah Judiciary.

Menandatangani Treaty of the International Transfer of Prisoners bagi pihak Kerajaan Kebawah DYMM ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad. Manakala, Kerajaan Malaysia diwakili oleh Menteri Belia dan Sukan, Yang Berhormat Yeoh Tseow Suan.

Manakala, Kerajaan Malaysia diwakili oleh Menteri Dalam Negeri, Yang Berhormat Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail.

Triti tersebut bertujuan untuk menyelaraskan pemindahan banduan di antara kedua buah negara.

Sementara, menandatangani MoU in the Field of Youth and

Sports bagi pihak Kerajaan Kebawah DYMM ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad. Manakala, Kerajaan Malaysia diwakili oleh Menteri Belia dan Sukan, Yang Berhormat Yeoh Tseow Suan.

MoU yang diperbaharui ini antara lain bertujuan untuk memperkuatkkan kerjasama dalam pembangunan belia, sukan dan perkembangan sosial rakyat kedua negara, serta bersetuju untuk menubuhkan Jawatankuasa Bersama,

melaksanakan pertukaran maklumat dan program-program

mengenai belia dan sukan.

Manakala, menandatangani MoU on Cooperation in the Areas of Syariah Judiciary bagi pihak Kerajaan Kebawah DYMM ialah Ketua Hakim Syarie, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar. Bagi Kerajaan Malaysia diwakili oleh Ketua Hakim Syariah dan Ketua Pengarah Jabatan Kehakimah Syariah, Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Amran bin Mat Zain.

Antara objektif MoU tersebut adalah bagi mengukuhkan dan membangunkan lagi kerjasama dalam bidang kehakiman syariah melalui program pertukaran pegawai; penyelidikan bersama; pertukaran penerbitan, laporan serta bahan akademik; perkongsian aktiviti dan program-program yang bermanfaat kepada kedua negara.

Sempena Perundingan Tahunan Ketua-ketua Kerajaan Kali Ke-24, satu Kenyataan Bersama telah dikeluarkan.

Selepas menyaksikan majlis tersebut, Kebawah DYMM berkenan berangkat menghadiri Majlis Santap Petang yang dihoskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia.



KEBAWAH DYMM juga berkenan menyaksikan penandatanganan MoU on Cooperation in the Areas of Syariah Judiciary di mana bagi pihak kerajaan baginda ditandatangani oleh Ketua Hakim Syarie, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar dan bagi Kerajaan Malaysia diwakili oleh Ketua Hakim Syariah dan Ketua Pengarah Jabatan Kehakimah Syariah, Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Amran bin Mat Zain (kiri), manakala gambar atas, baginda berkenan menandatangani Lembaran Kebergantkan.



KEBAWAH DYMM dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia semasa pertemuan tersebut telah berbincang mengenai isu-isu dua hala, serantau dan antarabangsa yang berkepentingan bersama (atas), manakala gambar kiri, baginda berkenan bergambar bersama YAB Perdana Menteri Malaysia pada majlis berkenaan.

MAJLIS SANTAP RAIKAN KEBERANGKATAN NEGARA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Hajji Mohamed Alam dijungung bergambar ramai bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVI (Ke-16) dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong serta Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia dan isteri (atas). Sementara gambar kanan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVI (Ke-16) semasa berbual mesra pada majlis berkenaan.



Agong Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Al-Marhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj yang berlangsung di Istana Negara, hari ini.

Mengiring keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Hajji Mohamed Alam, selepas Kunjungan Muhibah, berkenan berangkat menghadiri Majlis Santap Negara yang telah dijamukan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVI (Ke-16), Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong.

Semasa Majlis Santap Negara tersebut, persembahan

kebudayaan telah diadakan bagi meraikan Keberangkatan Negara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri ke Malaysia.

Sebelum berangkat meninggalkan Istana Negara, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Hajji Mohamed Alam, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan berangkat menghadiri Majlis Santap Negara yang telah dijamukan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVI (Ke-16) dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong yang berlangsung di Istana Negara (atas kiri dan atas kanan).



KEBAWAH DYMM dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri disembahkan dengan ucapan selamat berangkat oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVI (Ke-16) dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong (atas dan kanan).



BERKENAN MELETAKKAN NAMA BUNGA ORKID PAPILIONANDA QUEEN SALEHA



Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Hernie Suliana Haji Othman, Azmah Haji Ahad

KUALA LUMPUR, MALAYSIA, Khamis, 3 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat ke Kunjungan Muhibah bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia XVI (Ke-16) dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong setelah berangkat ke Majlis Sambutan Rasmi yang berlangsung di Istana Negara, Kuala Lumpur (atas kiri dan atas).

Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat ke Kunjungan Muhibah bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia XVI (Ke-16) dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong setelah berangkat ke Majlis Sambutan Rasmi yang berlangsung di Istana Negara, Kuala Lumpur. Mengiring keberangkatan



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat ke Kunjungan Muhibah bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia XVI (Ke-16) dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong setelah berangkat ke Majlis Sambutan Rasmi yang berlangsung di Istana Negara, Kuala Lumpur (atas kiri dan atas).

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,

Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Pada majlis berkenaan, kedua-dua pemimpin antara lainnya telah membincangkan mengenai jalinan silaturahim yang erat dan mesra serta hubungan kerjasama dua hala yang sangat baik di antara kedua-dua negara.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang

Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri juga berkenan disembahkenakan dan meletak nama pada sejenis Bunga Orkid baharu sempena Keberangkatan Negara Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri ke Malaysia.

Bunga Orkid tersebut telah didaftarkan dengan nama 'Papilionanda Queen Saleha'.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri disembahkenakan dan meletak nama pada sejenis Bunga Orkid baharu sempena Keberangkatan Negara yang diberikan nama 'Papilionanda Queen Saleha' (atas).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri sekitar Kunjungan Muhibah bersempena Keberangkatan Negara yang berlangsung di Istana Negara (atas, atas kanan, kanan).



BERANGKAT KE MAJLIS SAMBUTAN RASMI



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Rasmi yang berlangsung di Istana Negara, Kuala Lumpur (atas dan kanan).

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Hernie Suliana Haji Othman, Azmah Haji Ahad

KUALA LUMPUR, MALAYSIA, Khamis, 3 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran

Pengiran Anak Haji Mohamed Alam, hari ini berkenan berangkat memulakan Keberangkatan Negara ke Malaysia dengan berangkat ke Majlis Sambutan Rasmi yang berlangsung di Istana Negara, Kuala Lumpur.

Mengiring keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran



Anak Hajah Saleha ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dialu-alukan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia XVI (Ke-16), Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Al-Marhum

Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj dan Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim serta isteri, Yang Amat Berbahagia Dato' Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail.

Majlis dimulakan dengan Kebawah DYMM menaiki Pentas Khas untuk menerima Tabik Hormat dan diiringi dengan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Lagu Kebangsaan Malaysia serta 21 das tembakan meriam.

Majlis diteruskan dengan pemeriksaan Barisan Kehormatan yang terdiri daripada Rejimen Askar Melayu Diraja.

Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong seterusnya dijunjung beredor ke halaman Dataran Istana Negara bagi acara menanam

sepohon Pokok Simpor (Dillenia Suffroticosa).

Acara penanaman pokok tersebut adalah sebagai tanda kenang-kenangan Keberangkatan Negara Kebawah DYMM ke Malaysia, yang mencerminkan tali kekeluargaan mendalam yang sekian lama dipupuk oleh kedua-dua negara.

Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri kemudiannya disembahkenalkan kepada para pembesar Malaysia dan para perwakilan asing di Malaysia; dan seterusnya diikuti dengan sembah pengenalan ahli-ahli rombongan delegasi NBD kepada Kebawah DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia XVI (Ke-16); dan Kebawah DYMM Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia XVI (Ke-16), Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah dijunjung beredor ke halaman Dataran Istana Negara bagi acara menanam sepohon Pokok Simpor (atas), manakala gambar bawah, baginda ketika disembahkenalkan para pembesar Malaysia dan para perwakilan asing di Malaysia.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri ketika dijunjung untuk menandatangani Lembaran Keberangkatan (atas).

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia XVI (Ke-16) ketika disembahkenalkan kepada rombongan-rombongan delegasi dari Negara Brunei Darussalam (kiri).

BERANGKAT TIBA DI KUALA LUMPUR, MALAYSIA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berangkat tiba di Kuala Lumpur, Malaysia bagi Keberangkatan Negara dan menghadiri Perundingan Tahunan Ketua-ketua Kerajaan Ke-24 (atas dan kanan).

KUALA LUMPUR, Rabu, 2 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berangkat tiba di Kuala Lumpur, Malaysia bagi Keberangkatan Negara dan menghadiri Perundingan Tahunan Ketua-ketua Kerajaan Ke-24 di negara berkenaan pada 3 hingga 4 Ogos 2023.

Mengiringi keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum

Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri di Pangkalan Udara Subang dijunjung oleh Yang Amat Mulia Tengku Arif Bendahara Tengku Muhammad Iskandar Ri'ayatuddin Shah ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah; Yang Amat Mulia Tengku Arif Temenggong Pahang Tengku Fahd Mua'adzam ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah; Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim dan isteri, Yang Amat Berbahagia Dato' Seri Dr. Wan Azizah bin Ismail; Menteri Luar Negeri Malaysia, Yang Berhormat Senator Datuk Seri Diraja Dr. Zamry Abdul Kadir; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar, selaku Menteri Pengiran dan



Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Hernie Suliana Haji Othman, Azmah Haji Ahad

isteri; dan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama Brigedier Jeneral (B) Dato Paduka Haji Mahmud bin Haji Saidin dan isteri.

Juga hadir bagi menjunjung keberangkatan tiba Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri

ialah Pesuruhjaya Tinggi NBD ke Malaysia, Tuan Yang Terutama Brigedier Jeneral (B) Dato Paduka Haji Mahmud bin Haji Saidin dan isteri.

NBD dan Malaysia menjalinkan hubungan diplomatik sejak Januari 1984, dan kedua-dua negara menikmati hubungan

kerjasama dua hala yang erat dan mesra dalam pelbagai bidang berkepentingan termasuk perdagangan dan pelaburan, pertahanan, pendidikan, pelancongan dan kesalinghubungan serta kesihatan.

Kali terakhir Perundingan Tahunan Ketua-ketua Kerajaan diadakan adalah pada 5 April 2021 di Bandar Seri Begawan.



KEBERANGKATAN tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dijunjung oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia dan isteri.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri semasa keberangkatan tiba (atas), manakala gambar kanan, baginda berdua berkenan beramah mesra.



BERANGKAT KE KUALA LUMPUR, MALAYSIA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat ke Kuala Lumpur, Malaysia bagi mengadakan Keberangkatan Negara dan menghadiri Perundingan Tahunan Ketua-ketua Kerajaan Ke-24 (atas), manakala gambar kanan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan paduka-paduka anakanda baginda menadah tangan ketika doa dibacakan.

Oleh : Haniza Abdul Latif, Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto: Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 2 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam, hari ini berkenan berangkat ke Kuala Lumpur, Malaysia bagi mengadakan Keberangkatan Negara dan menghadiri



Perundingan Tahunan Ketua-ketua Kerajaan Ke-24 yang akan berlangsung pada 3 hingga 4 Ogos 2023.

Mengiringi keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Sebelum berangkat dari Istana Nurul Iman, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Berangkat di Hangar Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Rimba

bagi menyembahkan selamat berangkat ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri ialah ahli-ahli kerabat diraja.

Berangkat sama dan hadir di Hangar Penerbangan Kebawah DYMM bagi menyembahkan selamat berangkat ke hadapan majlis Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri ialah Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheeteria; Menteri Menteri Kabinet; Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Di-Raja; Timbalan-timbalan Menteri; Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei; Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei; dan Pemangku Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam; berserta pasangan masing-masing.



PADUKA-paduka anakanda dan cucunda baginda menadah tangan ketika doa dibacakan (kanan). Sementara gambar bawah, Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan.



BERANGKAT di Hangar Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi menyembahkan selamat berangkat ke hadapan majlis baginda ialah paduka-paduka anakanda dan adinda baginda (atas dan bawah kanan).





Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Masri Osman, Muhammad Asri Haji Awang Abas

JERUDONG, Jumaat, 4 Ogos. - DPMM FC menang selesa petang tadi ke atas FC Phosphor dengan keputusan berakhir 3 - 0 pada saingan Liga Belia FABD Bawah 20 Tahun (FABD Youth League

U20) yang berlangsung di Jerudong Park Mini Stadium, di sini.

Berangkat menyaksikan perlawanan ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri



DPMM FC RAIH TIGA MATA

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan berangkat menyaksikan Liga Belia FABD Bawah 20 Tahun.

Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman.

Berangkat sama, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Faathimah Az-Zahraa' Raihaanul Bolkiah binti Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah.

Turut menyertai pasukan DPMM FC selaku Ketua Pasukan ialah Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul

MENYERTAI DPMM FC selaku Ketua Pasukan ialah Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah (kanan). Manakala gambar kiri, sebahagian orang ramai yang hadir menyaksikan perlawanan.

Muntaqim ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah.

Pada perlawanan tersebut, Akram Wakeel Bakri yang menyarungkan jersi 20 muncul wira bagi DPMM FC setelah berjaya mencetakkan dua gol pada perlawanan tersebut, sementara satu gol lagi dijaringkan oleh Mahmus Khalish Haji Zaifulizham.

Sepuruh masa pertama menyaksikan kedua-dua pasukan saling berbalas serangan, akan tetapi keduanya gagal untuk menjaringkan sebarang gol sehingga pengadil meniup wisel penamat.

Babak kedua perlawanan pula menyaksikan DPMM FC dengan bijak mengatur serangan dan akhirnya berjaya membolos

gawang lawan seawal minit ke-57 menerusi tandukan kemas daripada Akram Wakeel Bakri apabila menerima umpanan tendangan sudut kiri.

Selang 5 minit kemudian, DPMM FC seterusnya dengan bijak mengeksplorasi kelemahan barisan pertahanan pasukan FC Phosphor di sebelah kanan sehingga Mahmus Khalish berjaya menjaringkan gol bagi DPMM FC pada petang tersebut.

Pertahanan kanan pasukan FC Phosphor sekali lagi menjadi lubuk bagi serangan DPMM FC sehingga Akram Wakeel Bakri berjaya menjaringkan gol keduanya pada perlawanan berkenaan.

Jaringan kekal 3 - 0 sehingga pengadil meniupkan wisel penamat bagi separuh masa kedua.



Kukuhkan sastera Islam, nilai budaya serantau

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BERAKAS, Jumaat, 4 Ogos. - Melayu Islam Beraja (MIB) adalah ungkapan kata dalam tema dialog adalah semata-mata dalam kontek falsafah sastera dan budaya dengan hasrat untuk memperkuatkan sastera Islam dan nilai-nilai budaya serantau.

Hal ini dapat dijelaskan lagi dengan mengingat bahawa dalam Pertemuan Sasterawan Nusantara beberapa tahun yang lalu satu resolusi telah dibuat menjadikan Negara Brunei Darussalam (NBD) sebagai Pusat Sastera Islam Serantau.

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman menjelaskan perkara berkenaan semasa Majlis Perasmian Dialog Serantau Borneo-Kalimantan Ke-15, Tahun 2023, yang berlangsung di Dewan Balai Sarmayuda, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Brunei.

"Oleh itu, pernyataan saya ini adalah semata-mata memperjelas kontek sebenar ungkapan kata MIB yang dirangkumkan sebahagian tema dialog yang menghasratkan untuk memperkuatkan sastera Islam dan nilai-nilai budaya serantau.

"Sekitar itulah hendaknya Dialog Serantau Borneo-Kalimantan

YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama ketika menyampaikan ucapan pada majlis perasmian tersebut.

Ke-15 ini akan lebih banyak berkisar sebagai pertemuan yang saya sifatkan sebagai menyemarakkan semangat berkesusteraan dan berkebudayaan serantau itu," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan bahawa dalam kontek tersebut para peserta terutamanya dari luar negeri dapat memerhatikan sejauh mana perkembangan sastera Brunei selepas penokohan penyair diraja, Muda Omar 'Ali Saifuddien sebagai Tokoh Sasterawan Islam Brunei.

"Setentunya banyak karya sastera telah diterbitkan oleh DBP Brunei selaku penggerak utama ehwal kebahasaan dan kesusteraan. Ramai pula penulis-penulis baharu telah muncul. Dan penulis-penulis lama pun ada yang tetap aktif berkarya.

"Antara mereka itu ada yang berjaya ditampilkan untuk turut menerima Anugerah Penulisan Sastera SEA Write Awards setiap kali ia diadakan di Bangkok, Thailand. Alhamdulillah penulis



tanah air kita sentiasa terjumlah," ujar Yang Berhormat lagi.

Satu hal yang menurut perhatian Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama ialah karya-karya sastera tanah air memerlukan kritikan yang serius oleh kritikus sastera yang juga serius.

Mereka hendaklah berpengetahuan melimpasi ehwal sastera dan budaya sampai ke ehwal banyak perkara termasuklah ehwal semasa politik dan sosial tanah airnya. Yang Berhormat seterusnya dengan sukacita mengistiharkan Dialog Serantau Borneo-Kalimantan Ke-15, Tahun 2023 dibuka.

Perasmian Dialog Serantau Borneo-Kalimantan Ke-15



YANG Berhormat ketika pelancaran dua buah buku iaitu 'Antologi Puisi Dialog Serantau Borneo-Kalimantan' dan 'Warisan Melayu Islam Beraja (MIB) Brunei : Pengukuhan Islam Kesinambungan dan Cabaran'.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BERAKAS, Jumaat, 4 Ogos. - Angkatan Sasterawan dan Sasterawani (ASTERAWANI) Brunei Darussalam dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Pejabat Sekretariat Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja dan Kumpulan PUTRA Seni mengadakan Dialog Serantau Borneo-Kalimantan Ke-15 pada tahun ini dengan membawakan tema, 'Melayu Islam Beraja Mengukuhkan Sastera Islam dan Nilai-nilai Budaya Serantau'.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan majlis tersebut yang diadakan di Dewan Balai Sarmayuda, DBP ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

>> Muka 17

NBD - MALAYSIA KOMITED KUKUHKAN HUBUNGAN



KUALA LUMPUR, MALAYSIA, Khamis, 3 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim berazam untuk meningkatkan lagi kerjasama dalam bidang kepentingan bersama untuk manfaat rakyat Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Malaysia.

Kedua-dua pemimpin juga berikrar akan terus komited untuk mengukuhkan hubungan antara kedua-dua negara dan dalam hal ini, menantikan Ulang Tahun Ke-40 Penubuhan Hubungan Diplomatik kedua-dua buah negara pada tahun 2024.

Perkara itu antara yang terkandung dalam Kenyataan Bersama pada Perundingan Tahunan Ketua-ketua Kerajaan Kali Ke-24 yang berlangsung di Kompleks Seri Perdana, Putrajaya.

Dalam Kenyataan Bersama tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat ke Kuala Lumpur, Malaysia bagi mengadakan Keberangkatan Negara ke Malaysia atas jemputan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia XVI (Ke-16) Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Al-Marhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj.

Keberangkatan Negara tersebut telah memperdalam lagi ikatan persahabatan dan kerjasama yang erat yang dikongsi antara ketua negara, kerajaan dan rakyat kedua-dua negara.

Semasa Keberangkatan Negara ini, Perundingan Tahunan Ketua-ketua Kerajaan Kali Ke-24 antara Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim.

Perundingan itu diadakan dalam suasana harmoni dan mesra menandakan hubungan rapat dan istimewa yang mengikat kedua-dua negara bersama. Menghargai usaha berterusan yang dilakukan sejak pertemuan terakhir semasa Lawatan Rasmi Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim ke NBD pada 24 hingga 25 Januari 2023, kedua-dua pemimpin berazam untuk meningkatkan lagi kerjasama dalam bidang kepentingan bersama untuk manfaat rakyat kedua-dua negara.

Kedua-dua pemimpin melahirkan rasa puas hati atas kemajuan yang dicapai dalam Pelaksanaan Pertukaran Watikah yang ditandatangani antara Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia pada 16 Mac 2009, yang terus memberi dorongan strategik lagi dalam memperdalam kerjasama antara kedua-dua negara.

Kenyataan Akbar : Kenyataan Bersama Perundingan Tahunan Ketua-ketua Kerajaan Kali Ke-24

Para pemimpin juga menggesa mekanisme pelaksanaan, yang dikenalpasti oleh Menteri Luar kedua-dua negara untuk memajukan lagi kerjasama untuk manfaat bersama NBD dan Malaysia.

Pada perundingan tersebut, kedua-dua pemimpin memuji Jawatankuasa Teknikal Bersama Sempadan Darat di antara Malaysia dan NBD atas kemajuan yang ketara dan positif yang dicapai dalam kerja-kerja ukur dan persempadanan bersama setakat ini, mencatatkan jumlah jarak 132.25km bersamaan 25 peratus daripada jumlah sempadan tanah telah dilakukan dan mengharapkan penyiapan semua kerja pada tahun 2034.

Sehubungan itu, para pemimpin menggesa kedua-dua pasukan teknikal untuk melaksanakan persempadanan semula dan tinjauan bersama dengan segera, terutamanya dalam bidang keutamaan yang dipersetujui iaitu Sektor A-B, Sektor F-G dan Sektor G-H.

Kedua-dua pemimpin juga mengakui bahawa The 2nd Brunei Darussalam Malaysia Joint Land Boundary Committee Meeting yang diadakan pada 6 Julai 2023 di Bandar Seri Begawan, di mana kedua-dua pihak secara serentak akan menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) pertama mengenai fasa-fasa yang telah ditanda dan ditinjau secara bersama meliputi bahagian khusus dalam Sektor C-D, Sektor D-E, dan Sektor K-L, sebahagian daripada Sektor JK di sekitar Jambatan Persahabatan dan Blok B di sekitar Teluk Brunei, dengan Pertukaran Nota di peringkat menteri untuk memberi komitmen kepada kedua-dua negara untuk membuat kemajuan bersama yang ketara dalam bidang keutamaan, khususnya Sektor F-G, secepat mungkin.

Kedua pemimpin juga mengambil maklum mengenai penyelesaian Terms of Reference (TOR) Jawatankuasa Kerja Mengenai Perkara Keselamatan Berkaitan Sempadan Tanah NBD-Malaysia.

Kedua-dua pemimpin bersetuju bahawa Jawatankuasa Kerja, antara lain, membantu kedua-dua pihak untuk bersama-sama menangani perkara berkaitan keselamatan di sepanjang sempadan tanah Malaysia-NBD.

Para pemimpin juga melahirkan rasa puas hati terhadap kemajuan berterusan yang dicapai oleh PETRONAS dan Petroleum Authority of Brunei Darussalam melalui kerjasama dalam The Commercial Arrangement Areas (CAA) dan Production Sharing Agreements (PSA).

Kebawah DYMM dan YAB Perdana Menteri Malaysia juga melahirkan rasa puas hati dengan pemeteraian MoU antara The Malaysian Investment Development Authority (MIDA) dan Brunei Investment Agency (BIA) pada 25 Januari 2023 dan mengalukan kemajuan dan pelaksanaan MoU tersebut dalam bidang yang saling menguntungkan.

Kedua-dua pemimpin itu menyatakan dengan suka citaan kemajuan yang dicapai untuk meneruskan kerjasama ekonomi yang lebih erat antara NBD dan Negeri Sabah dan Sarawak.

Sehubungan itu, para pemimpin juga mengalukan pembukaan The Sarawak Trade and Tourism Office (STATO) di Bandar Seri Begawan pada penghujung tahun ini, yang akan mengukuhkan lagi kerjasama pelancongan antara NBD dan Negeri Sarawak.

Para pemimpin juga mengalukan penjualan gas petroleum cecair kepada NBD dari

16 Jun 2023 hingga 1 Julai 2023, dan dalam hal ini, menggalakkan kedua-dua pihak memperkuuh usaha untuk meningkatkan lagi kerjasama ekonomi antara NBD dan Negeri Sabah dan Sarawak.

Para pemimpin selanjutnya mengesahkan keperluan untuk meneruskan hubungan yang lebih erat antara NBD dan Sarawak, dan mengalukan cadangan untuk memasukkan NBD dalam Lebih Raya Pantai Utara, yang akan menyumbang kepada memajukan faedah sosioekonomi bagi kerajaan dan rakyat NBD dan Malaysia.

Kedua-dua pihak mengalukan inisiatif eksport NBD dengan Sabah dan Sarawak untuk makanan diproses termasuk produk berasaskan daging yang dijadualkan pada tahun ini, yang akan membantu mengukuhkan keselamatan makanan dan bekalan.

Kebawah DYMM dan YAB Perdana Menteri Malaysia juga melahirkan rasa kagum dengan kerja-kerja Jawatankuasa Pertanian Teknikal NBD dan Sarawak dalam usaha mereka meneroka peluang dalam kerjasama pertanian.

Para pemimpin menyambut baik dengan penyelaras yang lancar antara kedua-dua pihak dalam eksport dan import produk pertanian dan seterusnya mengakui bahawa ini akan membuka jalan untuk kerjasama yang lebih erat dalam pertanian antara NBD dan Sarawak.

Kedua-dua pemimpin mengambil maklum bahawa The 2nd Bilateral Meeting between The National Disaster Management Agency (NADMA) Malaysia dan The National Disaster Management Centre (NDMC) NBD telah diadakan pada 3 hingga 6 Julai 2023 di Bandar Seri Begawan.

Pemimpin seterusnya mengesahkan kepentingan mengukuhkan kerjasama dalam pengurusan bencana melalui latihan bersama dan program pembinaan kapasiti serta pertukaran kepakaran dan maklumat mengenai kesiapsiagaan bencana dan pengurangan risiko.

Kedua-dua pemimpin mengalukan kedua-dua belah pihak untuk terus bekerja rapat ke arah memuktamadkan pembaharuan MoU mengenai kerjasama kesihatan yang ditandatangani pada 2006 dalam meningkatkan keupayaan dan kepakaran profesional kesihatan di kedua-dua negara.

Para pemimpin juga mengalukan pemeteraian perjanjian antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Kebawah DYMM mengenai Pemindahan Banduan Antarabangsa (International Transfer of Prisoners - ITOP) yang akan memudahkan pemindahan banduan antara Malaysia dan NBD tanpa menjelaskan keselamatan dan keselamatan banduan serta orang ramai.

Membina hubungan rakyat dengan rakyat yang aktif, khususnya melalui kerjasama belia dan sukan, para pemimpin juga mengalukan pembaharuan MoU kerjasama dalam bidang belia dan sukan yang ditandatangani pada 2011 yang akan menyumbang kepada mempertingkatkan lagi bidang sukan dan pembangunan sosial belia kedua-dua negara.

Para pemimpin juga seterusnya mengalukan pemeteraian MoU kerjasama dalam bidang Kehakiman Syariah dan melahirkan keyakinan bahawa ini akan dapat memperkuuh, menggalakkan dan membangunkan kerjasama dalam bidang Kehakiman Syariah antara kedua-dua negara, termasuk melalui

inisiatif pertukaran program pegawai Syariah dan penyelidikan bersama.

Para pemimpin melahirkan rasa puas hati dengan kerjasama erat dua hala dalam bidang pertahanan antara Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) yang terus diperkuuh melalui pertukaran lawatan berkala, penglibatan peringkat rasmi, kursus latihan dan latihan ketenteraan. Para pemimpin juga menekankan kepentingan kerjasama pertahanan antara kedua-dua negara terutama dalam mengekalkan keamanan dan kestabilan memandangkan cabaran dan ancaman keselamatan di rantaui ini.

Kebawah DYMM dan YAB Perdana Menteri Malaysia juga memuji usaha mengagumkan anggota ATM dan ABDB dalam menyumbang ke arah mengekalkan keamanan dan kestabilan antarabangsa, khususnya di bawah skop pasukan United Nations Interim Forces in Lebanon (UNIFIL) dan mengalukan penyertaan dua anggota tentera wanita dalam penempatan terbaharu ABDB untuk meningkatkan penyertaan wanita dalam menyokong agenda Wanita, Keamanan dan Keselamatan.

Kedua-dua pemimpin juga turut mengesahkan komitmen mereka untuk melaksanakan kerjasama digital termasuk dalam ketersambungan digital, keselamatan siber, perlindungan data peribadi dan kemunculan teknologi baharu, dan mengalukan kemajuan yang dicapai ke arah memuktamadkan MoU dalam bidang kerjasama digital.

Para pemimpin juga memuji penandatanganan Air Services Agreement (ASA) pada 24 Mei 2023 di Langkawi, Malaysia semasa Pameran Maritim dan Aeroangkasa Antarabangsa Langkawi (Langkawi International Maritime and Aerospace Exhibition - LIMA'23) Edisi Ke-16 untuk menambah baik ASA sedia ada melalui penyediaan perkhidmatan udara yang lebih liberal dan di luar wilayah kedua-dua negara. Kedua-dua pemimpin juga menyatakan keyakinan bahawa ASA baharu akan mewujudkan lebih banyak peluang ke arah meningkatkan trafik udara antara NBD dan Malaysia melalui bilangan destinasi penerbangan, menyelaraskan pemuliharaan industri penerbangan serta meningkatkan perkhidmatan pengangkutan udara yang lebih cekap dengan tujuan untuk meningkatkan ekonomi, perdagangan dan pertumbuhan sosial bagi kedua-dua negara.

Para pemimpin juga menegaskan pelbagai faedah dalam mempertingkatkan ketersambungan pengangkutan, khususnya dalam memudahkan pergerakan berterusan barang dan rakyat antara NBD dan Malaysia. Sehubungan itu, para pemimpin menggesa penyelesaian MoU mengenai kerjasama dalam bidang pengangkutan yang disasarkan pada tahun ini, yang akan meningkatkan lagi kerjasama dalam keselamatan pengangkutan, kemampuan teknologi dan inovasi antara kedua-dua negara.

Kedua-dua pemimpin juga mengambil maklum akan kemajuan cemerlang dalam kerjasama pertanian, khususnya melalui latihan dan pertukaran kepakaran yang dijalankan oleh Malaysian Agricultural Research and Development Institute (MARDI).

Kedua-dua pemimpin turut bertukar pandangan mengenai beberapa isu serantau dan antarabangsa yang mempunyai kepentingan bersama. Para pemimpin juga menekankan keperluan untuk ASEAN kekal bersatu dan relevan, supaya ia dapat mengekalkan peranan pusatnya



sebagai kuasa penggerak utama yang berkesan dan responsif dalam menangani peluang dan cabaran masa depan.

Para pemimpin seterusnya menegaskan komitmen mereka untuk terus bekerjasama dengan Rakan Dialog ASEAN dan mengekalkan pendekatan pandangan luar ASEAN berdasarkan kepada kepentingan dan faedah bersama untuk memajukan lagi usaha pembinaan komuniti ASEAN.

Para pemimpin juga membincangkan perkembangan terkini di Myanmar dan menyatakan kebimbangan mengenai keganasan yang berterusan di negara itu. Kedua-dua pemimpin menyeru Myanmar untuk melaksanakan sepenuhnya Five-Point Consensus (5PC) dan mengulangi pendirian bersatu bahawa 5PC kekal sebagai rujukan utama ASEAN untuk menangani krisis politik di Myanmar.

Kedua-dua pemimpin juga mengesahkan komitmen mereka untuk bekerjasama rapat dalam ASEAN dan rakan kongsi luar, termasuk Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi mengalakukan kemajuan dalam pelaksanaan 5PC secara keseluruhan, selaras dengan keputusan Pemimpin ASEAN pada Sidang Kemuncak ASEAN Ke-42, dengan matlamat mencari penyelesaian yang aman dan tahan lama, demi kepentingan rakyat Myanmar.

Kedua-dua pemimpin membincangkan situasi Occupied Palestinian, dan menyatakan kebimbangan bahawa tahun ini menandakan Ulang Tahun Ke-75 Nakba. Para pemimpin menyeru United Nations Security Council (UNSC) dan anggota masyarakat antarabangsa untuk menuntut Occupying Power bagi menghentikan jenayah kekejaman terhadap rakyat Palestin, dengan tujuan untuk menamatkan pendudukan dan mencapai keamanan yang komprehensif dan berkekalan di Timur Tengah, selaras dengan undang-undang antarabangsa dan semua resolusi UNSC yang berkaitan.

Kedua-dua pemimpin itu juga menegaskan pendirian mereka yang tidak berbelah bahagi bahawa rakyat Palestin berhak mendapat hak mereka untuk sebuah negara yang merdeka dan berdaulat, berdasarkan sebelum sebelas 1967, dengan Baitulmaqdis Timur sebagai ibu kotanya.

Kebawah DYMM turut menyampaikan ucapan tahniah kepada YAB Perdana Menteri Malaysia serta ucapan tahniah daripada kerajaan dan rakyat NBD untuk seluruh rakyat Malaysia sempena Hari Kemerdekaan Malaysia yang Ke-66 pada 31 Ogos 2023.

Kedua-dua pemimpin turut berpuas hati dengan hasil pertemuan dan menantikan pelaksanaan keputusan yang dicapai untuk mengukuhkan lagi hubungan dua hala dan kerjasama antara Malaysia dan NBD untuk manfaat bersama rakyat.

Para pemimpin juga bersetuju untuk mengadakan Perundingan Tahunan Ketua-ketua Kerajaan Ke-25 di NBD pada tahun 2024.

SALURAN RADIO AL-QURAN DILANCARKAN SEMPENA 30 TAHUN PENUBUHAN ITQSHHB



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwah Ugama ketika berucap pada Majlis Pelancaran Rancangan Radio Bacaan 30 Juzu' Al-Quran (kanan), manakala gambar atas, Yang Berhormat bergambar ramai pada majlis tersebut yang diadakan di The Rizqun International Hotel.

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid,
Ihsan Pusat Da'wah Islamiah

>> Muka 1

Hadir selaku tetamu kehormat, Menteri Hal Ehwah Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Turut hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwah Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatiha oleh Pegawai Pelajaran,

ITQSHHB, Awang Muhammad Najib bin Haji Ali Akbar.

Diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Pengarah PDI, Awang Haji Abd. Rajid bin Haji Mohd. Salleh, selaku Pengurus Bersama Majlis.

Dalam ucapannya, beliau antara lain menjelaskan antara ciri-ciri keistimewaan bacaan 30 Juzuk Al-Quran yang dikumandangkan oleh Hafiz tempatan ini mengandungi inspirasi gabungan lagu-lagu murattal daripada qari-qari Hafiz tersohor seperti Dr. Sheikh Mod Ayyob Rahimahullah,

Sheikh Abdullah Jabir Rahimahullah, Sheikh Mahmud Khalil Rahimahullah dan Sheikh Mahmoud Ibrahim Ajlan, mantan Muallim di Institut Tahfiz Al-Quran, di samping lenggok lagu Al-Quran tempatan yang diambil melalui bacaan arwah ibu beliau yang juga seorang qariah suatu masa dulu.

InsyaaAllah tambahnya, bacaan Al-Quran ini akan diperdengarkan bermula dari Surah Al-Fatiha hingga Surah An-Nas dengan cara bacaan Al-Quran riwayat Hafs dari Imam Ashim, Toriq AsShatibiah dan seterusnya bacaan Doa Khatam Al-Quran dari Mushaf Brunei Darussalam.

Majlis kemudian disusuli dengan menyaksikan tayangan video klip mengenai projek Aplikasi Mushaf Brunei dan diteruskan dengan Pelancaran Rancangan Radio Bacaan 30 Juzu' Al-Quran yang disempurnakan oleh tetamu kehormat.

Majlis turut diserikan dengan persembahan daripada Hafiz tempatan, Pegawai Pelajaran (Al-Qur'an dan Al-Qira'at), Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran MABIMS, ITQSHHB, Awang Mohd. Hashim bin Haji Abdullah.

Bagi memberkati majlis, bacaan Doa Selamat dibacakan oleh Awang Muhammad Najib.

Majlis pelancaran diadakan bertujuan untuk membarangakan

rancangan radio baharu kelolaan PDI, Kementerian Hal Ehwah Ugama melalui saluran radio Al-Quran 89.1FM dan 99.7FM.

Di samping itu, sebagai kemudahan untuk orang ramai mendengar Ayat-ayat Suci Al-Quran dengan kaedah bacaan yang betul dan sempurna serta dapat menghayatinya.

Ia juga bertujuan untuk menampilkan Hafiz Tempatan Negara Brunei Darussalam dengan bacaan audio secara murattal 30 Juzuk Al-Quran di saluran radio Al-Quran 89.1FM dan 99.7FM yang mana kedua-dua saluran radio ini akan menyiaran bacaan tersebut 24 jam pada setiap hari.

Komitited memperkuuh kerjasama dalam keselamatan makanan global

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 4 Ogos. - Mesyuarat Menteri-menteri Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik mengenai Keselamatan Makanan (FSMM APEC) Ke-8 dihoskan oleh Amerika Syarikat, menerusi tema APEC 2023 iaitu 'Creating a Resilient and Sustainable Future for All'.

Mesyuarat tersebut dipengerusikan oleh Setiausaha Pertanian Amerika Syarikat, Tuan Yang Terutama Thomas J Vilsack.

Negara Brunei Darussalam telah diwakili oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin, melalui sidang video.

Turut hadir, Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), Dayang Hajah Tutiati binti Haji Abdul Wahab dan pegawai-pegawai kanan dari KSSUP.

FSMM APEC Ke-8 diadakan untuk mengesahkan komitmen ke arah peralihan, kepada sistem pertanian makanan yang lebih mampan dan boleh dipercayai, untuk menghadapi cabaran dalam keselamatan makanan global, sambil menangani punca dan mengurus akibat perubahan iklim melalui 1) Kesalinghubungan: membina rantau yang berdaya tahan dan saling berkaitan yang memajukan kemakmuran ekonomi yang meluas; 2) Inovasi :

membolehkan persekitaran yang inovatif untuk masa depan yang mampan; dan 3) Keterangkuman : mengesahkan masa depan yang saksama dan inklusif untuk semua.

Mesyuarat berkenaan mengiktiraf, bahawa pengesahan Prinsip Mencapai Keselamatan Makanan Melalui Sistem Pertanian Makanan Mampan di Rantau APEC, mewakili visi bersama untuk membimbing kerjasama serantau dalam membangunkan sistem pertanian makanan yang berdaya tahan.

Prinsip ini akan menyokong dan memacu ketersediaan serantau, mengenai pembangunan mampan, komitmen alam sekitar, dan perdagangan melalui lensa pertanian dan makanan yang diperlukan untuk mencapai keselamatan makanan.

Dalam mesyuarat tersebut, Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan mengulangi

kepentingan prinsip-prinsip dalam menyumbang kepada persefahaman bersama di kalangan ekonomi APEC, tentang peranan kritikal mereka dalam menyokong keselamatan makanan, boleh mencapai kemajuan jangka panjang sistem pertanian makanan dan keselamatan makanan yang mampan dan berdaya tahan selaras dengan Pelan Hala Tuju Keselamatan Makanan Ke Arah 2030.

Beliau seterusnya menyebut bahawa, dalam kapasiti ekonomi



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan menghadiri Mesyuarat Menteri-menteri Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik mengenai Keselamatan Makanan (FSMM APEC) Ke-8 dihoskan oleh Amerika Syarikat melalui sidang video.

APEC, meningkatkan kerjasama, perkongsian pengetahuan dan pelaksanaan dasar dan peraturan yang menyokong sistem pertanian makanan, boleh mencapai kemajuan jangka panjang sistem pertanian makanan dan keselamatan makanan yang mampan dan berdaya tahan selaras dengan Pelan Hala Tuju Keselamatan Makanan Ke Arah 2030.

Amerika Syarikat sebagai tuan

rumah, mengeluarkan Kenyataan Pengerusi Menteri Keselamatan Makanan APEC 2023 yang mengesahkan pengiktirafan APEC terhadap kenaikan harga global untuk input makanan dan pertanian, keimbangan yang semakin meningkat terhadap perubahan iklim dan konflik yang berterusan yang memburukkan lagi sekuriti makanan global di peringkat global dan juga peringkat APEC, untuk mendorong kerjasama negara anggota APEC dalam mencapai keselamatan makanan yang mampan, berdaya tahan dan jangka panjang.

Menteri-menteri dan anggota ekonomi APEC merakamkan penghargaan mereka, kepada tuan rumah dan sokongan terhadap usaha penting dan penglibatan dalam tindakan ekonomi individu dan kolektif ke arah mencapai keselamatan makanan di rantau APEC.

PELUANG MEMBANGUN, MENGASAH KEMAHIRAN ADVOKASI



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II ketika berucap pada majlis tersebut (atas), manakala gambar kiri, Yang Berhormat bergambar ramai pada majlis tersebut yang diadakan di Bangunan JPM.

Oleh : Marlina Waty Hussin
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas,
Mohammad Hanif A. Halit

>> Muka 1

Dalam ucapan khas, Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II merista kembali titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Majlis Haflut Takharruj Ke-10 Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) pada 9 November 2020 yang antara lain baginda bertitah menekankan agar para graduan merebut segala peluang yang ada dan memupuk sikap ingin memajukan diri, kerana segulung ijazah bukanlah penamat dari terus menimba ilmu, sebagaimana Islam

melihat bahawa menuntut ilmu itu adalah kerja sepanjang hayat.

Kursus Asas Advokasi Syariah berkenaan ujar Yang Berhormat, adalah bagi menjunjung titah Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, untuk memberikan para graduan perundungan Syariah yang berkelulusan profesional peluang bagi membangun dan mengasah kemahiran advokasi dan seterusnya sebagai persediaan menghadapi pelbagai cabaran yang dihadapi oleh seorang Peguam Syarie.

Yang Berhormat seterusnya

menggariskan bahawa kursus berkenaan buat julung kalinya diadakan pada tahun lepas dan telah menerima sambutan yang positif serta menggalakkan daripada para peserta kursus dan juga pengamal undang-undang.

"Kita maklumi bersama negara kita Negara Brunei Darussalam (NBD) adalah negara yang mengamalkan *dual legal system*, iaitu Sistem Perundungan Syariah dan Sistem Perundungan Sivil. Kedua-dua sistem perundungan menjaga keadilan dan *due process*nya," tambah Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya menerangkan bahawa para peserta yang menghadiri kursus berkenaan adalah pemangkin masa hadapan sistem perundungan NBD dan

menjadi tonggak bagi memastikan kedaulatan undang-undang sentiasa terjamin.

Berikut itu, pendedahan dan peningkatan kemahiran advokasi, iaitu pada peringkat praktikal perlu diberi keutamaan.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, dengan meningkatkan kecekapan dan kemahiran dalam bidang advokasi, adalah diharapkan ia akan dapat meningkatkan kebolehpasaran atau *marketability* para peserta dalam mencari kerja ataupun bagi mereka yang sudah bekerja meningkatkan kebolehpasaran kepada bakal klien-klien yang ingin mendapatkan khidmat Peguam Syarie.

Yang Berhormat juga turut melahirkan harapan agar semua peserta akan dapat mengambil

kesempatan berkenaan dan memanfaatkan ilmu-ilmu yang disampaikan, mengambil kira para peserta merupakan bakal pelapis masa depan dalam sektor Perundungan Syariah bagi mengukuhkan falsafah Melayu Islam Beraja (MIB) dengan penerapan konsep Negara Zikir yang menepati matlamat sebuah negara 'Baladatun, Tayyibatun, Warabbun Ghafur', iaitu negara yang aman makmur dengan mendapat keredaan dan pengampunan dari Allah Subhanahu Wata'ala.

Kursus berkenaan disampaikan oleh penceramah dan pelatih yang terdiri daripada para hakim serta Pegawai Mahkamah Syariah, Pendakwa-pendakwa Syarie serta Peguam-peguam Syarie daripada firma guaman swasta, yang berkepakaran serta berpengalaman dalam bidang advokasi.

Para peserta adalah terdiri daripada para graduan lepasan UNISSA dan universiti-universiti antarabangsa.

Perasmian Dialog Serantau Borneo-Kalimantan Ke-15

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

>> Muka 14

Juga hadir pada majlis perasmian tersebut, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad.

Majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Ketua 1 ASTERAWANI Brunei

Darussalam, Profesor Ampuan Dr. Haji Brahim bin Ampuan Haji Tengah yang juga selaku Pengurusi Bersama Dialog Serantau Borneo-Kalimantan Ke-15, Tahun 2023.

Selepas itu, diteruskan dengan ucapan perasmian daripada tetamu kehormat majlis, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama yang juga mempersembahkan bacaan puisi

di mana Yang Berhormat juga dikenali dengan nama pena, Badaruddin H.O.

Kemudian, majlis perasmian tersebut diikuti dengan pembentangan ucaptama yang disampaikan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Majlis juga diisikan dengan pelancaran dua buah buku iaitu

'Antologi Puisi Dialog Serantau Borneo-Kalimantan' dan 'Warisan Melayu Islam Beraja (MIB) Brunei : Pengukuhan Islam Kesinambungan dan Cabaran' serta diikuti dengan penyerahan buku Antologi Dialog Serantau Borneo-Kalimatan kepada para penulis yang disampaikan oleh tetamu kehormat majlis.

Antara objektif Dialog Serantau Borneo-Kalimantan ini diadakan adalah menggali akar

persamaan budaya dalam rangka meningkatkan dan memperkuatkan kekerabatan dan persahabatan serumpun Borneo-Kalimantan.

Selain itu, dialog adalah mempertemukan para penulis, ahli akademik dan profesional sastera serantau, mengenal pasti konsep sastera Islam pelbagai kelompok masyarakat serantau serta mewujudkan persahabatan dan perpaduan antara masyarakat serantau.

Dialog buka rahsia ilmu

BERAKAS, Jumaat, 4 Ogos. - Sifat dialog amat bagus untuk membuka pintu-pintu tertutup atau membongkar segala khazanah-khazanah yang terpendam untuk diketahui.

Apa yang ada disebalik pintu atau yang terpendam di dalam bumi adalah berharga. Maka demikian itulah dengan dialog. Ia mampu untuk membuka rahsia-rahsia ilmu termasuk ilmu literature (ilmu penulisan atau pengucapan yang bernilai seni) yang dipanggil hasil sastera.

Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned menjelaskan perkara tersebut dalam ucaptama pada Majlis Perasmian Dialog Serantau Borneo Kalimantan Ke-15 Tahun

2023, yang berlangsung di Dewan Balai Sarmayuda, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Brunei.

"Sekarang tema dialog berbunyi Melayu Islam Beraja (MIB) Mengukuhkan Sastera Islam dan Nilai-Nilai Budaya Serantau, satu tajuk yang memerlukan ulasan dan bahkan kajian, apakah benar MIB itu mampu mengukuhkan sastera Islam dan nilai-nilai budaya serantau," jelas Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat, banyak elemen yang boleh dijadikan bahan berkarya. Elemen-elemen dalaman dan persekitaran adalah cukup untuk membuka idea untuk berkarya.

"Elemen-elemen geo-politik, membangun negara, memperkasa ekonomi, melestarikan pendidikan, membina akhlak, pergolakan

dunia, membakar dan menghina Al-Quran, fenomena alam berupa ribut taufan, banjir besar, tsunami, gempa bumi, wabak penyakit, peperangan, kejadian-kejadian atau perkara-perkara yang menjadi alamat hampir kiamat, LGBT, dadah, arak, muzik dan lain-lain.

"Semua itu boleh sahaja mencetuskan karya-karya sastera berunsurkan keislaman hanya tertakluk kepada adanya kebolehan dan kemauan untuk memanfaatkannya," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat Mufti Kerajaan seterusnya menegaskan, ilmu yang perlu diburu ialah ilmu Islam, ilmu akidah bahkan ilmu bahasa / pengucapan juga perlu dikuasai supaya tidak terbabas dari landasan hukum yang benar.

TIPS MEMUAT NAIK

PENTING: Pastikan menggunakan pelayar seperti Google Chrome / Mozilla Firefox / Safari

#1 Format fail yang betul
PDF: Kad Pengenalan, Lesen, Memandu, Sijil, Transkrip & Lain-lain Dokumen
JPG / PNG: Gambar Berukuran Passport (Gambar Profil)

#2 Saiz fail tidak melebihi 3MB

#3 Dokumen yang diimbas hendaklah dalam versi asal / berwarna

#4 Nama fail tidak mengandungi sebarang simbol dan jarak (space)

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN



YANG Mulia Timbalan Menteri hal Ehwal Ugama semasa menyampaikan ucapan pada Majlis Pelancaran Kursus Tarannum Al-Quran bagi Peringkat Pra-Lanjutan bertempat di Dewan Multaqa, Lantai Bawah, Bangunan Tambahan KHEU, di sini.

Tashim bin Pengiran Haji Hassan berucap demikian semasa Majlis Pelancaran Kursus Tarannum Al-Quran bagi Peringkat Pra-Lanjutan bertempat di Dewan Multaqa, Lantai Bawah, Bangunan Tambahan KHEU, di sini.

"Semoga abiskita akan terus bersikap proaktif untuk mendalami pengajian Tarannum Al-Quran sehingga akan menjadi pelapis generasi akan datang malah menjadi tokoh dan pakar dalam bidang Tarannum insyaAllah," ujar Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim.

Menurut Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama lagi, Kursus Tarannum Al-Quran Peringkat Pra-Lanjutan diperkenalkan iaitu sebagai usaha kesinambungan pembelajaran daripada lepasan pengajian Skim Tilawah Al-Quran Remaja (STAR).

Malah jelasnya, inisiatif ini akan diteruskan dengan membuka Kursus Peringkat Lanjutan (Advance Course) di mana pengisian program atau modul-modul kursusnya adalah lebih intensif termasuk akan mendatangkan qari dan qariah tersohor dan pakar dalam bidang Tarannum Al-Quran peringkat antarabangsa.

Dalam kursus lanjutan itu nanti tambah beliau, dijangka akan turut mengintai keperluan mendatangkan guru vokal / vocal instructor yang berkemahiran dan berpengalaman melatih figura dalam bidang seni suara.

"Saya menyambut baik usaha Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran MABIMS ini. Ia adalah merupakan satu plan atau program transisi dalam usaha melahirkan qari dan qariah negara yang berprestij dan mempunyai kepakaran dalam bidang ilmu Tarannum."

Setentunya dengan menguasai ilmu Tarannum nescaya ia telah dapat merangkumi aspek pembacaan Al-Quran seperti makhraj-makhraj, sifat-sifat huruf, hukum-hukum tajwid, fasahah dan waqaf ibtida'.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad



YANG Mulia Timbalan Menteri hal Ehwal Ugama bergambar ramai bersama para peserta dan tenaga pengajar Kursus Tarannum Al-Quran bagi Peringkat Pra-Lanjutan.

"Dengan meletakkan objektifnya untuk melahirkan lebih ramai qari dan qariah dari kalangan belia untuk lebih mendekatkan diri mencintai Al-Quran serta mendalami disiplin ilmu Tarannum Al-Quran secara bertalaqqi dan bermusyafahah dengan guru yang berkemahiran, maka saya penuh berkeyakinan, dengan keberkatan Al-Quran juga, maka pengungkahan mengadakan Kursus Tarannum Pra-Lanjutan yang dilancarkan pada pagi ini dan seterusnya Kursus Tarannum Lanjutan yang akan menyusul nanti, insyaAllah akan mendapat kejayaan dan kecemerlangan," jelas Yang Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama.

Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim

seterusnya menyeru agar Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran MABIMS akan terus mengorak langkah menjadi peneraju dalam memartabatkan ilmu Al-Quran di negara ini dengan menyediakan pelbagai inisiatif dan menyusun modul-modul dalam pelbagai disiplin ilmu Al-Quran untuk faedah kepada semua pihak sehingga kita dapat menyumbang kepakaran di arena antarabangsa.

"Dan khusus mengenai Kursus Tarannum ini, kita penuh berharap ia akan dapat memacu dalam membawa perubahan dalam perkembangan pembacaan Al-Quran dan menyemarakkan lagi perkembangan ilmu Al-Quran itu sendiri.

"Malah pada masa yang

sesuai, perlu mengambil inisiatif menyebarkan ilmu Tarannum Al-Quran kepada kumpulan sasar yang lain melalui modul-modul tertentu untuk pembelajaran berkesan.

"Ini juga termasuk menerbitkan penulisan yang membincangkan mengenai ilmu Tarannum Al-Quran dan tokoh-tokoh qarinya bagi menarik kecenderungan masyarakat kepada cintakan Al-Quran dengan lebih berkesan," ujarnya.



PENGARAH Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran MABIMS, KHEU, Pengiran Haji Amiruddin bin Pengiran Haji Damit selaku Pengurus Bersama Jawatankuasa Kerja Kursus Tarannum Al-Quran bagi Peringkat Pra-Lanjutan bagi tahun 1445H / 2023M semasa berucap pada majlis tersebut.

Sesi pertama akan diadakan selama empat hari iaitu pada 6, 11, 13 dan 18 Ogos 2023, manakala sesi kedua akan diadakan selama lima hari iaitu pada 8, 10, 15, 17 dan 22 September 2023 dan dilaksanakan pada setiap Jumaat dan Ahad, bertempat di ITQSHB, Blok 2H tingkat 5, Bangunan Kondominium Ong Sum Ping, Bandar Seri Begawan.

Sementara fasilitator kursus pula terdiri dari qari dan qariah Negara Brunei Darussalam yang pernah layak ke Musabaqah Tilawah Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan iaitu Dayang Hajah Aminah binti Haji Abdul Manaf; Pengiran Adibul Amin bin Pengiran Haji Marjuki dan Awang Haji Mohd. Noor bin Haji Ibrahim. Kursus merupakan aktiviti tahunan PPPQ MABIMS.

Kursus Tarannum Al-Quran Peringkat Pra-Lanjutan dilancarkan

BERAKAS, Jumaat, 4 Ogos. - Seramai 15 peserta iaitu 11 peserta lelaki dan empat peserta perempuan lepasan dari Skim Tilawah Al-Quran Remaja (STAR), Jabatan Pengajian Islam (JPI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) akan menyertai Kursus Tarannum Al-Quran bagi Peringkat Pra-Lanjutan, anjuran Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran (PPPQ) MABIMS dengan kerjasama JPI, KHEU.

Kursus Tarannum Al-Quran bagi Peringkat Pra-Lanjutan ini bertujuan untuk memberikan peluang kepada para belia mendalami disiplin ilmu Tarannum Al-Quran secara bertalaqqi dengan guru yang berkemahiran dalam bidang Tarannum Al-Quran agar dapat melahirkan lebih ramai qari dan qariah dari kalangan para belia yang berkebolehan, berdisiplin serta berwibawa sehingga dapat menjadi kebanggaan masyarakat dan negara, di samping mengembangkan disiplin ilmu-ilmu Tarannum Al-Quran dengan lebih luas bermula dari peringkat asas sehingga ke peringkat profesional.

Sehubungan itu, Majlis Pelancaran Kursus Tarannum Al-Quran bagi Peringkat Pra-Lanjutan disempurnakan oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal

Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan bertempat di Dewan Multaqa, Lantai Bawah, Bangunan Tambahan KHEU, di sini.

Berucap pada majlis tersebut, Pengarah Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran MABIMS, KHEU, Pengiran Haji Amiruddin bin Pengiran Haji Damit selaku Pengurus Bersama Jawatankuasa Kerja Kursus Tarannum Al-Quran bagi Peringkat Pra-Lanjutan

2023M berkata bahawa kursus berkenaan merupakan projek tahunan PPPQ MABIMS dan Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHB), KHEU dan telah bermula pada tahun 2017-2019.

Pada tahun 2022 tambahnya, pihak PPPQ MABIMS, telah mengemaskini lagi pelaksanaan kursus ini dengan beberapa penambahbaikan dan alhamdulillah, pada tahun ini, kursus ini telah dijenamakan semula sebagai Kursus Tarannum

Al-Quran Peringkat Pra-Lanjutan di mana ia memfokuskan kepada para belia yang menguasai asas-asas Tarannum Al-Quran sama ada melalui pelbagai platform dari agensi-agensi yang berkenaan yang melaksana sesi pembelajaran Tarannum Al-Quran seperti Skim Tilawah Al-Quran Remaja ringkasnya STAR yang dikawal selia Bahagian Lanjutan, JPI, KHEU.

"Kursus ini akan memberikan pendekaran dan perkembangan semasa disiplin ilmu Tarannum Al-Quran secara ilmiah dan praktikal seperti prosesan nada, itonasi, rentak dan grinik irama melalui maqam-maqam Tarannum yang dibawakan seperti bayati, soba, hijaz, rast, jiharkah, sikah dan nahawand dengan gabungan pendekatan maqam yang lain seperti banjakah, bastanjar dan sebagainya yang dipelopori qari di peringkat serantau dan antarabangsa," jelasnya.

Pada majlis tersebut, Yang Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama turut menyampaikan ucapan dan seterusnya menyempurnakan pelancaran kursus berkenaan.

Kursus akan dibahagikan kepada dua sesi iaitu sesi pertama pada bulan Ogos 2023, dan sesi kedua pada bulan September 2023.



ANTARA yang hadir pada majlis tersebut.

LAKUKAN HIJRAH DENGAN DEKATKAN DIRI KEPADA ALLAH



Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Dk. Nur Hafizah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 3 Ogos. - Sambutan Ilal Hijrah adalah sebagai

memperingati peristiwa hijrah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam demi menyelamatkan

akidah umat Islam pada ketika itu.

Seseorang itu juga perlu memahami dari segi konsep dan falsafah peristiwa hijrah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Bagi umat Islam pada masa ini,

YANG BERHORMAT Menteri Pembangunan semasa hadir pada Majlis Sambutan Ilal Hijrah 1445, Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya yang berlangsung di Dewan Betabur, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Pembangunan, Berakas.

Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya yang berlangsung di Dewan Betabur, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Pembangunan, Berakas, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid.

Turut hadir pada majlis berkenaan, Setiausaha Tetap (Infrastruktur, Perumahan dan Profesional), Ir. Awang Haji Amer Hishamuddin bin Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Zakaria; Timbalan Setiausaha Tetap (Industri Pembinaan dan Kemajuan), Sr. Dayang Hajah Norhayati binti Haji Mohd. Yaakub; Pemangku Ketua Pengarah Kerja Raya, ketua-ketua jabatan serta para pegawai dan kakitangan Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya.



ANTARA yang hadir pada majlis tersebut (atas dan kiri sekali). Sementara gambar kiri, Ceramah Khas bertajuk 'Hijrah Ku' disampaikan oleh Pegawai Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Mohammad Nasyith bin Superi pada Majlis Sambutan Ilal Hijrah 1445,

Doa Kesukuran semarakkan Hari Keputeraan Ke-77

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad
Foto : Hamzah Mohidin



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 3 Ogos. - Peristiwa hijrah merupakan titik bermulanya kegemilangan Islam di mana

Baginda Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam telah membentuk sebuah masyarakat taat kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan tekun dalam melaksanakan amal ibadah.

Selain itu, ia juga merupakan masyarakat yang berkualiti, memiliki kepakaran dalam bidang ilmu pengetahuan, ketenteraan, perdagangan, ekonomi dan sebagainya. Semua itu telah membuatkan agama Islam menjadi kuat dan digeruni.

Perkara tersebut antara inti pati

PEGAWAI Hal Ehwal Masjid di Jame' Asr Hassanal Bolkiah, Kampung Kiarong, Pengiran Ahmad Faris Ramadhan bin Pengiran Haji Sellahuddin semasa menyampaikan ceramah.



PENOLONG Pengarah Urusan (Perkhidmatan Korporat) YSHHB, Awang Abdullah @ Dollah bin Haji Ahad semasa hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut. Sementara gambar kiri, antara yang hadir.

ceramah yang disampaikan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid di Jame' Asr Hassanal Bolkiah, Kampung Kiarong, Pengiran Ahmad Faris Ramadhan bin Pengiran Haji Sellahuddin pada Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesukuran bersempena menyambut Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-77 bagi Masjid, Surau dan Balai Ibadat Daerah Brunei dan Muara (DBM) Zon 1, Tahun 2023 yang berlangsung di Masjid Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB), Kampung Bolkiah, hari ini.

Pengiran Ahmad Faris Ramadhan seterusnya menekankan akan kepentingan dalam berhijrah adalah, tujuan hijrah itu sendiri, hendaklah ia diniatkan kerana Allah dan Rasul-Nya.

"Hijrah sepatutnya dilakukan setiap hari, agar setiap hari kita akan sentiasa berusaha menjadi hamba Allah yang lebih baik dari semalam, menjadi hamba yang lebih dekat dan semakin dekat dengan Allah Subhanahu Wata'ala. Bukan menunggu tahun baru hijrah tiba, barulah kita berazam untuk melakukan penghijrahan ke arah yang lebih baik," katanya lagi.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis anjuran secara

kolaborasi Pegawai-pegawai Masjid Zon 1 DBM bersama masjid berkenaan, Penolong Pengarah Urusan (Perkhidmatan Korporat) YSHHB, Awang Abdullah @ Dollah bin Haji Ahad.

Majlis juga diimarahkan dengan bacaan Surah Yaa Siin beramai-ramai yang dikepalai oleh Pemangku Bilal Masjid Kampung Menunggol, Awang Mohammad Assraffy bin Haji Ibrahim. Sementara itu, Ketua Imam Masjid Yayasan pula memimpin bagi Doa Kesukuran.

Juga hadir, pegawai-pegawai Masjid Zon 1, pegawai-pegawai YSHHB serta para guru dan penuntut Sekolah Menengah Sayyidina Umar Al-Khattab.



KEPIMPINAN RAJA BIJAKSANA MEWUJUDKAN KEMESRAAN RAJA, RAKYAT

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

TEMBURONG, Rabu, 2 Ogos. - Kepimpinan dan sumbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam tadbir urus yang berdasarkan kepada Maqasid Syariah dan Ahli Sunnah Waljamaah.

Kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam sikap prihatin, pemedulian, berjiwa rakyat, kasih sayang bersama rakyat jelata mewujudkan kemesraan bersama sehingga tiada tembok pemisah antara raja dan rakyat.

Pelaksanaan falsafah Melayu Islam Beraja (MIB) melalui Wawasan Brunei 2035 menekankan kepada tiga komponen utama, iaitu rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya; kualiti kehidupan yang tinggi; dan ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan, di samping konsep Negara Zikir yang selari dengan prinsip Maqasid Syariah dan Ahli Sunnah Waljamaah.

Perkara berkenaan adalah antara inti pati Ceramah Khas Program Semarak Hari Keputeraan sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-77, Tahun 2023, bertajuk, 'Maqasid Syariah dan Kepimpinan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji

Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien' yang disampaikan oleh Pensyarah Fakulti Pendidikan Sains Kemasyarakatan, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Profesor Madya Dr. Mohd. Shahril bin Ahmad Razimi, bertempat di Dewan Belalong, Kompleks Dewan Kemasyarakatan, Pekan Bangar, di sini.

Profesor Madya seterusnya berkata, Maqasid Syariah memainkan peranan utama yang bertujuan memelihara kemaslahatan dalam setiap aspek pengurusan dan pentadbiran mesti berteraskan kemaslahatan dengan memelihara lima perkara yang menyentuh aspek pemeliharaan agama, kehidupan, akal pemikiran, zuriat keturunan dan harta.

"Mengintegrasikan elemen-elemen Maqasid Syariah dalam kepimpinan Kebawah DYMM diurus secara cekap, efisien dan berkesan demi memastikan kemaslahatan dapat diraih, kemudaratan dapat dielakkan dan menepati keredaan Allah Subhanahu Wata'alaa," jelasnya lagi.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan, Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-undang) di Jabatan Perdana



YANG Mulia Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-undang) di Jabatan Perdana Menteri (JPM) hadir selaku tetamu kehormat pada Program Semarak Hari Keputeraan yang diadakan di Dewan Belalong, Kompleks Dewan Kemasyarakatan, Pekan Bangar (atas), manakala gambar bawah kiri dan bawah kanan, tetamu kehormat dan para jemputan ketika menyaksikan Pameran Mini Fotografi yang dikendalikan oleh Unit Fotografi, Jabatan Penerangan.

Menteri (JPM) Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu.

Kehadiran tetamu kehormat dialu-alukan oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Dayang Siti Bismi Nuruliman binti Haji Awang Emzah, selaku Pengerusi Program Semarak Hari Keputeraan.

Majlis diteruskan dengan menyaksikan Pameran Mini Fotografi yang dikendalikan oleh Unit Fotografi, Jabatan Penerangan yang merakamkan detik-detik istimewa semasa Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat

dan Penduduk Daerah Temburong baru-baru ini.

Program yang berbentuk ilmiah dan keagamaan berkenaan dihasrat akan memantapkan lagi hubungan raja dengan rakyat dan sebaliknya bagi menjamin keamanan, kesejahteraan, kemajuan dan pembangunan yang berterusan di Negara Brunei Darussalam.

Program berkenaan akan dilaratkan ke semua daerah yang akan memfokuskan kepada para pegawai dan kakitangan kerajaan; pasukan beruniform; syarikat-syarikat swasta

tempatan; persatuan-persatuan dan badan-badan bukan kerajaan (NGOs); penuntut institut pengajian tinggi (IPT); dan Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) dan ahli-ahli Takmir Masjid.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, selaku Pemangku Penghulu Zon 1, Ketua Kampung Labu Estate dan Piasau-piasau, Daerah Temburong; Setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap JPM.



PROFESOR Madya Dr. Mohd. Shahril bin Ahmad Razimi ketika menyampaikan ceramah khas.

Jadikan pengajaran hijrah sebagai iktibar, motivasi diri



PENGARAH Pusat Serantau SEAMEO VOCTECH, Awang Alias bin Haji Abu Bakar ketika hadir pada majlis tersebut (kiri), manakala gambar atas, ceramah agama dan motivasi bertajuk 'Ilal Hijrah - Ugama dipelihara, Negara Sejahtera' disampaikan oleh Pegawai Tugas-tugas Khas Tingkat II, Unit Kaunseling dan Kefahaman Agama, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Muhammad Yussof bin Haji Abd. Majid.

Hadir pada majlis berkenaan, Pengarah Pusat Serantau SEAMEO VOCTECH, Awang Alias bin Haji Abu Bakar; Timbalan-timbalan Pengarah; pihak

pengurusan; serta pegawai dan kakitangan Pusat Serantau SEAMEO VOCTECH dan HRD Services.

Pada majlis berkenaan juga

turut diserikan dengan ceramah agama dan motivasi bertajuk 'Ilal Hijrah - Ugama Dipelihara, Negara Sejahtera' yang disampaikan oleh Pegawai Tugas-tugas Khas Tingkat II, Unit Kaunseling dan Kefahaman Agama, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Muhammad Yussof bin Haji Abd. Majid.

Ceramah antara lain menyentuh mengenai peristiwa hijrah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan pengajaran-pengajaran yang terdapat di dalamnya untuk dijadikan ikhtibar dan motivasi diri.

Bagi memberkati majlis, bacaan Doa Peliharakan Sultan, Doa Kesukuran sempena Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-77 dan Doa Selamat dibacakan oleh Awang Muhammad Yussof.

Majlis yang mulia berkenaan juga dapat ditonton oleh orang ramai secara langsung melalui saluran YouTube 'SEAMEO VOCTEH'.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Md. Zul-Izzi Haji Duraman

GADONG, Khamis, 3 Ogos. - Pusat Serantau SEAMEO VOCTECH, melalui Ahli Jawatankuasa Musala Ar-Raudah pagi tadi mengadakan Sambutan Ilal Hijrah 1445H / 2023M yang berlangsung di Dewan Seri Kerna, pusat berkenaan, di sini.

Acara dimulakan dengan Surah Al-Fatiyah dan seterusnya bacaan Sayyidul Istighfar dan Selawat Tafrijiyah beramai-ramai bagi memohon kepada Allah Subhanahu Wata'alaa agar seluruh penduduk dan negara ini akan bebas dan terlepas daripada

segala bahaya, bala dan wabak penyakit merbahaya dengan berkat membaca Selawat at-Tafrijiyah ke atas Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Hadir pada majlis berkenaan, Pengarah Pusat Serantau SEAMEO VOCTECH, Awang Alias bin Haji Abu Bakar; Timbalan-timbalan Pengarah; pihak

BERTUKAR PANDANGAN PERKEMBANGAN BIDANG UNDANG-UNDANG

Siaran Akbar dan Foto : Mahkamah Sivil



KETUA Hakim Mahkamah Besar, Yang Amat Arif Dato Seri Paduka Steven Chong Wan Oon ketika bergambar ramai bersama delegasi-delegasi pada The 7th Joint Judicial Conference (JJC) yang dihoskan oleh Badan Kehakiman Malaysia.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 3 Ogos. - Ketua Hakim Mahkamah Besar, Yang Amat Arif Dato Seri Paduka Steven Chong Wan Oon bersama delegasi merangkumi hakim-hakim dan pegawai kehakiman dari Jabatan Kehakiman Negara Brunei Darussalam (NBD) telah menghadiri The 7th Joint Judicial Conference (JJC) pada 21 Julai lalu dan dihoskan oleh Badan Kehakiman Malaysia.

Seramai 83 hakim dan pegawai kehakiman dari NBD, Malaysia dan Singapura menghadiri persidangan tersebut.

Persidangan JJC Ke-7 membawakan tema, 'Criminal Justice System in ASEAN : Moving Towards A More Compassionate Society'.

Sejak penubuhannya pada tahun 2011, Badan Kehakiman NBD, Malaysia dan Singapura bertemu pada persidangan dwitahunan itu untuk membincangkan hal-hal kehakiman dan perundangan yang

mempunyai kepentingan bersama. JJC berfungsi sebagai platform berharga untuk mengukuhkan dan mengeratkan hubungan dengan bertukar-tukar idea dan mengukuhkan hubungan yang sedia, berdaya tahan dan terjalin lama yang wujud antara NBD, Malaysia dan Singapura kerana undang-undang di ketiga-tiga bidang kuasa itu berakar umbi daripada undang-undang am.

Ia juga menyediakan forum yang berharga untuk bertukar-tukar pandangan mengenai perkembangan dalam bidang undang-undang tertentu dan untuk badan kehakiman belajar daripada pengalaman masing-masing dalam pentadbiran keadilan.

Tiga badan kehakiman, masing-masing diwakili oleh hakim dan pegawai kehakiman mereka, memperkenalkan pembentangan oleh penceramah dan terlibat dalam perbincangan panel mengenai isu-isu yang timbul termasuk 'Due

Process and The Crime Control Model : Judicial Decision-Making in Criminal Justice', 'Improving The Criminal Justice System : Best Practices and Collaboration' dan 'Cross-Border Criminal Conviction and Punishment : The Importance of Mutual Respect, Understanding and Dialogue'.

Ketua Hakim Mahkamah Besar, Yang Amat Arif dalam ucapan perasmianya menekankan adalah penting bahawa badan kehakiman menerima dan dapat menangani secara berkesan isu-isu masyarakat yang berkembang dalam pentadbiran keadilan.

Yang Amat Arif menambah bahawa tema persidangan untuk JJC telah meletakkan perspektif salah satu prinsip 2008 ASEAN Charter iaitu untuk meningkatkan kesejahteraan dan kehidupan rakyat ASEAN dengan menyediakan akses yang saksama kepada peluang untuk pembangunan manusia, kebijakan sosial dan keadilan.

Kukuhkan kerjasama kehakiman melalui pertukaran, kerjasama



KETUA Hakim Mahkamah Besar, Yang Amat Arif Dato Seri Paduka Steven Chong Wan Oon ketika mengadakan pertemuan bersama Ketua Hakim Negara Malaysia, Yang Amat Arif Tun Tengku Maimun binti Tuan Mat dan diteruskan dengan menyampaikan cenderahati.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 3 Ogos. - Ketua Hakim Mahkamah Besar, Yang Amat Arif Dato Seri Paduka Steven Chong Wan Oon bersama hakim-hakim kanan dan pegawai kehakiman mengadakan lawatan ke Badan Kehakiman Malaysia di Istana Kehakiman pada 20 Julai 2023 di

Putrajaya, Malaysia.

Dalam lawatan berkenaan, Ketua Hakim Mahkamah Besar bertemu dengan Ketua Hakim Negara Malaysia, Yang Amat Arif Tun Tengku Maimun binti Tuan Mat, untuk mengadakan perbincangan dua hala mengenai kerjasama kehakiman.

Hadir sama pada lawatan dan kunjungan hormat berkenaan, Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam (NBD) ke Malaysia, Tuan Yang Terutama Brigedier Jeneral (B) Dato Paduka Awang Haji Mahmud bin Haji Saidin.

Beberapa perbincangan dan pembentangan yang bermanfaat dari Badan Kehakiman Malaysia termasuk pentadbiran kehakiman, pengurusan kes, penggunaan teknologi di mahkamah, transkripsi prosiding, penggunaan pengantaraan di mahkamah dan pendidikan dan latihan kehakiman.

Ketua Hakim Mahkamah Besar bersama delegasi juga turut mengadakan lawatan ke Muzium Kehakiman Malaysia, Bilik Mahkamah Mahkamah Persekutuan / Mahkamah Rayuan dan Pejabat Pendaftaran Mahkamah Rayuan.

Lawatan berkenaan mengesahkan hubungan yang rapat dan bersejarah antara NBD dan Malaysia, dengan harapan untuk mengukuhkan kerjasama kehakiman melalui memudahkan pertukaran dan memupuk kerjasama antara kedua-dua badan kehakiman.

Kolaborasi, kerjasama dalam pelbagai isu berkaitan kehakiman

Siaran Akbar dan Foto : Mahkamah Sivil

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 3 Ogos. - Satu Memorandum Persefahaman (MoU) telah ditandatangani antara Mahkamah Besar Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Mahkamah Agung Singapura untuk mengukuhkan komunikasi, kolaborasi dan kerjasama dalam pelbagai isu yang berkaitan dengan pengelakan dan penyelesaian pertikaian pada 18 Julai 2023.

MoU berkenaan ditandatangani oleh Ketua Hakim Mahkamah Besar, Yang Amat Arif Dato Seri Paduka Steven Chong Wan Oon bagi pihak Mahkamah Besar NBD dan Ketua Hakim Mahkamah Besar Singapura, Yang Amat Arif Sundares Menon bagi pihak Mahkamah Agung Singapura.

Hadir pada majlis berkenaan, Pesuruhjaya Tinggi NBD ke Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Awang Haji Sidek bin Ali.

Ketua Hakim Mahkamah Besar bersama delegasi hakim kanan dan pegawai kehakiman juga membuat lawatan ke Mahkamah Agung Singapura, Mahkamah Negeri, dan Insolvensi dan Pejabat Pemegang Amanah Awam dari 17 hingga 18 Julai 2023.

Perbincangan yang bermanfaat diadakan dalam pelbagai bidang termasuk meningkatkan akses kepada keadilan, pendengaran di Tribunal Tuntutan Kecil, penggunaan pengantaraan dan kaunseling di Singapore's Family Justice Courts, pentadbiran insolvensi dan mufis, pentadbiran dan operasi kehakiman, teknologi mahkamah, pendidikan dan latihan kehakiman dan pengurusan kes.

MoU berkenaan menandakan sejarah yang penting dan persahabatan mesra antara NBD dan Republik Singapura dan mengesahkan komitmen untuk mengekalkan hubungan dua hala yang kukuh antara kedua-dua negara.

MoU berkenaan akan berfungsi sebagai tunggak asas kerjasama kehakiman dalam menyediakan platform untuk meningkatkan komunikasi dan meletakkan asas untuk kerjasama, membolehkan pertukaran perspektif dan amalan terbaik dalam mengelak dan menyelesaikan pertikaian.

Ini adalah MoU ketiga yang ditandatangani antara Mahkamah Besar NBD dan bidang kuasa lain, berikutan pemeteraihan memorandum dengan Mahkamah Agung Rakyat Republik Rakyat China pada 21 September 2004 dan Jabatan Kehakiman Hong Kong SAR pada 4 Mei 2023.



KETUA Hakim Mahkamah Besar, Yang Amat Arif Dato Seri Paduka Steven Chong Wan Oon bagi pihak Mahkamah Besar NBD dan Ketua Hakim Mahkamah Besar Singapura, Yang Amat Arif Sundares Menon bagi pihak Mahkamah Agung Singapura ketika menandatangani MoU.

Jangan berputus asa



sahaja yang akan melahirkan perasaan putus asa. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-A'raf : ayat 168 :

Tafsirnya : "Dan Kami membahagikan mereka di muka bumi menjadi beberapa golongan, antara mereka ada orang-orang yang soleh dan antara mereka ada yang tidak sedemikian. Dan Kami menguji mereka dengan berbagai-bagai (nikmat) kebaikan dan (bencana) keburukan supaya mereka kembali (bertaubat daripada segala maksiat dan mungkar)".

Justeru, sebagai orang yang beriman, kita adalah dituntut untuk sentiasa bersangka baik, berfikiran positif dan tidak mudah berputus asa dengan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala terutamanya apabila kita menghadapi masalah atau ketika kita berdepan dengan situasi yang sukar dan berada dalam keadaan yang kurang menyenangkan.

Adapun antara faktor utama yang menyebabkan orang berputus asa itu ialah terjerumus dalam perkara-perkara dosa dan maksiat. Apabila diri kita tergelincir dalam perkara-perkara dosa dan maksiat, maka janganlah kita sekali-kali berputus asa dengan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala kerana rahmat Allah Subhanahu Wata'ala itu lebih luas dari kemurkaan-Nya. Tidak kira sebesar mana pun dosa yang telah kita lakukan, kesemua dosa tersebut akan diampunkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Az-Zumar, ayat 53 :

Tafsirnya : "Katakanlah (sampaikanlah firman-Ku wahai Nabi Muhammad) : "Wahai hamba-hamba-Ku yang melampaui batas terhadap diri mereka sendiri (dengan perbuatan-perbuatan maksiat)! Janganlah kamu berputus asa daripada rahmat Allah. Sesungguhnya Allah mengampunkan segala dosa. Sesungguhnya Dialah yang Maha Pengampun lagi Maha Pengasih".

Manakala faktor lain lagi yang menyebabkan orang berputus asa itu ialah apabila ditimpa musibah seperti penyakit kronik atau sakit yang berpanjangan dan tekanan hidup iaitu tekanan sosial, emosi dan ekonomi seperti masalah perniagaan, pekerjaan, pelajaran, masalah hutang-piutang, masalah rumah tangga dan seumpamanya dan jika tidak ditangani dengan sebaiknya, boleh menjadikan mereka berada di dalam keadaan yang teruk dan memberi kesan terhadap kesihatan mental dan juga fizikal seperti kemurungan yang melampau.

Masalah yang datang dalam kehidupan kita sering kali menyebabkan kita bersikap tidak rasional dan membuat keputusan yang kurang bijak sehingga menyebabkan kita terlupa akan keagungan dan kebesaran Allah Subhanahu Wata'ala.

Perlu diingat, apabila kita menghadapi masalah, ditimpa dengan kegagalan atau kesukaran dalam kehidupan sama ada keinginan atau harapan yang tidak kesampaian atau tercapai, janganlah kita mudah menyerah kalah dan berputus asa. Kita hendaklah yakin dengan ketentuan Allah dan hikmah di sebalik ketentuan tersebut yang akan melahirkan sifat sabar dan reda. Justeru, kita kuatkan rohani atau hati kita dengan memperbaiki hubungan dengan Allah Subhanahu Wata'ala. Hati dan rohani yang baik yang yakin dengan ketentuan Allah dan hikmahnya akan mengatur mental dan fizikal bertindak sebaiknya dalam apa juar keadaan dan suasana.

Allah Subhanahu Wata'ala telah mengurniakan kita akal fikiran yang cukup sempurna, kita hendaklah berusaha dan berikhlas memikirkan cara dan pendekatan yang berbeza untuk menyelesaikan sesuatu perkara atau permasalahan. Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala dan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah memberi amaran dan peringatan yang sangat jelas di dalam Al-Quran dan hadis-hadis Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam mengenai kesan buruk berputus asa dengan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala, antaranya :

Pertama : Tergolong dalam kalangan orang yang kufur kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Kedua : Tergolong dalam kalangan orang yang sesat dari jalan kebenaran.

Ketiga : Tergolong dalam kalangan orang yang tidak dapat membezakan antara yang baik dan buruk.

Keempat : Tergolong dalam kalangan orang yang tidak mensyukuri nikmat Allah Subhanahu Wata'ala.

Sebagai orang yang beriman, kita hendaklah memiliki semangat dan kezamanan yang kuat untuk menghadapi dan menangani sebarang masalah, cabaran dan rintangan tanpa mudah berputus asa dalam kehidupan. Kita hindari daripada sikap mengeluh dengan apa yang telah terjadi dengan membuat sepenuhnya sifat berputus asa. Kita mengadu kepada Allah kerana sesungguhnya Allah Subhanahu

Wata'ala adalah sebaik-baik tempat untuk mengadu. Pohon dan panjatkan doa kepada Allah Subhanahu Wata'ala pada setiap masa dan keadaan, lebih-lebih lagi apabila kita menghadapi masalah atau kesulitan dalam kehidupan.

Antara doa yang dianjurkan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam untuk dibaca ketika ditimpa kesulitan dan kesuhanan seperti dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Abu Daud, daripada Sayyidina Othman bin Affan Radiallahu Anhu, bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud : "Barang siapa membaca : بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَعْلَمُ بِمَا فِي الْأَرْضِ وَمَا فِي السَّمَاوَاتِ سَبْعَ كَالِمَاتٍ مَّا يَعْلَمُ بِمَا فِي الْأَرْضِ وَمَا فِي السَّمَاوَاتِ ثَمَنْتَهُ بِثَمَنِ الْمَاءِ". Sebanyak tiga kali, maka tidak akan ditimpa musibah mengejutkan hingga ke pagi dan barang siapa membacanya di waktu pagi maka tidak akan ditimpa musibah mengejutkan hingga ke petang".

Sekiranya perlu, dapatkan nasihat dan bantuan daripada orang yang boleh dipercayai yang sedia menolong meringankan beban agar menjadi lebih ringan atau jika masalah semakin serius, berjumpalah kepada pakar yang boleh memberi pandangan dan bantuan. Melalui perkongsian, sedikit sebanyak beban dapat dikongsikan atau ada jalan bagi penyelesaian.

Perlu diketahui dan disedari bahawa setiap apa yang berlaku itu pasti ada hikmahnya. Allah Subhanahu Wata'ala tidak akan menjadikan sesuatu itu sia-sia dan tidak sekali-kali akan menzalimi hamba-hamba-Nya.

Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala Maha Mengetahui apa yang terbaik untuk diri kita. Oleh yang demikian, ajar dan didiklah hati kita untuk sentiasa bersangka baik pada ketetapan dan ketentuan Allah Subhanahu Wata'ala kerana Allah Subhanahu Wata'ala adalah sebaik-baik perancang. Mudah-mudahan dengan yang demikian, kita akan beroleh kejayaan hidup di dunia dan juga di akhirat. Amin Ya Rabbal Alamin.

Tafsirnya : "Bukankah Allah yang memperkenankan doa orang yang benar-benar dalam kesulitan apabila dia berdoa kepada-Nya dan yang menghapuskan kesuhanan itu dan menjadikan kamu khalifah-khalifah (pemerintah yang berkuasa) di bumi? Adakah Tuhan yang lain bersama Allah? (tidak) sedikit benar kamu mengambil peringatan". (Surah An-Naml, ayat 62).

BERTAKWALAH kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa iaitu dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Hijr, ayat 55-56 :

Tafsirnya : "Mereka berkata : "Kami menyampaikan khabar yang menggembirakan ini kepadamu dengan cara yang benar. Oleh itu, janganlah engkau termasuk golongan orang yang berputus asa. Nabi Ibrahim berkata : "Dan tidak ada yang berputus asa daripada rahmat Tuhanmu melainkan orang-orang yang sesa!".

Semua manusia yang hidup di dunia ini pasti tidak akan terlepas dari menghadapi pelbagai cabaran dan dugaan. Pada hakikatnya, Allah Subhanahu Wata'ala sentiasa menguji setiap hamba-Nya dengan pelbagai ujian yang kadang-kadang tidak seiring dengan keinginan kita.

Antaranya seperti kegagalan, kesempitan, krisis dan sebagainya. Semua itu adalah semata-mata untuk menilai tahap keimanan dan keyakinan seseorang itu terhadap sesuatu yang ditakdirkannya. Justeru, hanya manusia yang lupa kepada kekuasaan dan keagungan Allah Subhanahu Wata'ala

PPDB raikan Majlis Sambutan Ilal Hijrah 1445

Siaran Akhbar dan Foto: Pasukan Polis Diraja Brunei



GADONG, Khamis, 3 Ogos. - Badan Ugama Islam, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) mengendalikan Majlis Sambutan Ilal Hijrah 1445 diselajurkan dengan Doa Kesyukuran bagi kepulangan jemaah haji PPDB di Surau Polis Gadong, PPDB.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis Pesuruhjaya Polis, PPDB,

Dato Paduka Seri Haji Mohammad Irwan bin Haji Hambali.

Turut hadir Timbalan Pesuruhjaya Polis PPDB, Dato Seri Pahlawan Sulaiman bin Alidin, Pengarah-pengarah, Timbalan Pengarah, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai, keanggotaan dan kakitangan awam PPDB.



PESURUHJAYA Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) hadir selaku tetamu kehormat majlis pada Majlis Sambutan Ilal Hijrah 1445 diselajurkan dengan Doa Kesyukuran bagi kepulangan jemaah haji PPDB di Surau Polis Gadong, PPDB (atas dan kiri).

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Imam Surau Ibu Pejabat Polis Gadong, APO Staf Sarjan 6472 Mohd. Yusri bin Haji Abu Bakar.

Sejurus itu majlis diserikan dengan ceramah bertajuk 'Hijrah dan Cabaran Masa Kini' yang disampaikan oleh penceramah

undangan, Ra'es KUPU SB, Dr. Haji Adanan bin Haji Besar.

Antara inti pati ceramah tersebut telah mengungkap dan mengimbaskan kembali peristiwa peperangan hebat dalam sejarah Islam, yang mana antara pengajaran yang dapat diambil dari peristiwa tersebut ialah kepentingan

mentaati arahan pemimpin demi kejayaan dan keberkatan perjuangan.

Kemudiannya majlis diteruskan dengan Dikir Marhaban bagi meraikan jemaah haji PPDB yang telah selamat pulang ke tanah air dan diakhiri dengan bacaan Doa Selamat.

KEMENTERIAN PERTAHANAN ADAKAN LAWATAN KE USS BLUE RIDGE



Oleh : Aimi Sani
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi
Azraie Pg. Haji Nikman

PEMERINTAH Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) ketika mengadakan lawatan ke USS Blue Ridge bersama pegawai-pegawai kanan ABDB dan mendengarkan penerangan daripada krew kapal berkenaan (kiri sekali dan kiri).



PEGAWAI Pemerintah USS Blue Ridge, Kapten Dale Gregory Jr ketika ditemu bual.

MUARA, Khamis, 3 Ogos. - U.S. 7th Fleet, USS Blue Ridge pada ketika ini sedang mengadakan Lawatan Muhibah ke Negara Brunei Darussalam (NBD) selama tiga hari bermula dari 3 hingga 5 Ogos 2023.

Sehubungan itu, U.S. 7th Fleet, USS Blue Ridge, hari ini, mengalau-alukan pegawai kanan dari Kementerian Pertahanan bagi mengadakan lawatan di atas kapal tersebut.

Mengalu-alukan kehadiran tetamu di atas kapal ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Amerika Syarikat (AS) ke NBD, Puan Yang Terutama Caryn McClelland dan Timbalan Ketua Misi Kedutaan AS di NBD, Stacy Lomba.

Hadir semasa lawatan berkenaan ialah Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejaz Jeneral Dato

Paduka Seri Haji Muhammad Hasszaimi bin Bol Hassan.

Turut menyertai, Pemerintah Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB), Brigadier Jeneral Haji Mohammad Shanonnizam; Pemangku Pemerintah Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB), Kapten Haji Mohamad Sarif Pudin bin Matserudin dan Pemerintah Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB), Brigadier Jeneral (U) Dato Seri Pahlawan Mohammad Sharif bin Dato Paduka Haji Ibrahim.

Juga hadir, Pemerintah Angkatan Bersama ABDB, Brigadier Jeneral (U) Dato Seri Pahlawan Haji Alirupendi bin Haji Perudin dan Pengarah Perisikan, Kementerian Pertahanan Negara Brunei Darussalam, Kolonel (U) Haji Muhammad Muluddin bin Haji Latif.

Semasa sesi lawatan, para pengamal media tempatan juga berkesempatan untuk menyertai lawatan ke U.S. 7th Fleet, USS Blue Ridge tersebut di mana dalam satu sesi temu bual bersama

MENGALUKAN kehadiran tetamu, Puan Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Amerika Syarikat (AS) ke NBD dan Timbalan Ketua Misi Kedutaan AS di NBD, Stacy Lomba.

Pegawai Pemerintah USS Blue Ridge, Kapten Dale Gregory Jr, beliau menjelaskan bahawa lawatan kapal tersebut adalah bertujuan untuk membantu meningkatkan kebolehoperasian angkatan maritim dua negara, membolehkan pertukaran kepakaran, dan membina kapasiti untuk bertindak balas terhadap ancaman bersama dan mempromosikan Indo-Pasifik yang bebas dan terbuka.

Menurut beliau lagi, ini adalah kunjungan kali kedua bagi kapal tersebut ke negara ini sejak tahun 1985 yang dihasrat untuk menggambarkan kesediaan AS serta menunjukkan komitmen berterusan AS dalam usaha memelihara keamanan rantau Indo-Pasifik.

Kapal tersebut telah digunakan dan beroperasi selama lebih daripada 40 tahun, dalam usaha utamanya untuk menyokong Komander Armada Ke-7 AS selain menjalankan operasi berterusan di laut.

Blue Ridge ialah kapal operasi tertua dalam Tentera Laut, dan sebagai Kapal Komando Armada AS yang bertanggungjawab untuk memerintah dan mengawal semua kapal tentera laut AS yang meronda dan memupuk hubungan dalam Wilayah Indo-Asia Pasifik.



BAYAR DENDA KESALAHAN LALULINTAS DALAM TALIAN (ONLINE PAYMENT)

Sekarang, awda boleh membayar denda kesalahan lalulintas secara dalam talian 'Online Payment'.

Powered by BIBD NEX GEN

MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 'Belia Aset Utama Negara'. Tarikh Tutup : 9 Ogos 2023
- 'Bersama Membangun Usahawan Tempatan'. Tarikh Tutup : 16 Ogos 2023
- 'Wanita Memacu Pembangunan Negara'. Tarikh Tutup : 23 Ogos 2023

TERMA DAN SYARAT :

- Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
- Pendapat awda hendaklah ditarik jarak **langkah dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300 patah perkataan**.
- Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan Lapangan Terbang Lama, Berakas Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi BND75 SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

UTB terima buku sumbangan Kedutaan Republik Islam Iran



PYT Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Islam Iran ke NBD ketika berucap.

TUNGKU LINK, Khamis, 3 Ogos. - Kedutaan Republik Islam Iran di Negara Brunei Darussalam (NBD) hari ini menyumbang koleksi

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

buku kepada Universiti Teknologi Brunei (UTB) pada Majlis Pelancaran Buku Kolaboratif Brunei - Iran bertempat di Kompleks Perpustakaan, UTB.

Buku-buku berkenaan disampaikan oleh Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Islam Iran ke NBD, Puan Yang Terutama Homeira Rigi Zirouki kepada Naib Canselor UTB, Datuk Paduka Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman.

Terdahulu dalam ucapan alu-aluan yang disampaikan oleh PYT Homeira Rigi Zirouki antara lain menggariskan bahawa kerjasama akademik memainkan peranan penting dalam kejayaan dan misi pihaknya.

"Hari ini, kita meraikan kesan pengetahuan dan kerjasama akademik dalam memupuk pertumbuhan dalam masyarakat saintifik dan mengukuhkan hubungan antara negara.

"Saya ingin mengambil peluang ini untuk menyatakan penghargaan ikhlas saya, atas sumbangan cemerlang dua ahli akademik yang dihormati di UTB, iaitu Dr. Malai Zeiti; dan Dr. Rama Rao Karri, kerana usaha mereka memainkan peranan penting dalam mengukuhkan kerjasama akademik antara kedua-dua belah pihak," ujar PYT.

PYT juga turut melahirkan rasa syukur di atas persahabatan dan kemajuan yang berkekalan hingga ke hari ini.



PUAN Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Islam Iran ke Negara Brunei Darussalam (NBD) ketika menyerahkan sumbangan buku kepada Naib Canselor Universiti Teknologi Brunei.

Majlis seterusnya menyaksikan sebanyak tujuh buah buku yang dilancarkan, iaitu merupakan kerjasama antara Dr. Rama Rao Karri dan Profesor Mohammad Hadi Dehghani dari Iran.

PEMENANG MUSABAQAH ALUMNI UBD DIRAIKAN



PENOLONG Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik), Profesor Madya Pengiran Dr. Iskandar bin Pengiran Haji Petra yang juga selaku Pemangku Penolong Naib Canselor (Korporat & Pentadbiran), UBD hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada Dayangku Fauziah Nadirah binti Pengiran Haji Jofri, johan Musabaqah Membaca Al-Quran (atas dan kanan).

TUNGKU LINK, Jumaat, 4 Ogos. - Dalam usaha memastikan graduan Universiti Brunei Darussalam (UBD) bukan sahaja mahir membaca Al-Quran tetapi juga dapat menghayati kandungan Al-Quran dan menjadi graduan yang celik Al-Quran, UBD memperkenalkan Program Kembara Al-Quran bagi pelajar-pelajar universiti berkenaan. Usaha tersebut selaras dengan matlamat UBD iaitu 'Ke Arah Kesempurnaan

Insan'.

Sehubungan itu, bagi mengiktiraf pencapaian cemerlang alumni UBD, Majlis Penghargaan bagi Pemenang-pemenang Musabaqah Membaca Al-Quran telah diadakan di Masjid UBD pagi tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik), Profesor Madya Pengiran Dr. Iskandar bin Pengiran Haji Petra yang juga selaku Pemangku Penolong Naib

Canselor (Korporat & Pentadbiran), UBD.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah At-Takatsur oleh Johan Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1444H / 2023M, Dayangku Fauziah Nadirah binti Pengiran Haji Jofri.

Surah tersebut kemudian dihuraikan dalam Sesi Tadabbur Al-Quran oleh Penceramah Jemputan iaitu Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Muskrisman Safari bin Haji Mustapa.

Majlis kemudian diteruskan dengan penyampaian hadiah kepada empat pemenang Musabaqah Membaca Al-Quran iaitu johan, Dayangku Fauziah Nadirah yang menerima Ijazah Sarjana Muda Sastera dalam Sosiologi dan Antropologi pada tahun 2018 dan menamatkan pengajian Ijazah Sarjana Pengurusan pada tahun 2021.

Naib johan, Dr. Hajah Siti Wardah binti Mejar (B) Haji Abdul Rahman berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi pada tahun 2007, manakala pemenang ketiga ialah Dayangku Siti Ummi Syazana binti Dzulhilmi bin Haji Moharefandi.



Pengiran Haji Marjuki, memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sains Kimia pada tahun 2017 dan pemenang keempat, Awang Haji Nasrul Fakhri bin Haji Yahya yang menamatkan pengajian pada tahun 2017 dengan Ijazah Sarjana Pendidikan.

Majlis diakhiri dengan Doa Kesukuran yang dibacakan oleh Pegawai Agama Bahagian Hal Ehwal Pelajar, UBD, Awang Haji Dzulhilmi bin Haji Moharefandi.

Bagi pihak UBD ingin merakamkan ucapan penghargaan kepada para pemenang atas usaha yang mengagumkan.

Acara tersebut diharap akan dapat memberi inspirasi kepada pelajar UBD semasa untuk meningkatkan kecintaan dan kefahaman mereka terhadap Al-Quran, seterusnya mencapai matlamat 'Ke Arah Kesempurnaan Insan'.




SESI Tadabbur Al-Quran oleh Penceramah Jemputan, Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Muskrisman Safari bin Haji Mustapa.

Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia Sila muat turun



PenggunaBijak



جاین فرانخن ایکونومی دان ستاتیستیک
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
JAMBIAN HAL EHWAH PENGURUSAN
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

NBD SERTAI MESYUARAT ADSOM, ADSOM-PLUS

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pertahanan



MEWAKILI Ketua ADSOM dan ADSOM-Plus Negara Brunei Darussalam ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Strategi), Awang Haji Adi Ihram bin Dato Paduka Haji Mahmud. Ikat serta, pegawai-pegawai dari Jabatanaraah Dasar Pertahanan dan Khidmat Perubatan dan Kesihatan, Tentera Darat Diraja Brunei (atas, kiri dan bawah).

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 3 Ogos. - Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan Pertahanan ASEAN (ADSM) dan ADSOM-Plus telah berlangsung dari 2 hingga 3 Ogos 2023 masing-masing di Hotel Borobudur, Jakarta, Republik Indonesia.

Kedua-dua mesyuarat tersebut telah dipengerusikan oleh Sekreteris-Jeneral, Kementerian Pertahanan, Republik Indonesia, Marsekal Udara Donny Ermawan Taufanto, M.D.S. selaku Ketua ADSOM Indonesia.

Mewakili Ketua ADSOM dan ADSOM-Plus Negara Brunei Darussalam ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Strategi), Awang Haji Adi Ihram bin Dato Paduka Haji Mahmud. Ikat serta, pegawai-pegawai dari Jabatanaraah Dasar Pertahanan

dan Khidmat Perubatan dan Kesihatan, Tentera Darat Diraja Brunei (TDBB).

Mesyuarat ADSOM dan ADSOM-Plus memainkan peranan yang penting bagi persediaan Mesyuarat Menteri-menteri Pertahanan ASEAN (ADMM) Ke-17 dan ADMM-Plus Ke-10 pada bulan November 2023.


ADSM membincangkan beberapa inisiatif ADMM yang baharu dan menerima maklumat terkini mengenai kemajuan kerjasama pertahanan ASEAN yang sedia ada.

Semasa ADSOM-Plus, pengurus-pengurus bersama yang baharu bagi bidang kerjasama Kumpulan Kerja Pakar ADMM-Plus (ADMM-Plus EWGs) turut dikemaskinikan bagi kitaran 2024-2027 dalam bidang-bidang

mereka iaitu Keselamatan Maritim, Perubatan Ketenteraan, Bantuan Kemanusiaan dan Bencana, Operasi Pengaman, Humanitarian Mine Action dan Keselamatan Siber.

Ketua-ketua ADSOM-Plus juga membuat kunjungan hormat bersama kepada Menteri Pertahanan, Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Leftenan General Prabowo Subianto.

Di samping itu, Awang Haji Adi Ihram bin Dato Paduka Haji Mahmud juga berpeluang untuk mengadakan mesyuarat dua hala bersama Ketua-ketua ADSOM-Plus dari Australia, Republik Filipina, Republik Singapura dan Amerika Syarikat dan Ketua ADSOM-Plus WG dari Demokratik Republik Rakyat Lao.



مقرنلنکن اقليکاسي موده الیه جابتن ڦراغن


Memperkenalkan
**Aplikasi Mudah Alih
Jabatan Penerangan**

InfoDeptBN

- Memudahkan Pengguna Mendapat **Berita Terkini**
- Meningkatkan **Perkongsian Maklumat**
- Pelaksanaan Yang **Cepat** Dan **Mudah**
- Menjurus Ke Arah **Paperless** Dan **Green IT**

Gunakanlah Aplikasi Kami!

Dapatkan aplikasi dan muat turun di



'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat'

AITI HULUR SUMBANGAN

Siaran Akhbar dan Foto : Pihak Berkua Industri Teknologi Info-Komunikasi Negara Brunei Darussalam



BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 4 Ogos. - Pihak Berkua Industri Teknologi Info-Komunikasi (AITI) Negara Brunei Darussalam (NBD) menyampaikan sumbangan sebanyak BND4,000 kepada Persatuan Pengurusan Autisme Isu Beraitan Latihan, Pendidikan dan Sumber (SMARTER Brunei) di SMARTER Brunei B.A.C.A. Pusat

GIFT, baru-baru ini.

Hadir menyampaikan sumbangan tersebut ialah Ketua Eksekutif AITI, Ir. Awang Haji Jailani bin Haji Buntar kepada Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif dan Naib Presiden 1 SMARTER Brunei, Dayang Sharifah Adila Surya binti Malai Haji Abdullah.

Acara itu termasuk lawatan ke kemudahan dan produk pusat yang memperkenan kemahiran dan bakat pelajar.

Objektif utama pusat ini adalah untuk melahirkan individu autisme yang boleh hidup berdikari. Sumbangan itu dikumpul melalui acara kutipan dana di kalangan warga

KETUA Eksekutif AITI, Ir. Awang Haji Jailani bin Haji Buntar menyampaikan sumbangan kepada Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif dan Naib Presiden 1 SMARTER Brunei, Dayang Sharifah Adila Surya binti Malai Haji Abdullah dan seterusnya mengadakan lawatan ke kemudahan dan produk pusat yang memperkenan kemahiran dan bakat pelajar (kiri dan atas).

kerja AITI yang dikendalikan oleh Jawatankuasa Sukan dan Aktiviti Sosial (ASSA) AITI.

Inisiatif sebegini adalah sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat AITI dan bertujuan untuk memupuk kerja berpasukan dan menggalakkan pekerja untuk

memberi kembali kepada masyarakat.

AITI ingin menghargai sumbangan pekerja mereka dalam mengumpul dana dan berharap sumbangan itu akan menyokong SMARTER Brunei dalam usahanya ke arah menyediakan keperluan individu autisme di NBD.

Usaha bersama tingkatkan taraf kehidupan masyarakat



Oleh : Aimi Sani
Foto : Dk. Nur Hafizah Pg. Osman

SUNGAI AKAR, Jumaat, 4 Ogos. - Sidang Media Yayasan Amal Zahara bagi kempen amal iaitu Dana Komuniti Yayasan Amal Zahara (ZCF) telah diadakan hari ini yang berlangsung di Ilma Sendirian Berhad, Kampung Sungai Akar, di sini.

ZCF merupakan di bawah naungan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah bagi usaha ke arah meningkatkan taraf kehidupan kanak-kanak berkeperluan khas, ibu tunggal dan anak yatim yang kurang bernasib baik di seluruh negara.

Hadir pada sidang media tersebut ialah Ahli Lembaga Tadbir

ZCF, Dr. Mohammad Iznan bin Haji Tarip.

ZCF telah berkhidmat untuk beberapa golongan komuniti yang sangat memerlukan sejak penubuhannya pada Februari 2021.

Menurut Dr. Mohammad Iznan, menyedari akan keperluan berterusan untuk sokongan dan penjagaan tambahan, Dana Komuniti ZCF telah disusun dengan teliti untuk membolehkan mereka yang memerlukan mendapat akses pantas kepada beberapa sumber.

Sumber-sumber tersebut seperti bekalan keselesaan dan perubatan dalam memastikan bahawa bekalan perubatan yang penting dan bantuan keselesaan sampai kepada mereka yang paling memerlukannya semasa

waktu mencabar mereka.

Selain itu, pakej barang dan makanan bagi menyokong keluarga, terutamanya ibu tunggal, dalam perjuangan harian, mereka menyediakan makanan yang sangat diperlukan dan barang asas isi rumah bagi memupuk persekitaran kestabilan dan kesejahteraan.

Melalui dana tersebut ia juga digunakan untuk membaik pulih dan penambahbaikan rumah yang bertujuan untuk memperkasakan keluarga untuk hidup dalam keadaan selamat dan selesa.

Terdahulu, Dana Komuniti ZCF telah mula dilancarkan pada 1 Ogos 2023 lepas menerusi aplikasi mudah alih BIBD. Orang ramai yang ingin menderma bolehlah melakukannya dengan menekan 'ZAHARA CHARITY COMMUNITY FUND' pada aplikasi tersebut dan memasukkan jumlah yang ingin didermakan.

Juga hadir semasa sesi Sidang Media tersebut ialah Ahli Lembaga Tadbir ZCF, Dr. Mohammad Hilmy Baihaqy bin Haji Awang Yussof.

Sebarang pertanyaan lanjut, bolehlah melayari akaun Instagram mereka @zaharacharity.bn atau menghubungi mereka di talian +673 8319093.

كمترین صحیح
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

Suntikan VAKSIN COVID-19 diberikan secara PERCUMA kepada semua rakyat dan penduduk yang bermastautin di Negara Brunei Darussalam



PENUTUPAN SEMENTARA BEBERAPA JALAN DI KUALA BELAIT SEMPENA JERAYAWARA KESIHATAN BUAH PINGGANG



Siaran Akbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan

KUALA BELAIT, Sabtu, 5 Ogos. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan bahawa Jabatan Renal akan mengadakan Jerayawara 'Kesihatan Buah Pinggang Untuk Semua' sempena Sambutan Hari Buah Pinggang Sedunia 2023 di Kawasan Letak Kereta V-Plaza Hotel dan Menara

Cendera Kenangan (MCK), Kuala Belait dan beberapa jalan raya di sekitarnya akan ditutup bagi beberapa acara seperti Fun Walk / Run.

Penutupan separuh jalan akan bermula dari pusing-keliling (roundabout) MCK menuju ke Jalan Panglima, melalui sepanjang



Jalan Panglima sehingga ke pusing-keliling (roundabout) keluar ke Jalan Carey lalu masuk ke Jalan Mckerron dan kembali semula ke Jalan Petai.

Penutupan jalan bermula pada

Ahad, 6 Ogos seawal jam 6.00 pagi hingga acara larian selesai.

Sementara, penutupan jalan penuh adalah di sepanjang Jalan Petai bermula dari roundabout MCK hingga ke simpang masuk

JABATAN Renal akan mengadakan Jerayawara 'Kesihatan Buah Pinggang Untuk Semua' sempena Sambutan Hari Buah Pinggang Sedunia 2023 di Kawasan Letak Kereta V-Plaza Hotel dan Menara Cendera Kenangan, Kuala Belait dan beberapa jalan raya di sekitarnya akan ditutup bagi beberapa acara seperti Fun Walk / Run (kiri dan kiri sekali).

Bunga Simpur.

Penutupan bermula pada Sabtu, 5 Ogos, jam 5.00 petang hingga Ahad, 6 Ogos, jam 12.00 tengah hari.

Sehubungan itu, pengguna-pengguna jalan raya adalah dinasihatkan untuk sentiasa mengamalkan sikap bertolak ansur sesama pengguna jalan raya yang lain demi keselamatan dan kesejahteraan bersama.

Pengguna-pengguna jalan raya juga diingatkan untuk memandu lebih berhati-hati, di samping mematuhi tanda-tanda lalu lintas demi mengelakkan perkara-perkara yang tidak diingini berlaku.

Kementerian Kesihatan memohon maaf atas sebarang kesulitan dan ketidakselesaan yang timbul.

Kefahaman, kerjasama dan kesabaran orang ramai ke arah ini adalah sangat-sangat dihargai.

Bengkel AI Generatif, mempertingkat penyelidikan UBD



UNIVERSITI Brunei Darussalam menganjurkan Bengkel Perintis bertajuk, 'Harnessing Generative AI for Enhanced Productivity' dengan kerjasama Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat (C3L) dan Pusat Pengajaran dan Pembelajaran (TLC).

Siaran Akbar dan Foto : Universiti Brunei Darussalam

TUNGKU LINK, Jumaat, 4 Ogos. - Universiti Brunei Darussalam (UBD) menganjurkan Bengkel Perintis bertajuk, 'Harnessing Generative AI for Enhanced Productivity' dengan kerjasama Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat (C3L) dan Pusat Pengajaran dan Pembelajaran (TLC), baru-baru ini.

Bengkel ini disesuaikan dengan teliti untuk Pegawai-pegawai Utama UBD, bertujuan untuk menyediakan pasukan kepimpinan teras universiti, dengan pengenalan menyeluruh kepada Generatif AI sebagai sebahagian daripada komitmen berterusan

UBD untuk menerima inovasi teknologi dalam pendidikan, penyelidikan dan pentadbiran.

Dipimpin oleh Profesor Madya C3L dan pakar yang diiktiraf dalam AI, Dr. Mohammad Tazli Azizan, bengkel ini menawarkan kepada Pegawai-pegawai Utama UBD pemahaman yang mendalam tentang keupayaan dan kes penggunaan potensi AI Generatif, subset kecerdasan buatan yang menonjol.

Sesi interaktif memberikan para pegawai maklumat yang relevan, melengkapkan mereka untuk memimpin institusi ke arah integrasi teknologi yang lancar dan

transformasi digital transformative.

Penggunaan strategik AI Generatif, memegang janji untuk memacu kecekapan dan produktiviti merentasi pelbagai domain dalam UBD.

Dengan mengoptimumkan pedagogi pengajaran dan pembelajaran, memperkemas proses pentadbiran, dan mempertingkatkan keupayaan penyelidikan, universiti berusaha untuk menyampaikan pengalaman pembelajaran yang diperkaya dan menarik untuk pelajarnya, dengan tegas meletakkan mereka sebagai pemimpin sedia masa depan, dalam dunia yang semakin digital.

Kepentingan literasi digital tidak

Peluang pelajari mengenai angkasa lepas

Siaran Akbar : Universiti Brunei Darussalam

TUNGKU LINK, Jumaat, 4 Ogos. - Universiti Brunei Darussalam (UBD) akan mengadakan sesi taklimat mengenai keindahan bulan, planet pada 8 Ogos 2023 di Bilik Senat, Dewan Canselor, UBD.

'Shaping a Sustainable Future for Humanity', akan meneroka Musytari, Zuhal dan bulan-bulannya, seperti yang diterokai oleh brilliant minds di sebalik misi 'Cassini dan Jupiter ICY moons Explorer' (Juice).

Acara itu akan menampilkan beberapa siri ceramah pencerahan oleh saintis dari misi Cassini dan Juice, termasuk Profesor Jani Radebaugh, Dr. Anezina Solomonidou dan Dr. Rosaly Lopes, yang terlibat dalam pelbagai projek Pentadbiran Aeronautek dan Angkasa Lepas Kebangsaan (NASA) dan Agensi Angkasa Eropah (ESA).

Pakar-pakar ini akan berkongsi pengalaman pertama mereka dan penyelidikan canggih tentang keajaiban sistem suria luar, memberikan pandangan unik tentang penerokaan benda-benda angkasa yang jauh ini.

Sesi taklimat ini dibuka kepada orang ramai, acara tersebut akan menjadi peluang keemasan untuk peminat angkasa lepas, pelajar, penyelidik dan orang awam untuk mendapatkan pemahaman yang lebih mendalam tentang misteri yang terdapat dalam sistem suria kita.

Para hadirin juga berpeluang untuk berinteraksi dengan penceramah melalui panel soal jawab, di mana mereka boleh mengemukakan soalan dan bertukar fikiran dengan saintis terkemuka ini.

Pendaftaran adalah percuma, tetapi peserta yang berminat mesti mendaftar terlebih dahulu untuk mengesahkan kehadiran mereka, kerana tempat duduk adalah terhad.

Pendaftaran boleh dibuat dengan mengikuti arahan pada akaun Instagram rasmi UBD (@ubdbuzz).

boleh diperkecilkkan dalam landskap yang berkembang pesat hari ini. Melalui bengkel ini, UBD menekankan komitmennya, untuk membina literasi digital dalam kalangan kakitangan akademik dan bukan akademik, serta pelajarnya.

Dengan memperkasakan komunitinya dengan kemahiran dan pengetahuan digital yang penting, universiti membuka jalan untuk persekitaran akademik yang lebih inklusif dan inovatif.

Pendirian proaktif UBD dalam

penganguran bengkel ini menunjukkan komitmennya terhadap kecemerlangan, inovasi dan penambahbaikan berterusan.

Dengan kekal di barisan hadapan dalam kemajuan teknologi dalam pendidikan dan penyelidikan, UBD mengesahkan langkahnya ke arah menjadi 'University of Innovation and Enterprise', bersedia untuk menghadapi cabaran dan menerima peluang yang dibentangkan oleh era digital yang dinamik.

PELETAKAN BATU ASAS PUSAT DATA UNN BAHARU

Siaran Akhbar dan Foto : Unified National Networks Sdn. Bhd.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 3 Ogos. - Unified National Networks Sdn. Bhd. (UNN) mengadakan Majlis Peletakan Batu Asas untuk merasmikan pembinaan kemudahan pusat data seluas 51,000 kaki persegi di Stesen UNN Tungku Submarine Landing.

Hadir dan seterusnya menyempurnakan peletakan batu asas ialah Pengarah UNN, Dayang Hajah Amalina binti Haji Ghani; Ketua Pegawai Eksekutif UNN, Dr. Steffen Oehler, Naib Presiden Vertiv Asia, Paul Churchill dan Naib Presiden Kanan Pusat Data & IT UNN, Daniele Cuocci.

Majlis dimulakan dengan bacaan Doa dan Selawat oleh Pengurus Jawatankuasa Agama UNN, Pengiran Abdul Rahim bin Pengiran Haji Tuah dan Pegawai di Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Md. Azrol bin Haji Zaini.

Turut hadir, Ketua Pegawai Kewangan UNN, Bernd Flack; Ketua Pegawai Operasi UNN, Lukasz Trzos; Pengarah Kanan Vertiv Telecom Sales Asia, Danny Wong; Pengarah Projek Vertiv, Selvarajoo Sibramaniam; Vertiv Head of Telecom Sales Malaysia & Brunei, Kevin Khong; Naib Presiden Kanan Kilang Rangkaian UNN, Chris Phan dan pengurus kanan, pengurus dan pegawai dari UNN.

Dalam ucapan alu-aluannya,

Ketua Pegawai Eksekutif UNN, Dr. Steffen menggariskan kemajuan projek itu sejak menandatangani kontrak antara UNN dan Vertiv pada Mac tahun ini, dengan modul dan peralatan pusat data telah direka dan sedang menjalani ujian sebelum ia akan dihantar ke Negara Brunei Darussalam (NBD) dan didirikan di Stesen UNN Tungku Submarine Landing dan Syarikat Berakas Power Company serta berkembang dengan baik dengan menyediakan lokasi kuasa bebas kedua bagi memastikan ketersediaan tinggi dan daya tahan kemudahan pusat data.

"Pusat data baharu itu akan siap dalam tempoh lima bulan dari sekarang dan dalam masa yang sesuai kerana projek gentian kami dalam fasa terakhir dan perkhidmatan 5G yang baharu dilancarkan pada Jun tahun ini," kata Dr. Steffen.

"Dengan sambungan yang boleh dipercayai dan berkelajuan tinggi yang sedia ada di negara ini, pendigitalan dalam ekonomi NBD sedang mencari semua pemboleh untuk melaksanakan projek untuk logistik pintar, bandar pintar, hab pembayaran digital, e-Kerajaan, Internet of Things dan lain-lain."

"Pusat data baharu itu bersedia untuk perkhidmatan pada awal tahun depan dan akan menambah kepada blok binaan portfolio UNN DCIT kami bagi membolehkan syarikat ICT di NBD menyediakan



PELETAKAN batu asas disempurnakan oleh Pengarah UNN, Dayang Hajah Amalina binti Haji Ghani; Ketua Pegawai Eksekutif UNN, Dr. Steffen Oehler, Naib Presiden Vertiv Asia, Paul Churchill dan Naib Presiden Kanan Pusat Data & IT UNN, Daniele Cuocci.

apa yang telah diunjurkan oleh Pelan Induk Digital 2025, dan apa yang diperlukan oleh ekonomi," tambahnya lagi.

"Saya sangat berbesar hati untuk menyaksikan peristiwa penting ini ketika kami memulakan pembinaan pusat data modular pasang siap pertama di NBD. Hari ini adalah peristiwa penting untuk Vertiv kerana kami memulakan perjalanan dengan UNN untuk menyokong pelan hala tuju pendigitalan NBD," kata Naib Presiden Vertiv Asia, Paul Churchill.

"Saya yakin bahawa usaha kolektif kami untuk mengejar pendigitalan, bekerjasama dengan semangat kami untuk inovasi, akan menjadikan projek ini satu kejayaan yang memberangsangkan".

Pusat data UNN dibina untuk menjadi tuan rumah pusat data dan perkhidmatan IT serta infrastruktur perniagaan kerajaan dan swasta di NBD. Bersama-sama dengan lokasi pusat data sedia ada UNN yang lain, peningkatan kapasiti dan perkhidmatan disediakan dalam geo-redundansi.

Untuk memastikan kemudahan pusat data berada dalam keadaan ketersediaan tinggi dan kecekapan tenaga yang tinggi, UNN bekerjasama dengan Vertiv, penyedia global infrastruktur digital kritis dan penyelesaian kesinambungan, untuk mereka bentuk dan membina pusat data UNN sebagai infrastruktur cekap eko yang berada dalam selaras dengan pelan hala tuju pendigitalan NBD dan untuk memastikan memenuhi keperluan digital NBD yang semakin meningkat.

Reka bentuk pusat data modular pasang siap yang terdiri daripada 200 rak yang disediakan oleh Vertiv menawarkan kelajuan penggunaan yang 30 peratus lebih pantas daripada binaan tradisional, lebih fleksibiliti dan modulariti yang cekap untuk dipasang dan dipasang berbanding reka bentuk batu dan mortar tradisional.

Vertiv juga menyediakan pusat data yang direka bentuk untuk mengurangkan pelepasan dengan menggunakan teknologi terkini untuk amalan mementingkan alam sekitar tanpa menjadikan produktiviti, yang menjadi keutamaan UNN. Pusat data eko-efisyen itu dianggarkan siap dalam masa lima bulan dan dijangka buka pada awal suku tahun 2024.

Ambil pengajaran hijrah Rasulullah untuk kesejahteraan masyarakat

JELAJAH دعوه ل سای داکواه کے ساہب
DAKWAH KE SABAH
CERAMAH BERSEMPENA MA'AL HIJRAH

Disampaikan Oleh:
MOHAMMED KHAIRUL MU'AZ BIN HAJI SIBODAUD
DA'E DARI BRUNEI DARUSSALAM

Tarikh:
30 JULAI 2023M
(SELEPAS SOLAT MAGHRIB)

Tempat:
MASJID JAMEK KG. SUNGAI PADANG

Kota Kinabalu

WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

Kuala Belait
Miri
BRUNEI

PENYERTAAN PERCUMA
SILA HADIR BERAMAI-RAMAI

SUMBANGAN IKHLAS UNTUK FASILITI MASJID JAMEK KG. SUNGAI PADANG

ACC : 3989465413

PUBLIC BANK

memberikan ceramah untuk program Jelajah Dakwah Ke Sabah bersempena dengan Sambutan Ma'al Hijrah Masjid Jamek Kampung Sungai Padang di Papar, Sabah.

Penceramah muda kita, Awang Mohammed Khairul Mu'az semasa memberikan ceramah menyatakan bahawa ada beberapa perkara di dalam hijrah yang diambil iktibar walaupun sebenarnya lebih banyak lagi pengajaran melalui peristiwa hijrah.

Secara mudahnya tambahnya lagi, hijrah itu adalah perjalanan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dari Mekah ke Madinah, memang bersangkutan dengan makna hijrah, iaitu berpindah dari satu tempat ke tempat yang lain.

Namun katanya, pengertian hijrah juga membawa maksud, iaitu seseorang yang mengubah dirinya menjadi yang lebih baik.

Ceramah bertajuk 'Lima Pengajaran Peristiwa Hijrah' menggariskan pertama, hijrah berkenaan mengenangkan kita mengenai perjuangan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan sahabat memeluk Islam. Selama 23 tahun Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam berdakwah dan 13 tahun itu di kota Mekah dan 10 tahun di Madinah.

Menurut Awang Mohammed Khairul Mu'az lagi, pelbagai keperitan dan kesakitan berupa penyeksaan yang mereka alui. Dari mulanya dakwah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam melalui sembunyi sahaja dan setelah masuk Islam Sayyidina Umar menjadikan Islam disebarluaskan

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad
Foto : Ihsan Mohammed Khairul Mu'az Haji Sibodaud

melalui terang-terangan.

Kedua jelasnya lagi, betapa pentingnya segenap masyarakat memainkan peranan penting di dalam menyebarkan dakwah sehingga Islam tersebar luas.

Bilal bin Rabah katanya lagi, diseksa dengan dihimpit batu di bawah panas yang terik, sementara Sumayah pula merupakan syahid pertama dalam kalangan wanita dan para pemuda seperti Sayyidina Ali, Sayyidina Umar dan yang lain ikut serta dalam menyampaikan ugama.

Kemudian beliau menerangkan, begitu juga dengan peristiwa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan Sayyidina Abu Bakar yang bersembunyi di dalam Gua Thur dan dengan kekuasaan Allah laba-laba mampu menolong untuk menghalang daripada Musyrikin dari masuk ke dalam gua.

Awang Mohammed Khairul Mu'az seterusnya berkata peristiwa yang lain pula ketika Sayyidina Abu Bakar berasa risau dan sedih sehingga turun ayat Al-Quran Surah At-Taubah, ayat 40 yang maksudnya, "Jangan bersedih Allah bersama kita" yang mengajar kita sentiasa berharap pada Allah Subhanahu Wata'ala kalau dalam ketakutan.

Kemudian beliau menjelaskan, peristiwa hijrah juga terbukti ketika Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sampai ke satu tempat dan memilih untuk membina masjid. Begitu juga Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam

membina masjid di Madinah.

"Peristiwa ini penting memberitahu kita bahawa masjid merupakan keutamaan yang sangat besar untuk beribadah. Malah, masjid juga adalah bentuk kesatuan hati dan jika kita lebih melihat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menggunakan masjid dengan pelbagai aktiviti.

"Dan tidak lupa, kesedihan kita sekarang kurangnya pemuda datang ke masjid. Jika ingin melihat anak muda yang hebat mampu menjadi generasi penerus yang baik adalah pemuda yang mampu memaksu dirinya untuk datang ke masjid," tambahnya lagi.

Perkara terakhir, Awang Mohammed Khairul Mu'az menerangkan antara peristiwa yang penting, iaitu silaturahim. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam mempersaudarakan sahabat Muhajirin dan sahabat Ansar.

Katanya, hijrah berkenaan mampu mengajarkan kita jika kita ingin berhijrah, maka silaturahim itu perlu diperbaiki dan dieratkan. Dari situ, Islam semakin kuat dan tersebar malah Islam sampai ke tanah Negara Brunei Darussalam dan Sabah.

Natiжnya tegesnya lagi, banyak peristiwa terjadi sewaktu sebelum semasa dan selepas hijrah. Adapun lima faktor berkenaan menjadi inti pati ceramah yang disampaikan sebab atas kebimbangan kita semua jangan sampai kita dan malah anak muda tidak tahu tentang hijrah.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 2 Ogos. - Da'e negara kita yang bertauliah di bawah Majlis Ugama

Islam Brunei, Awang Mohammed Khairul Mu'az bin Haji Sibodaud baru-baru ini diundang bagi



SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

IKLAN JAWATAN KOSONG PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT
KELAYAKAN SERTA HURAIAH TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI
DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

PERINGATAN PENTING

1 Teliti Skim Iklan sebelum memohon.



- 1 Lengkapkan Profil PSCR 2.0 (WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)
- 2 Lengkapkan Kelulusan (keputusan / pengkiraan serta subjek / bidang kelulusan)
- 3 Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap (Soal, transkrip dan pengkiraan Major Kelangsungan Pengkiraan Kelulusan (MKPK) yang berhenan)
- 4 Tandakan "✓" pada kotak semak "Jawatan Sekarang" di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Rajaan"
- 5 Lengkapkan Maklumat (urusan / pekerjaan / Apakah Perkhidmatan Awam / Isi身 / Kelayakan profesional dan literasi yang diperlukan di dalam skem iklan)

2 Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan skim iklan akan ditolak.

+673 7371961 query@spa.gov.bn



Telah WhatsApp
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam



PSC.BN

	Jawatan, Tanda Gaji dan Biangan Iklan	Jabatan dan Kementerian	Kekosongan	Jenis Iklan	Tarikh Tutup Permohonan
1.	PENOLONG PEGAWAI PERKEMBANGAN UGAMA C.3 EB.4 (BAHAGIAN III) 2023/JUL/22	PUSAT DAWAH ISLAMIAH, KEMENTERIAN HAL EHWAH UGAMA	01	7(A)	12 OGOS 2023
2.	PEMBANTU KANAN PERKEMBANGAN UGAMA C.1-2 EB.3 (BAHAGIAN III) 2023/JUL/23	PUSAT DAWAH ISLAMIAH, KEMENTERIAN HAL EHWAH UGAMA	02	7(A)	12 OGOS 2023
3.	PEMBANTU PERIKANAN RENDAH D.1 EB.2-3 (BAHAGIAN IV) 2023/JUL/20	JABATAN PERIKANAN; KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN	02	7(A)	12 OGOS 2023
4.	PENOLONG PENGARAH KUMPULAN 2 (BAHAGIAN I) 2023/JUL/25	INSTITUT PENGAJIAN PERTAHANAN DAN STRATEGIK SULTAN HAJI HASANAL BOKIAH, KEMENTERIAN PERTAHANAN	01	38(A)	12 OGOS 2023
5.	JURUTERA KERJA (MEKANIKAL DAN ELEKTRIKAL) B.3 (BAHAGIAN II) 2023/JUL/21	JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK, JABATAN PERDANA MENTERI	01	38(B)	12 OGOS 2023
6.	PEGAWAI PELAJARAN UGAMA KANAN G.15 (BAHAGIAN II) 2023/JUL/24	JABATAN PENGAJIAN ISLAM, KEMENTERIAN HAL EHWAH UGAMA	01	38(B)	12 OGOS 2023
7.	PENOLONG PEGAWAI PERTANIAN C.3-4 EB.5 (BAHAGIAN III) 2023/JUL/26	JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN, KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN	03	7(A)	14 OGOS 2023
8.	PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS KANAN KUMPULAN 2 (BAHAGIAN I) 2023/JUL/26	DIVISIEN PENGURUSAN LEMBAGA, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN	01	38(A)	14 OGOS 2023
9.	PENGAWAS TINGKAT II D.3 EB.4 (BAHAGIAN IV) 2023/JUL/28	JABATAN-JABATAN KERAJANAN	01	7(A)	14 OGOS 2023
10.	PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS TINGKAT II B.2 / B.2 EB.3 (BAHAGIAN II) 2023/JUL/30	KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI	01	7(A)	14 OGOS 2023
11.	PEMERIKSA TANAH D.1-2-3 EB.4-5 (BAHAGIAN IV) 2023/JUL/29	JABATAN TANAH, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN	03	7(A)	14 OGOS 2023

PERINGATAN
1. BAGI MELIHAT IKLAN JAWATAN KOSONG. SILA DAFTAR MASUK KE PROFIL PSCR 2.0, KLIK "DASHBOARD" SAYA" DAN KEMUDIAN KLIK "IKLAN JAWATAN KOSONG".
2. PEMOHON YANG BUKAN TERDIRI DARI PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERAJANAN HANYA BOLEH MELIHAT JAWATAN YANG DIILAKUKAN DI BAWAH PERATURAN 7(A) SAJA.
3. PANDUAN PSCR 2.0 DAN SOALAN-SOALAN LAZIM BOLEH DIPEROLEH DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

**JABATAN KEMAJUAN
PELANCONGAN
KEMENTERIAN SUMBER-
SUMBER UTAMA DAN
PELANCONGAN**

Bilangan Tawaran :
JKP / SH / 2023 - 2024 / 22

Tajuk Tawaran :
To Provide
Familiarisation Trip
Services For Australia Agents,
24 - 27 August 2023.

Tarikh Tutup Tawaran :
Khamis,
10 Ogos 2023.
Jam 2.00
Petang.



Dibuka kepada
Pemborong- Pemborong
Yang Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Kelas :
MOD Approved Lift Contractor

Kategori :
KPME02

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada :
Selasa, 8 Ogos 2023.

Tarikh Tutup :
Selasa, 22 Ogos 2023.

Tidak lewat dari jam 2.00 Petang.

Bilangan Tawaran :
JKR / DME / BOP-LE / 16 / 2023

Nama Projek :
kerja-kerja penggantian
Alat Ganti Bagi 3 Buah Lif
'Schindler' Di Sekolah Arab
Rimba.

Yuran Tawaran :
BND10.00
(Tidak dikembalikan)



Pemberitahuan Tawaran

JPt / TAW / 03 / 2023 - 2024 :
Maintenance Of Farm Road In Agriculture Development Area (KKP) In Brunei Muara District Zone C For 2 Years.

JPt / TAW / 04 / 2023 - 2024 :
Maintenance Of Farm Road In Agriculture Development Area (KKP) In Brunei Muara District Zone D For 2 Years.

(Yuran Tawaran : BND30.00 /
Borang Tawaran : BND15.00)

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 8 Ogos 2023.
Tidak lewat dari
jam 2.00 Petang.



Jabatan Pengajian Islam
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Negara Brunei Darussalam

Bilangan Sebut Harga :
KHEU / JPI / JKS / 10 /
2023-2024

Tajuk Sebut Harga :
Membekal, Menghantar,
Memasang dan Menguji Mesin
Reso Bagi Sekolah-Sekolah
Ugama dan Arab,
Jabatan Pengajian Islam,
Kementerian Hal Ehwal Ugama,
Tahun 1445H - 1446H /
2023M - 2024M.

Yuran Tawaran :
BND5.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup :
Rabu, 13 Safar 1445H /
30 Ogos 2023M.

Tidak lewat jam 2.00 Petang.



Kenyataan Tawaran

1. Bilangan Sebut Harga :
(48) INFO / PK / K / 7
(2023 - 2024)

Tajuk Sebut Harga :
Perkhidmatan Memotong Rumput, Penjagaan Pokok dan Tanaman Serta Kerja-Kerja Pembersihan Di Tempat, Kawasan, Sekitar dan Sekeliling Bangunan-Bangunan Secara Berkontrak Selama Satu (1) Tahun Di Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama, Berakas.

2. Bilangan Sebut Harga :
(49) INFO / PK / K / 7
(2023 - 2024)

Tajuk Sebut Harga :
Kerja-Kerja Membina Sebuah Stor Sementara

Yuran :
Tidak Dikenakan Bayaran

Tarikh Tutup :
Rabu, 9 Ogos 2023.
Jam 2.00 Petang.



Bilangan Tawaran :
JPE / LTK / PSP / 029 / 2023

Tajuk Tawaran :
Meningkatkan Kemudahan Asas Di Tapak Ternakan Udang Dalam Kolam Pengkalan Sibabau Zone 1, Kampung Mentiri (50 Hektar).

Tarikh Tutup :
Selasa,
22 Ogos 2023.
Jam 2.00 Petang.

Harga Dokumen :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Tempat Tutup :
"Tender Box"
Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Jabatan Perdana Menteri, Bangunan Jabatan Perdana Menteri, Bandar Seri Begawan, BB3913 Negara Brunei Darussalam.

Kelayakan :
Mempunyai pendaftaran syarikat dengan Kementerian Pembangunan dalam Kelas III atau IV sahaja, dalam kategori E02 (mempunyai pekerja yang berdaftar dengan JPE dalam kategori E02).



Bilangan Tawaran :
Q.JDT / 22 / 2023

Tajuk Tawaran :
Sebut Harga
Bagi Kerja-Kerja
Pembekalan Baju (Coverall) dan Kasut (Safety Boot) Untuk Jabatan Daerah Tutong

Yuran Tawaran :
BND5.00

Tarikh Tutup Tawaran :
Tidak lewat pada Isnin,
7 Ogos 2023.
Jam 2.00 Petang.





Bilangan Tawaran :
(93) JBS / ADM / QC / 2023

Keterangan :
Five Years (5) Term Contract For Provision Of Food and Beverage (F&B) Vending Machine At Menglait Sports Complex.

Bilangan Tawaran :
(94) JBS / ADM / QC / 2023

Keterangan :
Five Years (5) Term Contract For Provision Of Food and Beverage (F&B) Vending Machine At Tutong Sports Complex.

Bilangan Tawaran :
(95) JBS / ADM / QC / 2023



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Dalam

Kelas :
II & III sahaja

Kategori :
KA01

Bilangan Tawaran :
JKR / DOR / SRM 06 / 2023

Nama Projek :
Pembinaan Tempat Letak Kereta Kawasan A Yang Baharu Di Masjid Paduka Seri Baginda Sultan Omar Ali Saifuddien, Kampung Katimahar, Daerah Brunei Muara, Negara Brunei Darussalam.

Yuran Tawaran :
BND50.00
(Tidak dikembalikan)

E-Dokumen :

Tarikh Mengambil Dokumen Tawaran :
26 Julai 2023.

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada :
Tidak lewat Selasa, 8 Ogos 2023.
Jam 3.00 Petang.

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 15 Ogos 2023.
Jam 2.00 Petang.



Keterangan :
Five Years (5) Term Contract For Provision Of Food and Beverage (F&B) Vending Machine At Pusat Belia, Bandar Seri Begawan.

Bilangan Tawaran :
(96) JBS / ADM / QC / 2023

Keterangan :
Five Years (5) Term Contract For Provision Of Food and Beverage (F&B) Vending Machine At Tennis Sports Complex.

Bilangan Tawaran :
(97) JBS / ADM / QC / 2023

Keterangan :
Five Years (5) Term Contract For Provision Of Food and Beverage (F&B) Vending Machine At Mumong Sports Complex.

Bilangan Tawaran :
(98) JBS / ADM / QC / 2023

Keterangan :
Five Years (5) Term Contract For Provision Of Food and Beverage (F&B) Vending Machine At Balapan Sports Complex.

Bilangan Tawaran :
(99) JBS / ADM / QC / 2023

Keterangan :
Five Years (5) Term Contract For Rental and Operating Restaurant, Berakas Sports Complex.

Bilangan Tawaran :
(100) JBS / ADM / QC / 2023

Keterangan :
Five Years (5) Term Contract For Provision Of Food and Beverage (F&B) Vending Machine At Hassanal Bolkiah National Swimming Pool Complex.

Bilangan Tawaran :
(101) JBS / ADM / QC / 2023

Keterangan :
Five Years (5) Term Contract For Provision Of Food and Beverage (F&B) Vending Machine At Multi Purpose Hall, Hassanal Bolkiah National Sports Complex.

Bayaran Yuran Tawaran :
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup :
Khamis, 10 Ogos 2023.



IKLAN



**JABATAN RADIO
TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**

Notis Sebut Harga

Tajuk Sebut Harga :
RTB / K / 80 / 23 - 24
Supply and Delivery Of Digital Camera and Accessories.

Yuran Sebut Harga :
(Termasuk e-dokumen) :
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Salinan Kertas (Hardcopy) :
BND5.00

(Jika perlu dan tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup :
Rabu,
9 Ogos 2023.
Jam 2.00 Petang.



**JABATAN PERANCANG
BANDAR DAN DESA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Bilangan Sebut Harga :
02 / 2023 / 2024

Keterangan :
The Supply and Delivery Of Colour Laserjet A3 Printer For Department Of Town and Country Planning, Ministry Of Development

Bilangan Sebut Harga :
03 / 2023 / 2024

Keterangan :
The Supply and Delivery Of Printer Cartridges For Department Of Town and Country Planning, Ministry Of Development

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Khamis,
10 Ogos 2023.
Tidak lewat
jam 2.00 Petang.



**JABATAN RADIO
TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**

Pemberitahuan Sebut Harga

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga :
RTB / K / 65 / 23-24
The Provision Of Leasing A3 Colour Printers Inclusive Of Toners With Comprehensive Maintenance and Support Services For RTB Headquarters For A Period Of Three (3) Years.

Yuran Sebut Harga (Termasuk e-dokumen) :
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Salinan Kertas (Hardcopy) :
BND5.00 (Jika perlu dan tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup :
Rabu, 23 Ogos 2023.
Jam 2.00 Petang.



**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Kenyataan Sebut Harga

Bilangan Sebut Harga :
KKBS / SEBUTHARGA / 2023-2024 / 01

Tajuk Sebut Harga :
Program Pembangunan Kapasiti Bagi Pegawai-Pegawai Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, [In-House], Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Khamis,
17 Ogos 2023.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.



PERATURAN PENGIKLANAN (SEKTOR AWAM / KERAJAAN)

فلیتا برونئی
PELITA BRUNEI
اللہمکو ایک دوست دار کو دے دیں



DI PELITA BRUNEI



IKLAN dalam salinan liut (soft copy) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **Iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA**.



- Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGKU :

+673 2383400
sambungan Meja Iklan

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.



UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM

PEMOHON terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah dipelawa untuk memohon jawatan berikut :

Jawatan :
Pengawas Kecil

Tangga Gaji :
E.1-2-3 EB.4
(BND515.00 - BND875.00)

Kekosongan :
1 Orang

Menghadapkan Borang Permohonan

Bagi Pemohon Yang Tidak Berkhidmat Dengan Kerajaan

Pemohon-pemohon hendaklah melengkapkan permohonan melalui pautan ini : <https://bit.ly/PKUBD2023>

Hendaklah memuat naik salinan sijil-sijil, Curriculum Vitae (CV) yang terkini dan dokumen yang berkaitan. Permohonan hendaklah diisikan dengan lengkap tidak lewat 8 Ogos 2023.

Permohonan yang tidak lengkap, tidak mengikut tatacara yang ditetapkan dan lewat diterima tidak akan dilayan

Bagi Pemohon Yang Berkhidmat Dengan Kerajaan

Pemohon-pemohon hendaklah melengkapkan permohonan melalui pautan ini : <https://bit.ly/PKUBD2023>

Hendaklah memuat naik salinan sijil-sijil, Curriculum Vitae (CV) yang terkini dan



KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

Bilangan Tawaran :
JKP / LTK / 2023-2024 / 1

Tajuk Tawaran :
Event Management Services For Ekspo Produk Tempatan 2023.

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
15 Ogos 2023.
Jam 2.00
Petang.



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Sebut Harga Bagi Perkhidmatan Membekal, Memasang, Menguji, Mentauliah Serta Memulihara Sistem Kawalan Keselamatan Kamera Litar Tertutup (CCTV) Dan Sistem Penggera Keselamatan.

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 61 / 2023 / 2024 [AKS-JULAI-2023]

Keterangan :
Sebut Harga Bagi Perkhidmatan Membekal, Memasang, Menguji, Mentauliah Serta Memulihara Sistem Kawalan Keselamatan Kamera Litar Tertutup (CCTV) Dan Sistem Penggera Keselamatan Bagi : Sekolah Rendah Lambak Kanan Jalan 10.

Tempoh Perkhidmatan :
60 Bulan

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 62 / 2023 / 2024 [AKS-JULAI-2023]

dokumen yang berkaitan. Permohonan hendaklah diisikan dengan lengkap tidak lewat 8 Ogos 2023.

Pemohon juga dikehendaki untuk menghadapkan salinan asal dokumen yang lengkap (melalui Ketua Jabatan) seperti berikut :

1. Satu (1) Laporan Sulit
2. Salinan Prestasi bagi tempoh 3 tahun kebelakangan (sekurang-kurangnya sangat baik)
3. Satu (1) salinan rekod perkhidmatan yang telah dikemaskinikan.

Pejabat
Sumber Tenaga Manusia
Universiti Brunei Darussalam
Jalan Tungku Link,
Gadong BE1410
Negara Brunei Darussalam

[U.P: Bahagian Pengambilan]

Permohonan yang tidak lengkap, tidak mengikut tatacara yang ditetapkan dan lewat diterima tidak akan dilayan.

Hanya pemohon-pemohon yang disenaraipendek (*shortlisted*) sahaja akan dihubungi bagi urusan temu duga.

Keterangan :
Sebut Harga Bagi Perkhidmatan Membekal, Memasang, Menguji, Mentauliah Serta Memulihara Sistem Kawalan Keselamatan Kamera Litar Tertutup (CCTV) Dan Sistem Penggera Keselamatan Bagi : Sekolah Rendah Dato Marsal.

Tempoh Perkhidmatan :
60 Bulan

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 63 / 2023 / 2024 [AKS-JULAI-2023]

Keterangan :
Sebut Harga Bagi Perkhidmatan Membekal, Memasang, Menguji, Mentauliah Serta Memulihara Sistem Kawalan Keselamatan Kamera Litar Tertutup (CCTV) Dan Sistem Penggera Keselamatan Bagi : Sekolah Rendah Lambak Kanan Jalan 10.

Tempoh Perkhidmatan :
60 Bulan

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 64 / 2023 / 2024 [AKS-JULAI-2023]

Keterangan :
Sebut Harga Bagi Perkhidmatan Membekal, Memasang, Menguji, Mentauliah Serta Memulihara Sistem Kawalan Keselamatan Kamera Litar Tertutup (CCTV) Dan Sistem Penggera Keselamatan Bagi : Sekolah Rendah Katok A.

Tempoh Perkhidmatan :
60 Bulan

Bayaran Yuran / Dokumen

Sebut Harga :
BND5.00
[Bayaran Dokumen Sebut Harga tidak dikembalikan]

Tarikh Tutup Dan Waktu :
Sabtu,
12 Ogos 2023.

[Tidak lewat jam 9.00 Pagi]

Kategori :
Syarikat-Syarikat Yang Diterima Adalah Syarikat-Syarikat Yang Berdaftar Di Bawah Kawalan Bahagian Perlesenan Agensi Pengawal Keselamatan (BPAPK), Pasukan Polis Diraja Brunei.



JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

Bilangan Tawaran :
JKP / SH / 2023 - 2024 / 20 (R)

Tajuk Tawaran :
Export Shipment By Air Cargo (Ex Brunei to Osaka, Japan and Return Shipment to Brunei - Door to Door Delivery) Tourism Expo Japan 2023, 26 - 29 October 2023.

Tarikh Tutup Tawaran :
Khamis,
17 Ogos 2023.
Jam 2.00 Petang.



JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Dibuka kepada Pembekal - Pembekal Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas :
III & IV Sahaja

Kategori :
KA01 / S02 Sahaja

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :
Selasa,
1 Ogos 2023.

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
15 Ogos 2023.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

Bilangan Tawaran :
JKR / DWS / 013 / 2023

Nama Projek :
Kontrak Penggal Bagi Kerja-Kerja Operasi dan Pemeliharaan Ulu Tutong dan Benutan Dam, Tutong.

Yuran Tawaran :
BND100.00
(Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen :-



JABATAN KAJICUACA KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI

Bilangan Sebut Harga :
JKBD / 2023 / SH-08

Sebut Harga Bagi Perkhidmatan / Pembekalan :
Kerja-Kerja Pembakaan Di Stesen Pencerapan Kajicuaca Di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei Darussalam

Tarikh Tutup :
Rabu,
23 Ogos 2023.
Sebelum jam 9.00 Pagi.

Kepada :
Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam Blok B23, Flat Anggerek Desa Simpang 32-37, Kampong Anggerek Desa Bandar Seri Begawan BB3713 Negara Brunei Darussalam.



JABATAN MUZIUM-MUZIUM KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Bilangan Tawaran :
26 / JMM / S / 12 / 91
(2023/2024) - R

Tajuk Tawaran :
Renovation Of VIP Toilet, Male & Female Toilets, Disable Toilet At Museum Of Daerah Belait, Kuala Belait.

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
15 Ogos 2023.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.



INDEKS UTAMA BSI JUN 2023 KEKAL 50.0

Siaran Akhbar dan Infografik : Brunei Darussalam Central Bank

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 2 Ogos. - Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) hari ini menerbitkan Indeks Sentimen Perniagaan atau Business Sentiment Index (BSI) Negara Brunei Darussalam (NBD) bagi Jun 2023.

Indeks berkenaan adalah berdasarkan kepada kaji selidik ke atas lebih 500 perniagaan bersaiz mikro, kecil, sederhana dan besar daripada 11 sektor ekonomi, daripada semua daerah di NBD.

BSI bertujuan untuk mengukur tahap sentimen atau keyakinan perniagaan di NBD dalam pelbagai aspek termasuk keadaan semasa dan jangkaan bagi iklim perniagaan, pelaburan, pengambilan pekerja, dan kos menjalankan perniagaan.

Memandangkan BSI menggunakan pendekatan berpandangan ke hadapan, ia boleh digunakan sebagai salah satu petunjuk awal keadaan makroekonomi di dalam negara.

Terdapat sembilan sub-indeks di dalam BSI dengan Sub-Indeks Keadaan Perniagaan, iaitu indeks utama BSI, kekal pada 50.0 bagi Jun 2023. Ini menunjukkan bahawa secara amnya, sentimen para perniaga adalah lebih kurang sama seperti bulan sebelumnya. Akan tetapi, pandangan adalah berlainan

mengikut sektor.

Hasil kaji selidik menunjukkan sebahagian para peniaga berasa optimistik atas jangkaan prestasi yang lebih baik dengan projek-projek baharu dan peningkatan jualan kerana inventori yang mencukupi dan promosi produk dan perkhidmatan yang baharu.


Di sebaliknya, sebahagian perniagaan mempunyai sentimen pesimistik dengan jualan yang lebih rendah selepas musim perayaan dan perbelanjaan rentas sempadan yang menjelaskan jualan domestik.

Memandang ke hadapan, sentimen bagi Julai 2023 adalah lebih optimistik berbanding dengan Jun 2023 dengan indeks bagi keadaan perniagaan satu bulan ke hadapan pada tahap 50.6.

Para peniaga menjangka peningkatan dalam penjualan dan aktiviti perayaan dan promosi sepanjang Julai 2023 sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Selain itu, mereka juga menjangka projek-projek baharu, pembukaan cawangan baharu dan pengembangan para pelanggan.

BSI mengikut sektor ekonomi bagi Ogos 2020 hingga Jun 2023



Sub-Indeks Pelaburan adalah 50.1 bagi Jun 2023, 50.1 untuk satu bulan ke hadapan, dan 50.2 bagi tiga bulan ke hadapan. Ini menunjukkan secara amnya, para peniaga menjangka akan meningkatkan tahap perbelanjaan pelaburan pada Jun 2023 dan beberapa bulan selepasnya.

Beberapa faktor menyumbang kepada peningkatan berkenaan adalah seperti jangkaan pengubahsuaian fasiliti dan perkembangan perniagaan, pembelian peralatan dan mesin baharu, penaiktarafan sistem teknologi maklumat dan peningkatan kapasiti sumber manusia.

Sub-Indeks Pengambilan Pekerja adalah 50.3 bagi Jun 2023, dan 50.3 bagi satu bulan ke hadapan. Seperti trend sebelumnya, perniagaan menjangkakan akan meningkatkan jumlah pekerja pada Julai 2023 atas usaha perkembangan perniagaan.

Beberapa perniagaan mengongsikan pelbagai berterusan dalam pengupahan para pekerja tempatan dan asing.

Sub-Indeks Kos Perniagaan adalah 50.3 bagi Jun 2023, dan 49.6 bagi satu bulan ke hadapan. Secara amnya, kos menjalankan perniagaan pada Jun 2023 dijangka lebih tinggi daripada bulan sebelumnya atas beberapa sebab termasuk peningkatan kos pengambilan pekerja dan bahan mentah, dan menjalankan kerja penyelenggaraan.

Sebahagian perniagaan menjangkakan peningkatan kos perniagaan pada Jun 2023 dengan pengemaskinian kadar duti import kastam dan eksais ke atas barang plastik yang berkuat kuasa mulai 17 Mei 2023.

Bagi bulan Julai 2023, Sub-Indeks Kos Perniagaan adalah lebih rendah secara keseluruhan kerana beberapa perniagaan bersaiz besar yang menjangkakan kos operasi dan penyelenggaraan dan barang mentah yang lebih

Nilai BSI	Ulasan
Atas 50	Keadaan yang lebih baik / Sentimen lebih optimistik berbanding dengan bulan sebelumnya
=50	Keadaan lebih kurang sama berbanding dengan bulan sebelumnya
Bawah 50	Keadaan yangerosot / Sentimen lebih pesimistik berbanding dengan bulan sebelumnya

BSI Jun 2023	
Keadaan Perniagaan	50.0
Keadaan Perniagaan Satu Bulan ke Hadapan	50.6
Pelaburan	50.1
Pelaburan Satu Bulan ke Hadapan	50.1
Pelaburan Tiga Bulan ke Hadapan	50.2
Pengambilan Pekerja	50.3
Pengambilan Pekerja Satu Bulan ke Hadapan	50.3
Kos Perniagaan Bulan Ini	50.3
Kos Satu Bulan ke Hadapan	49.6

rendah.

Dari segi sektor ekonomi, tiga daripada 11 sektor mencatat sentimen optimistik bagi Jun 2023. Sektor kewangan dan insurans menunjukkan sentimen optimistik yang tertinggi pada tahap 50.8 dengan keadaan yang lebih baik disebabkan lebih banyak pinjaman dan jualan produk insurans.

Indeks bagi sektor kesihatan dan pendidikan adalah pada tahap 50.2 disebabkan perkhidmatan bulan sebelumnya disebabkan peningkatan aktiviti perniagaan dan permintaan bagi produk dan perkhidmatan mereka.

Dari segi indeks mengikut saiz perniagaan, perniagaan bersaiz mikro dan besar menjangkakan keadaan yang lebih baik bagi Jun 2023 berbanding dengan bulan sebelumnya disebabkan peningkatan aktiviti perniagaan dan permintaan bagi produk dan perkhidmatan mereka.

Di samping itu, perniagaan bersaiz kecil dan sederhana melaporkan keadaan perniagaan yang lebih kurang sama dengan Mei 2023 bagi Jun 2023.

Untuk mendapatkan maklumat lebih terperinci mengenai BSI, orang ramai boleh merujuk kepada nota teknikal mengenai metodologi dan statistik di laman sesawang BDCB di www.bdcb.gov.bn.

Orang ramai juga boleh mengikuti perkembangan BSI melalui siaran akhbar yang akan datang dan akaun Instagram BDCB @centralbank.brunei.

Delegasi JENESYS selamat tiba ke tanah air



Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan

BERAKAS, Rabu, 2 Ogos. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Sekolah-Sekolah (JSS) dan Jabatan Pendidikan Swasta telah menyelaras penyertaan delegasi seramai tujuh pelajar dan seorang guru pendamping (chaperone) bagi program Japan-East Asia Network of Exchange for Students and Youths (JENESYS) yang diadakan di Jepun selama sembilan hari mulai pada 25 Julai hingga 2 Ogos 2023 yang telah kembali ke tanah air.

Delegasi NBD terdiri daripada pelajar-pelajar Tahun 9 dan Tahun 10 dari empat buah sekolah menengah kerajaan, iaitu Awang Mohammad Luqman Al-Hakim bin Haji Abdul Mukti dari Sekolah Menengah Rimba 2;

Dayang Nur Najibah Izzati binti Haji Ali Rahman dari Sekolah Menengah Sayyidina Umar Al-Khattab; Dayang Sofiyya Najihah binti Haji Abd. Aziz @ Azis dari Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri (PAP) Hajah Masna; dan Dayang Nuraliyah Afifah binti Zulkifli dari Sekolah Menengah Sayyidina Hussain.

Turut serta dari tiga buah sekolah menengah swasta yang diwakili oleh Awang Akid Ukail @ Ean Mikael bin Edi Farhan dari Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah; Dayang Nur Fathin Syuhaidah binti Syamsul dari Sekolah Menengah Seri Mulia Sarjana; dan Ang Chin Gui dari Chung Hwa Middle School.

Mengiringi delegasi pelajar sebagai guru pendamping



SERAMAI tujuh pelajar dan seorang guru pendamping (chaperone) bagi program Japan-East Asia Network of Exchange for Students and Youths (JENESYS) yang diadakan di Jepun selama sembilan hari mulai 25 Julai hingga 2 Ogos 2023 telah kembali ke tanah air (atas dan atas kiri).

(chaperone) ialah Dayang Jalilah binti Haji Jali, dari Sekolah Menengah PAP Hajah Masna.

Semasa program tersebut, setiap pelajar ditempatkan dalam empat kumpulan berbeza dan dicampur bersama pelajar dari negara ASEAN lain dan Timor Leste dengan nama kumpulan Wilayah Aichi, Wilayah Aomori, Wilayah Hiroshima dan Wilayah Tochigi.

Setiap kumpulan telah diberikan tema yang berbeza untuk diterokai

seperti 'Pencegahan dan Tenaga Alam Sekitar', 'Teknologi Pembuatan dan Sains', 'Kebajikan Perubatan dan Sosial' dan 'Internet dan Pendidikan'.

Majlis Penutup Sesi Pelaporan telah diadakan pada 1 Ogos 2023 di Tokyo yang dihadiri oleh wakil-wakil dari kedutaan negara-negara ASEAN dan Timor Leste.

Turut hadir semasa majlis berkenaan ialah Setiausaha Pertama Kedutaan Besar NBD di

Jepun, Awang Amir bin Ismail.

Para delegasi telah membentangkan perolehan daripada program tersebut dan mencadangkan pelan tindakan berkaitan yang akan dijalankan di negara masing-masing.

Turut hadir bagi mengalu-alukan ketibaan delegasi di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei ialah pegawai-pegawai dari JSS dan Jabatan Pendidikan Swasta, Kementerian Pendidikan.

ABAC : TINGKAT KERJASAMA DALAM INTEGRASI EKONOMI, PERDAGANGAN



ABAC Brunei, Pengerusi Pasukan Kemasukan ABAC dan Pengarah Eksekutif Kumpulan Syarikat LVK, Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii bergambar ramai pada Mesyuarat APEC Business Advisory Council (ABAC) yang diadakan di Cebu, Filipina baru-baru ini.

Siaran Akhbar dan Foto : Majlis Penasihat Perniagaan APEC Negara Brunei Darussalam

CEBU, FILIPINA, Rabu, 2 Ogos. - Menerusi mesyuarat yang diadakan di Cebu, Filipina, pada 30 Julai 2023, APEC Business Advisory Council (ABAC) menekankan mengenai keperluan untuk bertindak dalam persekitaran operasi yang semakin berpecah belah dan sukar.

"Tema kami untuk tahun ini ialah 'Ekuiti, Kemampunan, Peluang'. Mencapai matlamat ini sememangnya menjadi lebih penting, atau lebih mencabar, kerana kami menghadapi ketidakstabilan ekonomi yang berterusan, kesan iklim yang teruk dan gangguan daripada teknologi baru muncul seperti Kecerdasan Buatan (AI)," kata Pengerusi ABAC 2023, Dominic Ng.

Pengerusi juga turut menjelaskan bahawa ABAC telah memuktamadkan cadangannya kepada Pemimpin APEC minggu ini, yang akan dibentangkan secara rasmi kepada pemimpin pada mesyuarat mereka di San Francisco pada bulan November.

ia juga telah menyediakan cadangan terperinci kepada Menteri Kewangan, Kesihatan, Keselamatan Makanan, Wanita dan Perniagaan Kecil.

Presiden Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Ferdinand Romualdez Marcos Jr merasmikan mesyuarat berkenaan pada 28 Julai dan dalam ucapannya Tuan Yang Terutama menekankan kepentingan kerjasama sektor awam-swasta dalam menangani cabaran utama yang dihadapi rantau Asia-Pasifik.

Manakala, ucapan perasmian daripada Setiausaha Perdagangan dan Industri, Alfredo Pascual turut menekankan kepentingan bekerjasama dalam integrasi ekonomi dan kemudahan perdagangan, termasuk dalam Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO).

"Dalam laporan kepada pemimpin, kami telah mengenal pasti pelbagai tindakan konkret yang akan memajukan ekuiti dengan memudahkan kumpulan

yang mempunyai potensi ekonomi yang belum diterokai, termasuk perniagaan mikro, kecil dan sederhana, wanita dan usahawan orang asli, untuk melibatkan diri dalam perdagangan.

"Kami juga telah membangunkan *dynamic toolkit* untuk meningkatkan daya tahan rantaian bekalan, mengambil pengajaran daripada gangguan beberapa tahun kebelakangan ini, yang akan menjadi sumber penting untuk perniagaan kecil," kata Dominic Ng.

Dominic Ng juga menjelaskan bahawa gelombang haba baru-baru ini di Amerika Utara memberlakukan keperluan untuk mengutamakan tindak balas terhadap krisis iklim dan cabaran kemampunan lain dan dunia mengalami minggu paling panas dalam sejarah yang direkodkan rantaian.

"Dasar berdasarkan pasaran, perdagangan barang dan perkhidmatan alam sekitar serta tenaga boleh diperbaharui, dan inisiatif yang memanfaatkan modal sektor swasta, kepintaran dan kepimpinan mempunyai janji yang

besar, tetapi pengubal dasar juga perlu bertindak segera untuk mengurangkan pelepasan, menyesuaikan diri dengan ekonomi rendah karbon dan tenaga serta memastikan peralihan yang adil untuk semua dalam komuniti kita," ujar Dominic Ng lagi.

ABAC tambahnya, akan memantau dengan teliti perkembangan langkah penyelaras sempadan karbon, dan ia mentaulahkan laporan pada tahun ini, dan tetap berhati-hati terhadap potensi kesan perlindungan hijau.

ABAC juga katanya lagi, mengetengahkan pelbagai cadangan yang direka untuk meningkatkan peluang ekonomi, dengan memupuk persekitaran perniagaan yang lebih lancar, termasuk terus berusaha ke arah Free Trade Area di Asia Pasifik.

"Selain mendapatkan dasar perdagangan yang betul, teknologi digital akan menjadi kunci kepada ini. Kami telah membangunkan beberapa perkara penting mengenai perdagangan dan pembiayaan tanpa kertas, keselamatan siber dan bidang lain.

"ABAC menyeru dasar baharu untuk meningkatkan bilangan wanita yang terlibat dalam kerjaya STEM. Ini bukan sahaja untuk kemasukan yang lebih besar, tetapi juga hasil digital yang lebih baik.

"Kami juga membincangkan kemunculan AI. Ini menimbulkan kebimbangan baharu tentang tadbir urus beretika, pembangunan bertanggungjawab, dan impak tenaga kerja, bersama dengan potensi keuntungan ekonomi dan produktiviti," ujar Dominic Ng lagi.

Dominic Ng melahirkan rasa terima kasihnya kepada rakan sekerja ABAC Filipina, yang diketuai oleh Sabin Aboitiz, kerana menjadi tuan rumah mesyuarat dan mewujudkan peluang untuk perwakilan ABAC melibatkan diri dengan wakil kanan kerajaan daripada agensi kerajaan pusat dan tempatan serta usahawan dan

pemimpin perniagaan dari Cebu.

"Mesyuarat ABAC Ketiga adalah kemuncak kerja yang ditetapkan oleh ABAC 2023 mengenai 'Ekuiti, Kemampunan, Peluang'. Mengetui Third APEC Senior Officials' and Ministerial Meetings (SOM3) di Seattle, Washington, ABAC Negara Brunei Darussalam (NBD) menerajui inisiatif perintis dalam membangunkan Rangka Kerja Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) untuk MSME, yang diharap akan menggalakkan APEC untuk menganggap inisiatif berkenaan sebagai sebahagian daripada menyokong MSME dalam ESG dan amalan kemampunan dalam perusahaan mereka," jelas anggota ABAC Brunei, Pengerusi Pasukan Petugas Kemasukan ABAC dan Pengarah Eksekutif Kumpulan Syarikat LVK, Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii.

Ahli ABAC NBD juga selaku Pengerusi ABAC Inclusion Task Force bersama-sama dengan Pengerusi ABAC Working Group & Task Force adalah sebahagian daripada sidang media yang diadakan oleh Pengerusi ABAC 2023, Dominic Ng selepas tamat mesyuarat majlis ketiga di Cebu.

Mesyuarat ABAC didahului dengan bengkel pembinaan kapasiti daya tahan rantaian bekalan yang dianjurkan bersama oleh ABAC USA dan ABAC Filipina dengan sokongan daripada Dewan Perniagaan dan Industri Cebu.

Kira-kira 200 wakil daripada syarikat yang berpangkalan di Cebu menghadiri sesi berkenaan untuk mempelajari cara untuk menjadikan perniagaan mereka lebih berdaya tahan ketika menghadapi ketidaktentuan.

Serentak dengan sesi berkenaan, ABAC melancarkan Kit Alat Ketahanan Rantaian Bekalan MSME dalam talian yang boleh digunakan oleh syarikat untuk menilai kekuatan dan kelemahan dalam operasi mereka.

Toolkit boleh diakses melalui laman sesawang <https://supplychainresiliencetoolkit.ncapec.org/>.

NBD alami keadaan sedikit berjerebu

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Kajiciuaca Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 2 Ogos. - Negara Brunei Darussalam (NBD) pada masa ini masih berada dalam Monsun Barat Daya, dengan angin Barat Daya adalah dominan dengan keadaan atmosfera yang stabil.

NBD mengalami keadaan sedikit berjerebu sejak 25 Julai hingga hari ini.

Kedua-dua berjerebu berkenaan adalah disebabkan oleh jerebu asap yang berasal daripada jerebu rentas sempadan yang berasal dari negara-negara jiran yang ditutup oleh angin Barat Daya ke NBD.

Stesen Pencerapan Kajiciuaca di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei merekodkan penurunan jarak penglihatan mendatar antara tujuh hingga sembilan kilometer (km).

NBD dijangka akan terus mengalami keadaan berjerebu di tahap sedikit untuk beberapa minggu akan datang disebabkan oleh kurangnya aktiviti dan jumlah turunan hujan setempat.

Permukaan suhu udara dijangka lebih panas daripada biasa,

Sehubungan itu, orang ramai adalah dinasihatkan untuk mengambil langkah-langkah awal akan kejadian cuaca aktif yang diramalkan berlaku. Terdapat risiko berlakunya banjir kilat terutamanya di kawasan-kawasan rendah dan mudah banjir serta di kawasan berdekatan tebing sungai semasa hujan lebat dan semasa kejadian air pasang. Risiko kejadian pokok tumbang dan tanah susur juga boleh berlaku semasa hujan lebat dan keadaan berangin.

Oleh itu, orang ramai, para pemandu di jalan raya dan juga para pelaut dinasihatkan supaya sentiasa peka dengan ramalan, nasihat dan amaran cuaca terkini yang dikeluarkan oleh Jabatan Kajiciuaca Brunei Darussalam (BDMD) dan membuat perancangan yang bersesuaian untuk keselamatan semua.


BDMD akan terus memantau keadaan cuaca dari semasa ke semasa, dan akan mengeluarkan nasihat dan amaran cuaca jika

NEGARA Brunei Darussalam mengalami keadaan sedikit berjerebu sejak 25 Julai lalu.

perlu. Maklumat, nasihat dan amaran cuaca terkini boleh diterima dengan lebih mudah melalui aplikasi bimbit BDMD, iaitu Brunei WX, kerana, maklumat, nasihat dan amaran cuaca dapat diterima terus sebaik sahaja nasihat atau amaran terkini dikeluarkan.

Selain itu, maklumat cuaca

terkini juga boleh diperoleh dengan menghubungi peramal cuaca yang bertugas di Pusat Ramalan Cuaca, melalui Talian Cuaca 114, atau melayari laman sesawang www.met.gov.bn atau melalui laman Facebook (@bruneiweather), Instagram (@brunei.weather) dan saluran Telegram kami (Brunei Weather).



PENYERTAAN ACARA BDF KE-7 KINI DIBUKA

Siaran Akhbar : Jabatan Kemajuan Pelancongan

BANDAR SERI BEGAWAN, penyertaan bagi acara Pesta Rabu, 2 Ogos. - Pendaftaran Disember Brunei (Brunei)

BDF merupakan acara tahunan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui Jabatan Kemajuan Pelancongan bertujuan untuk mempromosikan pelancongan domestik dengan menggalakkan penduduk tempatan untuk melancong dan berbelanja di dalam negara; menjana ekonomi negara serta pendapatan dan pekerjaan untuk golongan belia; menggalakkan penganjur acara menyediakan pelbagai aktiviti menarik yang mampu merangsang pertubuhan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (SMEs); dan mempertingkatkan jumlah kedatangan pelancong dari luar negara dengan mempromosikan pakej-pakej pelancongan dan acara-acara menarik.

December Festival - BDF) Ke-7 kini dibuka kepada semua pengurus acara tempatan dan antarabangsa.

BDF merupakan acara tahunan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui Jabatan Kemajuan Pelancongan bertujuan untuk mempromosikan pelancongan domestik dengan menggalakkan penduduk tempatan untuk melancong dan berbelanja di dalam negara; menjana ekonomi negara serta pendapatan dan pekerjaan untuk golongan belia; menggalakkan penganjur acara menyediakan pelbagai aktiviti menarik yang mampu merangsang pertubuhan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (SMEs); dan mempertingkatkan jumlah kedatangan pelancong dari luar negara dengan mempromosikan pakej-pakej pelancongan dan acara-acara menarik.

menyediakan pelbagai aktiviti menarik yang mampu merangsang pertubuhan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (SMEs); dan mempertingkatkan jumlah kedatangan pelancong dari luar negara dengan mempromosikan pakej-pakej pelancongan dan acara-acara menarik.

Sebanyak enam kategori dibuka pada tahun ini buat para penganjur acara, iaitu Islamik; makanan dan kulinari, kebudayaan dan kesenian; sukan, pengembangan dan rekreasi; membeli-belah; serta teknologi digital dan ICT.

Pendaftaran kini boleh dibuat secara digital dengan mengimbas Kod QR yang disediakan atau melalui laman sesawang www.bruneitourism.com/bdf2023.

Tarikh tutup pendaftaran adalah pada 30 September 2023, jam 4.30 petang.

Bagi sebarang maklumat terkini mengenai acara BDF Ke-7, sila layari laman sesawang www.bruneitourism.com/bdf2023, kunjungi Instagram [@bruneidecemberfest](#) atau boleh menghubungi melalui talian +673 7172822.



Ular Kapak / Bornean Keeled Pit-Viper

Maklumat disediakan oleh : Bahagian Hidupan Liar, Jabatan Perhutanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

SPESIS haiwan tempatan bagi kapsul Kenali Hidupan Liar Kitani untuk bulan ini memaparkan spesis ular yang cantik dinamakan Ular Kapak atau Bornean Keeled Pit-Viper.

Ular yang dikenali sebagai Ular Kapak atau Beludak (di Indonesia) juga dikenali dengan nama saintifiknya iaitu *Tropidolaemus subannulatus*. Nama tersebut ambilannya dari bahasa Greek 'tropis' = keel (sisik reptilia yang, bukannya licin, mempunyai rabung di bahagian tengah) dan 'aimus', bererti leher, ini merujuk kepada sisik yang mempunyai rabung di bahagian leher ular. Nama spesis adalah berasal dari perkataan Latin 'sub', bererti seakan, dan 'annulus', bererti cincin / belang, merujuk kepada cincin / belang yang tidak lengkap dan sebahagiannya lengkap berwarna putih, yang terdapat di sekeliling badan anak ular kapak serta pada ular kapak betina dewasa.

Anak ular kapak dan ular kapak jantan yang dewasa mempunyai warna sisik hijau terang pada sebelah atas badan mereka, manakala sebelah bawah perut pula berwarna hijau kekuning-kuningan, dipenuhi dengan corak belang yang nipis dan terdiri dari dua warna yang pucat : warna utama belang tersebut berwarna putih dan diikuti dengan warna biru atau merah pada sebelah penghujung belang atau kombinasi kedua-dua warna tersebut. Di sebelah

belakang mata ular tersebut ada terdapat jalur dua warna berterusan terdiri dari warna merah dan putih.

Ular kapak betina dewasa pada kebiasaananya mempunyai corak yang kompleks, ianya mengandungi warna utama termasuk krim, dengan kebiru-biruan yang berpecah-pecah, dengan belang yang berwarna kehijau-hijauan atau turkois, dan jalur tebal yang sama warna dengan belang-belang tersebut pada kedua belah tepi kepala ular tersebut.

Ular kapak jantan dewasa berukuran sekitar 30 ke 40 sentimeter panjangnya, manakala ular kapak betina boleh mencapai kepanjangan badan sehingga 1 meter.

Sepertimana spesis ular pit viper yang lain, ular kapak merupakan ular yang berbisa, dengan lubang pengesan hawa panas di bawah kepalaannya.

Ular kapak mudah dijumpai di sekitar kepulauan Borneo dari kawasan hutan rendah hingga ke tahap hutan sederhana tingginya. Ular kapak boleh dijumpai di hutan primer dan sekunder. Pada dasarnya ular kapak sejenis bintang arboreal (suka hidup di kawasan atas pokok), ular yang pemalas ini boleh duduk tanpa bergerak berhari-hari menunggu mangsa vertebrata yang bersaiz badan yang sesuai untuk menjadi mangsanya.

Dalam perihal makanan, ular kapak merupakan binatang pemangsa yang mempunyai menu yang berbagai pilihan. Mereka memakan berbagai jenis tikus kecil, biawak dan juga burung. Dengan taringnya yang beracun, ular kapak akan

Foto : Awang Haji Mohamed Ismail Awang Haji Metussin, Pemenang Tempat Kedua, Kategori Reptilia, BWPC 2022, JPH

Kelas Spesies : Reptilia, Order : Viperidae - Crotalinae

Nama Tempatan : Ular Kapak / Beludak (Indonesia)

Nama Saintifik : *Tropidolaemus subannulatus*

Saiz : 30 - 40 cm (jantan) / 1 m (betina)

IUCN : Kurang tergugat

CITES : Tidak tersenari

menginjak racun ke dalam mangsanya, melumpuhkannya terlebih dahulu sebelum memakannya dengan enak.

Musim pembiakan ular kapak sangatlah menarik. Ular kapak betina melahirkan anak ular secara hidup dan apa yang menariknya ialah sebetulnya ular kapak menunjukkan ciri-ciri penjaga yang prihatin apabila telur-telur yang belum menetas akan disimpan di dalam badannya sehingga anak-anak ular kapak menetas dan bersedia untuk keluar menerokai dunia.

Selaku binatang yang dikenali sebagai 'pemangsa puncak' atau 'pemangsa teratas' (apex), ular kapak membantu dalam penjagaan populasi tikus dan binatang-binatang yang kecil di hutan kitani. Keberadaan ular kapak dapat memantau

keseimbangan yang sihat, menyumbang kepada kesejahteraan hutan kitani secara keseluruhannya.

Tahukah biskita, kepala ular kapak yang berbentuk segi tiga membolehkannya bergabung dengan baik dengan persekitarannya, ini menjadikannya sebagai binatang yang mahir dalam penyamaran di dalam hutan kitani?!

Sila ikuti setiap keluaran bulanan Kenali Hidupan Liar Kitani dan bagi melihat foto-foto spesis hidupan liar kitani yang telah dipaparkan dan maklumat lanjut berkenaan spesis tersebut, sila layari dan ikuti akaun Instagram Jabatan Perhutanan: [forestry.brunei/](https://www.instagram.com/jabatan_perhutanan/).

Lindungi hidupan liar kitani untuk memulihara hutan kitani.



Ramah Mesra Bersama Rakyat, tanda kasih raja kepada rakyat

Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman
Foto : Jabatan Penerangan

UNGKAPAN 'Raja Pemedulian Berjiwa Rakyat' sememangnya begitu sinonim dengan corak kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang mempunyai sifat penyayang dan prihatin terhadap hidup rakyat dan penduduk di negara ini.

Sikap pemedulian dan kemurahan hati baginda itu bukan sahaja dapat dirasakan oleh warganegara ini malah juga oleh masyarakat luar negeri, ini kerana baginda terkenal sebagai seorang pemimpin yang dermawan dan sering memberikan bantuan kepada negara mahupun masyarakat luar yang memerlukan atau ditimpa musibah.

Rakyat bersyukur menjunjung kasih

Rakyat dan penduduk di negara ini juga sangat bersyukur dan menjunjung kasih,

kerana atas kemurahan hati baginda menjadikan nasib dan masa depan rakyat sentiasa terjamin dan di bawah kepimpinan baginda juga rakyat dan penduduk sentiasa menikmati taraf kehidupan yang tinggi dengan pelbagai kemudahan dan bantuan yang disediakan oleh pihak kerajaan baginda.

Pada sisi lainnya pula, baginda juga dikenali sebagai seorang raja dan pemimpin yang bersifat ramah serta mesra dengan rakyat jelata. Ini jelas terbukti dengan kesudian baginda bercemar duli 'Beramah Mesra Bersama Rakyat' baginda di keempat-empat daerah bersempena dengan Hari Keputeraan baginda setiap tahun.

Inilah masa dan peluang keemasan yang tidak mungkin akan disia-siakan oleh semua lapisan rakyat jelata untuk menatap wajah raja yang dikasihi dan junjung ziarah serta beramah mesra bersama baginda yang begitu pemedulian.

Majlis Beramah Mesra manifestasi kasih raja

Kesempatan ini Majlis Beramah Mesra bukan sahaja sebagai majlis kerajaan tetapi

lebih jauh dari itu di mana ianya merupakan manifestasi kasih sayang seorang raja terhadap rakyatnya dan kecintaan rakyat terhadap rajanya. Semangat sebegini dapat menimbulkan rasa kekitaan dan sifat saling memeduli di antara baginda dan rakyat jelata bersesuaian juga dengan slogan 'Raja Untuk Rakyat, dan Rakyat Untuk Raja'.

Melalui Majlis Beramah Mesra Bersama Rakyat ini juga jelas mempamerkan dan membuktikan di mana sebagai seorang raja dan pemimpin, baginda tidak mahu berenggang dengan rakyat sehingga rela *bebassah bekaring* tidak kira di mana baginda berangkat menemui rakyat jelata di keempat-empat daerah. Aura baginda sebagai pemimpin yang disayangi juga terserlah apabila para pelancong juga tidak mahu melepaskan peluang mereka untuk berhadapan juga bersalamatan dan junjung ziarah ke hadapan majlis baginda. Perjumpaan seperti ini dapat memberikan gambaran sebenar kepada para pelancong bahawa negara ini bertuah kerana mempunyai seorang raja yang digalati. Dengan adanya majlis terbuka ini juga memberikan peluang ke atas baginda bagi

memastikan kesejahteraan dan kebajikan rakyat sentiasa terjamin, di samping untuk mengetahui denyut dan nadi rakyat, memahami kehendak dan pandangan rakyat jelata serta memberikan baginda kesempatan untuk menyelami hati nurani rakyat baginda sambil berkongsi pandangan dan harapan dalam membina jambatan yang lebih kukuh untuk menghubungkan antara baginda dan rakyat baginda.

Kepada raja yang kita kasih dan sebagai rakyat jelata di bumi bertuah ini marilah kita bersama-sama menadah tangan memohon kepada Allah Subhanahu Wata'ala bagi kesejahteraan yang berkekalan untuk raja yang dikasihi. Di samping itu merafakkan rasa syukur yang tidak terhingga atas kurnia Ilahi melantik seorang insan berwibawa dalam menjalankan peranan dan tanggungjawabnya sebagai ketua negara dan ketua kerajaan yang adil dan bijaksana serta sentiasa menegakkan tiang agama. Selama memerintah, baginda telah membawa banyak kemajuan dan pembangunan di pelbagai bidang hingga negara ini mampu berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan negara-negara dunia yang lain.



INFO Teknologi



Menjejak kembali evolusi telefon bimbit

Oleh : Nurhamiza Haji Roslan
Foto : Ihsan Freepik

Pendahuluan

DALAM masa lebih kurang empat dekad sejak pengenalan teknologi telefon selular tanpa wayar, teknologi rangkaian telefon bimbit yang pada awalnya bermula dengan rangkaian 1G kini telah dinaik taraf ke rangkaian 5G. Jika kita jejak kembali dari masa telefon bimbit pertama diciptakan dengan telefon bimbit pintar yang ada sekarang banyak telah berubah.

Jika kita lihat ciri-ciri yang ada pada telefon bimbit yang digunakan berleluasa pada zaman sekarang, dari segi saiz telefon bimbit sekarang adalah lebih kecil dan selesa untuk dipegang dan dibawa ke mana-mana, teknologi yang ada pada telefon bimbit sekarang membolehkan kita menggunakan internet serta memuat turun informasi dengan kelajuan muat turun yang pantas. Telefon bimbit pintar sekarang juga jarak sudah menggunakan perkhidmatan mesej teks walaupun ia masih boleh digunakan kerana telah diganti dengan penggunaan aplikasi media sosial. Selain itu, terdapat pelbagai aplikasi yang boleh dimuat turun ke dalam telefon bimbit pintar untuk bermacam-macam kegunaan. Pendek kata, telefon bimbit pintar masa kini tidak lagi digunakan hanya untuk menelefon atau menghantar mesej tetapi untuk pelbagai tugas lain.

Telefon bimbit terawal

Telefon bimbit terawal yang diciptakan adalah pada tahun 1973 oleh Syarikat Motorola. Kumpulan pekerja yang menciptakan telefon bimbit tersebut diketuai oleh Dr. Martin Cooper dan John F. Mitchell. Model pertama telefon bimbit yang diciptakan dinamakan Motorola DynaTAC 8000x. Apabila telefon tersebut sedia untuk dipasarkan pada tahun 1983, harganya mencecah hampir USD4,000.

Dari segi ciri-ciri fizikal, telefon bimbit pertama yang diciptakan ianya adalah sangat berat berbanding telefon bimbit pintar yang digunakan pada masa ini. Berat telefon bimbit tersebut kira-kira 1.1 kilogram dan berukuran 23 sentimeter apabila didirikan. Kekuatan bateri telefon bimbit pertama yang diciptakan hanya boleh bertahan selama 30 minit apabila digunakan untuk menelefon dan enam jam apabila dibiarakan dalam mod siap sedia ataupun *standby*.

Rangkaian yang digunakan oleh telefon bimbit pertama dahulu adalah rangkaian sistem telefon bimbit maju ataupun rangkaian AMPS yang merupakan infrastruktur selular 1G pertama Amerika Utara. Rangkaian AMPS mudah terdedah kepada bunyi isyarat dan statik yang boleh mengganggu perbualan pengguna menyebabkan mesej yang hendak dihantar tidak jelas atau terputus-putus. Rangkaian AMPS yang digunakan pada masa dahulu juga tidak menyokong penghantaran mesej teks menjadikan penggunaan telefon bimbit pada

masa itu terhad kepada panggilan sahaja.

Garis masa perubahan telefon bimbit

Dari penciptaan telefon bimbit pertama hingga ke telefon bimbit pintar yang ada sekarang, telefon bimbit telah melalui pelbagai perubahan dan pengubahsuaian untuk memuatkan pelbagai kegunaan selain untuk membuat panggilan.

Pada tahun 90an industri telefon bimbit melalui perubahan pesat, terutamanya dengan keluaran peranti yang lebih kecil dan lebih mudah alih. Pembangunan paling penting dalam dekad ini adalah Sistem Global untuk Komunikasi Mudah Alih atau GSM. Ianya adalah piawaian selular pertama digital sepenuhnya. GSM dianggap sebagai satu kemajuan yang perlu kerana rangkaian analog sedia ada pada masa itu telah menghampiri kapasiti maksimum. Rangkaian GSM juga dikenali sebagai rangkaian selular generasi kedua atau 2G. GSM bukan sahaja meningkatkan kualiti panggilan tetapi telah membuka jalan untuk perkhidmatan mesej teks dan penggunaan internet ke telefon bimbit.

Awal tahun 2000an menyaksikan perubahan kepada reka bentuk telefon bimbit dan penaiktarafan ciri-ciri pada telefon bimbit. Reka bentuk telefon bimbit pada zaman ini menunjukkan peningkatan kemasukan paparan LCD warna penuh dan ciri multimedia seperti kebolehan untuk memain balik audio, kamera terbina dalam dan kebolehan untuk mengakses internet pada kelajuan yang lebih

pantas melalui Perkhidmatan Radio Paket Umum (GPRS) berdasarkan GSM. Antara ciri telefon bimbit pada zaman ini yang menjadi pilihan pengguna adalah papan kekunci QWERTY. Pada zaman ini juga telefon bimbit pertama dicipta yang boleh menggunakan teknologi sambungan Bluetooth.

Satu dekad kemudian dalam tahun 2010an perubahan reka bentuk dan penggunaan telefon bimbit lebih menuju kepada pengalaman perisian yang kaya serta skrin yang luas dan pengguna boleh memakainya hanya dengan sentuhan, iaitu tanpa menggunakan banyak butang. Pada masa ini kelajuan data selular meningkat dan bertambah baik daripada penggunaan meluas 4G LTE. Dari segi sistem operasi yang menjadi pilihan utama dalam kalangan pengguna adalah Apple ataupun Android.

Telefon bimbit sekarang

Pada masa ini juga, telefon bimbit yang ada berserta dengan kualiti kamera lebih baik. Pengguna bukan sahaja boleh menghasilkan kualiti gambar lebih baik dengan telefon bimbit tetapi juga boleh membuat video. Konten audio visual mereka kemudian boleh dimuat naik ke aplikasi-aplikasi media sosial yang juga boleh dimuat turun ke dalam telefon bimbit. Selain itu, telefon bimbit zaman sekarang dapat dilengkapi dengan pelbagai aplikasi yang boleh digunakan untuk memudahkan tugas-tugas harian atau tugas-tugas kerja dan ia juga digunakan untuk hiburan selain dari untuk berkomunikasi.





DERA : PEMBANTU RUMAH DIPENJARA 12 BULAN

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 3 Ogos. - Mahkamah Perantaraan telah menjatuhkan hukuman penjara 12 bulan terhadap pembantu rumah yang telah mendera seorang kanak-kanak autisme secara fizikal.

Defendant warga Indonesia, Sriyani, berusia 42 tahun, mengaku bersalah atas pertuduhan mendera anak lelaki majikannya yang berusia empat tahun.

Hakim Pengiran Masni binti Pengiran Haji Bahar menjatuhkan hukuman yang setimpal terhadap defendant di atas kesalahan menyerang dan

mendera kanak-kanak tersebut pada bulan Jun lalu.

Mengikut pertuduhan, defendant melakukan kesalahan itu pada 19 Jun kira-kira jam 10.00 pagi di kediaman keluarga kanak-kanak tersebut di Tungku Gadong di mana defendant telah memukul kepala mangsa menggunakan tangan.

Defendant berbuat demikian kerana mangsa membutuhkan makanan yang diberikan oleh defendant. Defendant juga menjelaskan bahawa beliau terasa tertekan apabila mengetahui masalah

keluarganya yang berada di Indonesia.

Defendant didakwa mengikut Seksyen 28 (1) (a) Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda Bab 219 yang membawa hukuman denda maksimum BND20,000 dan penjara tidak melebihi 10 tahun atau 10 kali sebatan atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Kes dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Dayang Raihan Nabilah binti Haji Ahmad Ghazali, manakala defendant diwakili peguambela Pengiran Khairul Nizam bin Pengiran Haji Mohd. Yassin.

Operasi bersepadu berjaya tumpaskan sindiket jenayah terancang

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Perdana Menteri



TINDAKAN bersepadu beberapa agensi keselamatan berjaya merungkai dan menumpaskan sindiket-sindiket jenayah terancang yang terbukti menjalankan kegiatan pencurian bekalan elektrik dan pendawaian haram.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 2 Ogos. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa berusaha secara berterusan untuk memastikan Negara Brunei Darussalam (NBD) bebas daripada sebarang ancaman yang boleh menggugat keamanan, keharmonian dan keselamatan negara.

Sehubungan itu, melalui tindakan bersepadu dengan beberapa agensi keselamatan dan penguatkuasaan di negara ini, iaitu pihak Jabatan Perkhidmatan Elektrik (JPE); Autoriti Elektrik Negara Brunei Darussalam (AENBD); Pejabat Peguam Negara (PPN); Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB); Jabatan Keselamatan Dalam Negeri (JKDN); Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) dan Jabatan Bomba dan Penyelamat

(JBP) melalui pendekatan Whole of Government berjaya merungkai dan menumpaskan sindiket-sindiket jenayah terancang yang terbukti menjalankan kegiatan pencurian bekalan elektrik dan pendawaian haram bagi kegiatan perlombongan mata wang kripto (Cryptocurrency Mining).

Kegiatan sindiket-sindiket berkenaan dinilai telah memperlekehkan dan tidak menghormati undang-undang NBD.

Hasil daripada operasi-operasi bersepadu berkenaan, beberapa individu ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, Penggal 133.

Manakala beberapa individu lagi sedang dalam siasatan oleh PPDB kerana didapati terlibat dalam kegiatan yang sama.

Pihak JPE akan sentiasa membuat pemantauan dan pemeriksaan kerana kegiatan sindiket berkenaan juga

mengakibatkan orang ramai terdedah kepada risiko bahaya kebakaran, gangguan saluran bekalan elektrik, menyebabkan kerugian besar kepada kerajaan dan berpotensi menyebabkan kerosakan kepada infrastruktur kerajaan.

Perbuatan dengan niat untuk mendapatkan bekalan elektrik secara haram dengan cara melencengkan pendawaian daripada meter, mengganggu meter dan pendawaian elektrik memintas meter adalah satu kesalahan di bawah Akta Elektrik, Penggal 71 yang boleh dikenakan denda tidak lebih daripada BND50,000 atau dipenjara bagi tempoh tidak melebihi tiga tahun atau keduanya sekali.

Oleh yang demikian, dengan mengambil kira risiko-risiko dari sudut keselamatan maka kegiatan perlombongan mata wang kripto (Cryptocurrency Mining) di NBD adalah dilarang.

Selamatkan Usus Awda.

Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

کمترین کسیحتن
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

Untuk mengetahui
lebih lanjut mengenai
program pemeriksaan
kanser kolorektal,
sila jumpa* Doktor
awda hari ini atau
layari
www.ppkk.gov.bn



Operasi Kelinga dapat 4 kesalahan melanggar Perintah Pekerjaan 2009

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Buruh



OPERASI Kelinga 159/2023 yang dijalankan di kawasan Kampung Gana Mukim Liang, Kuala Belait.

DAERAH BELAIT, Rabu, 2 Ogos. - Bagi menguatkuasakan dan memastikan Perintah Pekerjaan 2009 dipatuhi oleh para majikan, Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang, Jabatan Buruh cawangan Kuala Belait telah mengendalikan Operasi Kelinga 159/2023 di kawasan Kampung Gana Mukim Liang Kuala Belait pada 25 Julai 2023.

Semasa pemeriksaan dijalankan terhadap kegiatan memproses makanan, sebanyak empat kesalahan di bawah Perintah Pekerjaan 2009 dilakukan oleh majikan, iaitu Bab 10 majikan gagal menyediakan kontrak perkhidmatan secara bertulis, Bab 64 bekerja pada hari rehat, Bab 70 majikan gagal memberikan cuti pada hari kelepasan awam yang diwartakan dan Bab 71 majikan gagal memberikan cuti tahunan.

Bagi kesalahan tersebut, jika sabit kesalahan, majikan boleh dikenakan denda kompaun sebanyak BND600 bagi kesalahan pertama dan BND900 bagi kesalahan kedua.

Manakala, bagi kesalahan ketiga ataupun jika gagal membayar denda kompaun tersebut, majikan akan dihadapkan ke mahkamah.

Sehubungan dengan itu, Jabatan Buruh ingin mengingatkan kepada majikan supaya sentiasa memantau hal ehwal kebajikan pekerja selaras dengan kehendak Perintah Pekerjaan, 2009 seperti penyediaan kontrak pekerjaan dan pembayaran gaji tepat pada waktunya.

Para majikan adalah dinasihatkan untuk tidak menyalahgunakan Lesen Pekerja Asing dan melanggar akta di bawah Perintah Pekerjaan 2009.

Untuk makluman lebih lanjut bolehlah berhubung dengan Jabatan Buruh melalui talian +673 2381848 (semasa waktu bekerja) atau +673 7298989 (di luar waktu bekerja).

Pihak kerajaan menegaskan kepada orang ramai dan para peniaga di negara ini untuk tidak melanggar mana-mana perkhidmatan yang menyalahi undang-undang negara, termasuk Akta Elektrik.

Orang ramai dan para peniaga yang mendapatinya mana-mana pihak ataupun individu yang menawarkan perkhidmatan atau mana-mana premis yang dicurigai melanggar perkhidmatan yang menyalahi Akta Elektrik adalah digesa untuk melaporkan dengan segera kepada pihak PPDB melalui talian 993 atau menghubungi terus Talian Darussalam 123.

Semua maklumat yang dikongsikan adalah dirahsiakan.

Orang ramai, terutamanya pemilik dan penyewa rumah persendirian termasuk bangunan

komersil adalah bertanggungjawab ke atas premis yang dimiliki dan disewakan supaya sentiasa mematuhi peraturan-peraturan dan syarat-syarat yang dikenakan oleh agensi-agensi yang berkenaan serta memastikan tidak ada unsur-unsur kegiatan yang menyalahi undang-undang seperti perlanggaran Akta Elektrik yang sedang berkuat kuasa pada masa ini.

Pihak kerajaan akan terus membuat pemantauan dan pemeriksaan di premis-premis perumahan dan perniagaan di negara ini dari semasa ke semasa bagi memastikan setiap pemasangan dan pendawaian bekalan elektrik termasuk meter elektrik adalah mematuhi piawai yang sedia ada, beroperasi dengan baik dan selamat digunakan.



TRUMP DIDAKWA LAGI, HADAPI EMPAT TUDUHAN JENAYAH

WASHINGTON, 2 Ogos. - Bekas presiden Amerika Syarikat (AS) Donald Trump didakwa dengan empat pertuduhan jenayah atas peranannya dalam cubaan membatalkan keputusan pilihan raya presiden 2020, dedah dokumen mahkamah, lapor Sputnik.

"Walaupun kalah, defendan (Trump) bertekad untuk terus berkuasa. Jadi selama lebih dua bulan selepas pilihan raya pada 3 Nov 2020, defendan menyebarkan pembohongan bahawa terdapat penipuan penentu keputusan

dalam pilihan raya dan beliau sebenarnya telah menang. Dakwaan itu adalah palsu dan defendan tahu bahawa ia adalah palsu," menurut pendakwaan pada Selasa.

Trump didakwa dengan satu pertuduhan bersubahat untuk menipu AS, satu pertuduhan bersubahat untuk menghalang prosiding rasmi, satu pertuduhan menghalang dan cuba menghalang prosiding rasmi serta satu pertuduhan bersubahat terhadap hak.

Dokumen mahkamah juga menunjukkan terdapat enam konspirator dalam kes berkenaan.

Pendakwaan baharu Trump dibuat di tengah-tengah beberapa siasatan lain ke atas potensi salah laku oleh beliau, termasuk atas tuduhan salah urus dokumen sulit.

Bekas naib presiden Mike Pence, yang bertanding menentang Trump dalam pemilihan utama Republik mengambil kesempatan untuk mengingatkan pengundi bahawa beliau adalah orang yang "memilih Perlembagaan" apabila diasak oleh Trump semasa rusuhan itu.

"Pendakwaan hari ini menjadi peringatan penting: sesiapa yang meletakkan dirinya di atas

Perlembagaan tidak boleh menjadi presiden Amerika Syarikat.

"Negara kita lebih penting daripada seorang lelaki."

Perlembagaan kita lebih penting daripada kerjaya seorang lelaki," ciap Pence di Twitter.
- ©BERNAMA

Presiden Xi zahir simpati kepada Pakistan susulan insiden pengeboman

BEIJING, 2 Ogos. - Presiden China, Xi Jinping menzahirkan ucapan takziah kepada rakan sejawatnya dari Pakistan, Arif Alvi susulan insiden serangan pengebom bunuh diri di wilayah Khyber Pakhtunkhwa.

Xi berkata beliau terkejut dan turut dukacita dengan kejadian yang menyebabkan kehilangan nyawa itu.

Beliau turut menzahirkan simpati dan mengucapkan takziah kepada keluarga mangsa yang terlibat dalam tragedi itu.

Xi berkata China menolak keganasan dalam semua bentuk dan mengutuk sekeras-kerasnya serangan itu.

Beliau berjanji, China akan terus berdiri teguh dalam menyokong segala usaha Pakistan menggerakkan pelan tindakan anti keganasan, di samping menyumbang kepada keamanan dan keselamatan di rantau ini dan dunia.

Perdana Menteri China, Li Qiang turut menyampaikan ucapan takziah kepada rakan sejawatnya, Shahbaz Sharif.-©BERNAMA

Lebih sedozen terbunuh dalam serbuan antidadah di Brazil

BOGOTA (COLOMBIA), 3 Ogos. - Sekurang-kurangnya sembilan orang terbunuh pada Rabu dalam siri terbaharu operasi antidadah di Rio de Janeiro, Brazil yang menyaksikan sekurang-kurangnya 44 orang terbunuh sejak Jumaat, kata pihak berkuasa.

Operasi oleh pasukan keselamatan itu dilancarkan di Complexo da Penha, di utara Rio de Janeiro.

Pada Ahad, 16 terbunuh di negeri Sao Paulo dan 19 lagi dilaporkan terbunuh di negeri timur laut Bahia antara Jumaat dan Isnin, menurut Agensi Anadolu.

Operasi di Rio de Janeiro itu bertujuan 'mencari dan menahan ahli kumpulan penjenayah' di wilayah itu.

"Pertempuran berlaku apabila pasukan polis diserang oleh lelaki bersenjata di tempat kejadian," kata jurucakap Polis Tentera Kolonel Marco Andrade.

Seramai 11 suspek cedera, sembilan maut, termasuk dua yang didakwa ketua kumpulan dadah, manakala senapang, peluru dan bom tangan turut dirampas.

Tumpuan serbuan polis itu adalah susulan kejadian pegawai polis tentera, Patrick Bastos Reis ditembak mati minggu lepas semasa melakukan rondaan di perbandaran Guaruja, kira-kira 60 kilometer (37 batu) dari ibu negara, Sao Paulo.

Susulan itu, polis melancarkan 'Operasi Escudo' terhadap jenayah terancang, mengakibatkan 58 tangkapan dan peningkatan jumlah kematian yang mencetuskan reaksi daripada pelbagai kumpulan hak asasi manusia. - ©BERNAMA

Taufan Khanun badi Okinawa Jepun rugut 2 nyawa, 61 cedera

TOKYO, 3 Ogos. - Taufan Khanun yang membawa ribut hujan membadi wilayah Okinawa, Jepun pada Rabu, menyebabkan dua lagi kematian pada Khamis, lapor Xinhua.

Menurut seorang pegawai, Khanun taufan keenam yang membadi pada tahun ini turut menyebabkan 24 peratus isi rumah terputus bekalan elektrik.

Seorang wanita berusia 89 tahun di bandar Uruma meninggal dunia akibat melecur selepas lilin yang digunakan semasa bekalan elektrik terputus menyebakan kebakaran.

Terdahulu pada Rabu, seorang lelaki berusia 90 tahun meninggal dunia di hospital selepas terperangkap di bawah runtuhan garaj di kediannya.

Sehingga tengah hari Khamis, kira-kira 61 orang cedera. Lampu isyarat juga tidak berfungsi di beberapa kawasan di Okinawa, menurut media tempatan.

Sekurang-kurangnya 314 penerbangan dan lebih 40,000 penumpang terjejas, lapor penyiar nasional NHK.

Ribut itu mempunyai tekanan atmosfera 940 hektopaskal di tengah putarannya, membawa angin lima meter sesaat, kata Agensi Meteorologi Jepun (JMA) pada Khamis.

Pihak berkuasa menggesa orang ramai di Okinawa supaya berjaga-jaga ketika Taufan Khanun menghampiri Pulau Miyakojima.

Sementara itu, pegawai cuaca berkata jumlah hujan hingga Ahad di Hokkaido melebihi purata bulanan pada Ogos, manakala Okinawa dan Pulau Amami-Oshima di wilayah Kagoshima diramal mengalami hujan lebih lebat.

Agensi cuaca juga menggesa orang ramai supaya berwaspada terhadap peningkatan paras air sungai serta banjir di kawasan rendah.
- ©BERNAMA

Phnom Penh : Lebuh raya dibina syarikat China mula dibuka kepada lalu lintas

PHNOM PENH, 4 Ogos. - Lebuh raya lingkaran ketiga Phnom Penh yang dibina oleh syarikat China dibuka secara rasmi kepada lalu lintas pada Khamis.

Perdana Menteri Kemboja, Hun Sen, dalam ucapannya pada majlis perasmian, menzahirkan penghargaan atas bantuan yang dihulurkan rakyat dan kerajaan China.

Menurut beliau, lingkaran ketiga itu bersambung dengan lebuh raya Phnom Penh-Sihanoukville

serta lebuh raya Phnom Penh-Bavet yang sedang dalam pembinaan, sekali gus akan mengurangkan kesesakan lalu lintas di Phnom Penh dan di seluruh negara.

Duta China ke Kemboja, Wang Wentian, berkata tahun ini merupakan ulang tahun ke-65 hubungan diplomatik kedua-dua negara serta Tahun Persahabatan China-Kemboja.

Beliau berkata dua negara itu komited mempererat jalinan

persahabatan, memantapkan kerjasama pragmatik yang saling untung dan menggerakkan pembinaan komuniti berkongsi nasib pada era baru.

Dibina oleh Shanghai Construction Group (SCG), projek berkenaan bermula pada Mac 2019 dan berakhir pada Jun 2023. Lingkaran ketiga sepanjang sekitar 53 kilometer itu mempunyai empat lorong kenderaan dan dua lorong motosikal. - ©BERNAMA

Bas terhumban ke gaung di Mexico, 18 terbunuh

MEXICO CITY, 4 Ogos. - Sekurang-kurangnya 18 orang terbunuh apabila sebuah bas persiaran terjunam ke dalam gaung sedalam 40 meter di Mexico pada Khamis, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Menurut pejabat pendakwa raya negeri Nayarit di barat Mexico,

seramai 20 penumpang lagi yang cedera, dirawat di hospital.

Kebanyakan penumpang bas itu yang dalam perjalanan dari Mexico City ke bandar sempadan Tijuana, terdiri daripada warga India, Afrika dan Republik Dominican yang dalam perjalanan ke Amerika Syarikat.

Polis menahan pemandu bas itu yang dipercayai memandu laju.

Setiap tahun, beratus ribu pendatang dari Amerika Tengah dan Selatan, Caribbean dan bahagian lain di dunia cuba menyeberangi sempadan di utara Mexico itu untuk masuk ke Amerika Syarikat. - ©BERNAMA

LSD : Indonesia beri Australia 60 hari untuk siasat

JAKARTA, 2 Ogos. - Indonesia memberi tempoh 60 hari kepada Australia, iaitu sehingga 12 September 2023 untuk menyiatis penemuan penyakit kulit berkutul (LSD) pada lembu yang diimport dari negara itu sebelum memutuskan untuk menghentikan import lembu dari benua itu, lapor Agensi Berita ANTARA.

Langkah itu diambil berikutkan pengesanan klinikal LSD dalam lembu dari Australia.

"Kami sedang mengkaji sama ada jenis virus yang menyebabkan LSD di Indonesia sama seperti di

Australia," kata Ketua Agensi Kuarantin Pertanian Republik Indonesia (Barantan), Bambang, dalam sidang media di Pejabat Kementerian Pertanian di sini pada Selasa (1 Ogos).

Australia meminta tempoh 60 hari dari tarikh penyakit itu dikesan (12 Julai) untuk menyiatis penemuan tersebut. Sementara itu, Indonesia dan Australia kedua-duanya telah melakukan ujian terperinci," katanya.

Beliau menambah, dalam tempoh itu Indonesia tidak akan

menghentikan semua import lembu dari Australia, tetapi hanya menangguhkan sementara import dari empat kemudahan yang disyaki punca penyakit itu.

Penyakit itu dicirikan oleh benjolan pada kulit lembu.

LSD dikesan pada 13 lembu yang diimport dari empat ladang di Australia semasa pemeriksaan dokumen dan fizikal yang dijalankan oleh Pegawai Kuarantin Pertanian Tanjung Priok di Pelabuhan Tanjung Priok, Jakarta, dari 25 Mei hingga 26 Julai. - ©BERNAMA

5 maut, helikopter Tentera Udara Chile terhempas

SANTIAGO, 2 Ogos. - Lima anggota Tentera Udara Chile terbunuh dalam nahas sebuah helikopter di selatan negara itu Isnin malam, lapor Xinhua, memetik Tentera Udara pada Selasa.

Sebuah helikopter Bell 412 terhempas di wilayah Los Lagos dengan punca kejadian sedang disiasat, menurut Tentera Udara

dalam satu kenyataan.

Pesawat itu sedang menjalankan misi latihan penerbangan malam dengan lima kru termasuk dua juruterbang, dua anggota kru udara dan seorang paratrooper penyelamat dan semua kru maut di tempat kejadian.

Tentera Udara Chile turut menyediakan bantuan dan

sokongan kepada keluarga anggota tentera yang maut dalam kemalangan itu.

Presiden Chile Gabriel Boric berkabung atas kematian anggota tentera udara dalam mesej yang disiarkan di televisyen dan Dewan Timbalan turut bertafakur kira-kira seminit sebelum memulakan sesi dewan pada hari Selasa. - ©BERNAMA

Sekolah Menengah Lambak Kiri juara Kejohanan Unified Bocce



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan bergambar ramai bersama para pemenang pada Majlis Penutup Kejohanan Unified Bocce Sekolah-sekolah Menengah Senegara Kali Kedua yang berlangsung di Dewan Sekolah Menengah Lambak Kiri.

Oleh : Marlinaawaty Hussin
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BERAKAS, Rabu, 2 Ogos. - Pasukan Sekolah Menengah Lambak Kiri mendapat pingat emas dan dianugerahkan piala pusingan serta piala kemenangan 'Unified Bocce' pada Majlis Penutup Kejohanan Unified Bocce Sekolah-sekolah Menengah Senegara Kali Kedua yang berlangsung di Dewan Sekolah Menengah Lambak Kiri.

Manakala Pasukan Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah menerima pingat perak dan Pasukan Sekolah Menengah Berakas serta Sekolah Menengah Menglait masing-masing mendapat pingat gangsa.

Penyampaian hadiah-hadiah kepada para pemenang disempurnakan oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan,

Awang Aliuddin bin Haji Abdul Rahman selaku tetamu kehormat majlis.

Hadiyah-hadiah saguhati juga disampaikan oleh tetamu kehormat, yang turut menyampaikan piala kepada Pemain Terbaik keseluruhan bagi kejohanan tahun ini, iaitu Awang Md. Danish Aliuddin bin Md. Norizan dari Sekolah Menengah Lambak Kiri.

Kejohanan yang bermula kelmarin itu dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pendidikan Khas dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Kokurikulum (JPKK) dan Special Olympics Brunei Darussalam (SOBD). Sebanyak 26 pasukan daripada sekolah-sekolah menengah kerajaan menyertai kejohanan tersebut, di mana setiap

pasukan diwakili oleh empat ahli yang terdiri daripada tiga pelajar berkeperluan khas dan seorang tenaga pengajar Program Pra-Vokasional.

Antara tujuan kejohanan adalah bagi mewujudkan dan memupuk minat serta mencungkil bakat pelajar berkeperluan khas dalam sukan Bocce dan sukan lain secara umum.

Selain itu, ia juga sebagai salah satu usaha untuk memupuk persahabatan dan pemahaman tentang nilai perbezaan serta kepelbagaiannya dalam kalangan pelajar dan masyarakat.

Turut hadir pada kejohanan berkenaan ialah ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai dari Jabatan Pendidikan Khas dan JPKK; pemimpin sekolah, guru-guru, serta wakil-wakil dari Majlis Paralimpik Brunei, SOBD juga Persatuan Volunteer and First Aid Support Team Brunei.

Mengenalkan kanak-kanak fungsi motosikal



Berita dan Foto : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 3 Ogos. - Engage Minds Learning (EML) International School merupakan sekolah

yang menempatkan murid-murid prasekolah, iaitu Pra 1 hingga Pra 3, untuk kanak-kanak yang berumur di antara 3 ke 6 tahun.

ENGAGE Minds Learning (EML) International School menerima kunjungan bagi program meneroka sambil belajar daripada Persatuan Motosikal Darussalam (PEMODA) (kiri dan kanan).

Sekolah berkenaan menggalakkan pendidikan secara eksplorasi di persekitaran sekeliling mereka dan tidak tergesa-gesa kerana kanak-kanak memang pintar secara semula jadi.

Melalui pemerhatian, refleksi dan dokumentasi yang teliti, EML percaya bahawa pendidik dan ibu bapa boleh menyokong kanak-kanak untuk menyatakan idea dan teori mereka dalam pelbagai cara dan bentuk.

Sehubungan itu, sekolah berkenaan menerima kunjungan bagi program meneroka sambil belajar daripada lima penunggang motosikal wanita berkuasa tinggi dari Persatuan Motosikal Darussalam (PEMODA).

Program berkenaan bertujuan untuk mengenalkan kepada kanak-kanak tentang fungsi kendaraan motosikal dan berpeluang untuk menyaksikan sendiri motosikal secara realiti.

Selain itu, ia juga membuktikan bahawa motosikal bukan hanya ditunggang oleh kaum lelaki sahaja

BANTU KESAN IZZATI HUSNA

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

TUTONG, Rabu, 2 Ogos. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) memohon kerjasama orang ramai untuk mengesan seorang perempuan yang telah keluar rumah.

Menurut kenyataan dikeluarkan PPDB di sini, laporan telah dibuat di Balai Polis Tutong untuk mengesan seorang remaja perempuan tempatan, Izzati Husna binti Hadini, 18 tahun, dengan nombor Kad Pengenalan (Kad Pintar) 01-146847 (K).

Sehubungan itu, orang ramai yang mempunyai sebarang maklumat mengenainya bolehlah menghubungi ke Balai Polis Tutong melalui talian +673 4221206 atau Talian Kecemasan Polis 993 atau mana-mana balai polis yang berdekatan.



IZZATI Husna binti Hadini, 18 tahun, dengan nombor Kad Pengenalan 01-146847 (K).

PPDB adakan Latihan Tembak, 7 Ogos ini

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 3 Ogos. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa PPDB akan mengadakan Latihan Tembak.

Latihan tersebut akan diadakan pada Isnin, 7 Ogos 2023, bermula jam 8.00 pagi hingga 4.30 petang, bertempat di Kompleks Padang Tembak Polis Diraja Brunei, Simpang 338 Jalan Muara, Kampung Sungai Akar.

Sehubungan itu, PPDB ingin memaklumkan kepada orang ramai supaya tidak berasa cemas dan tidak menghampiri tempat latihan terbabit di mana latihan tersebut akan menggunakan peluru hidup serta bagi mengelakkan perkara yang tidak diingini berlaku sepanjang latihan berkenaan dijalankan.



tetapi kaum wanita juga mampu menunggang motosikal berkuasa tinggi.

Mereka juga berkesempatan untuk menaiki dan duduk di atas motosikal di samping memakai topi keledar dan sarung tangan khas untuk menunggang motosikal.

Mereka kelihatan begitu gembira dan merebut peluang untuk mengambil gambar ketika duduk di atas motosikal.

Antara objektif jerayawa berkenaan adalah bagi meningkatkan kesedaran keselamatan jalan raya dalam kalangan masyarakat di negara ini ke arah mengurangkan kemalangan jalan raya dan

ketamatan.

Di samping itu, menyediakan platform untuk agensi kerajaan dan sektor swasta berkongsi maklumat terkini, inisiatif dan dasar kepada semua pengguna jalan raya termasuklah pemandu, penunggang motosikal, penunggang basikal dan pejalan kaki.

EML International School Cawangan Sungai Hanching mempunyai keramaian 55 murid dan lapan tenaga pengajar pada ketika ini.

Program seumpamanya akan diadakan pada 10 Ogos ini bertempat di EML International School Cawangan Jerudong.



PELITA BRUNEI **SUKAN**

LEBIH 50 PESERTA BERAKSI DALAM RESPORTANDINGAN GUSTI LENGAN



PERSATUAN Gusti Lengan Brunei baru-baru ini menganjurkan Pertandingan Gusti Lengan selama dua hari di Dewan Utama Sungai Kebun sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-77 Tahun (kiri dan kanan).

■ Berita dan Foto : Ihsan Persatuan Gusti Lengan Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 2 Ogos. - Persatuan Gusti Lengan Brunei baru-baru ini menganjurkan Pertandingan Gusti Lengan selama dua hari di Dewan Utama Sungai Kebun bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda

Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-77 Tahun.

Objektif utama kejohanan adalah untuk menggalakkan peserta baharu menyertai dan menyokong pertumbuhan Sukan Gusti Lengan di negara ini.

Selain itu, acara itu bertujuan

untuk meningkatkan kemahiran para peserta supaya mereka boleh beraksi di peringkat tertinggi dalam pertandingan antarabangsa.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi penyampaian itu ialah Pengiran Haji Muhammad Patra dan turut hadir, Presiden Persatuan Gusti Lengan Brunei, Pengiran Haji Muhammad Yusreen.

Lebih 50 peserta mengambil bahagian dalam pertandingan yang merangkumi sebanyak 10 kategori, iaitu Junior (21 tahun ke bawah): 78 Ke Atas dan Ke Bawah; Kanan (Lengan Kiri); Buka; Lengan Kanan Kanan; 63, 70, 78, 86, 95+; Sarjana (40+ tahun) 78 Atas dan Bawah.

Adi Fauzi bin Md. Zaini muncul juara keseluruhan Kategori Lengan

Kiri dan Lengan Kanan.

Pertandingan itu berjaya memberi peluang berharga kepada atlet untuk menguji kemahiran dan tahap kecerdasan mereka selepas berehat selama tiga tahun akibat pandemik COVID-19.

Ia juga merupakan pengalaman yang mencabar tetapi memberi ganjaran kepada semua yang terlibat.

Brunei DPMM FC kalah tipis

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman, Tangkap Layar YouTube
Singapore Premier League



AKSI perlawanan di antara Brunei DPMM FC menentang Hougang United dalam perlawanan Liga Perdana Singapura (SPL) yang berlangsung di Stadium Jalan Besar, Singapura.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 4 Ogos. - Brunei DPMM FC terpaksa akur dengan kekalahan mereka selepas tewas kepada Hougang United dalam perlawanan Liga Perdana Singapura (SPL) yang berlangsung di Stadium Jalan Besar, Singapura, apabila kemenangan berpihak kepada Hougang United dengan jaringan 0 - 1.

Walaupun terikat 0 - 0 pada babak masa pertama, kedua-dua pasukan bergelut untuk menyumbat gol ke gawang lawan masing-masing.

Memasuki separuh masa kedua, Hougang United terus melancarkan serangan dan hasilnya berjaya memperoleh gol tunggal pada minit ke-74 melalui sepakan Dorde Maksimovic.

Kedudukan 0 - 1 kekal hingga ke wisel penamat, sekali gus memastikan tiga mata milik Hougang United.

Dengan keputusan tersebut, Brunei DPMM FC kini berada di tangga ke-7 liga dengan mengutip 18 mata, manakala Albirex Niigata FC (S) kekal mengungguli kedudukan teratas dengan mengutip 53 mata.

Perlawanan seterusnya, Brunei DPMM FC akan menentang Young Lions pada 18 Ogos 2023 bertempat di Our Tampines Hub, Singapura.

Sementara itu, pada perlawanan di Stadium Jurong East, Tampines Rovers FC tewas kepada Lion City Sailors FC dengan jaringan 2 - 5.

Tahukah Awda

BADAN Tanmiah Harta Majlis Islam adalah sebuah agensi di bawah Majlis Ugama Islam Brunei. Ianya ditubuhkan sebagai sebuah badan pelaburan yang berfungsi mengurus sebahagian Harta Majlis Ugama Islam bagi maksud untuk memperkembangkan dan memajukan harta-harta bagi kepentingan masa depan umat Islam di Negara Brunei Darussalam. Pada 4 September 1995, Badan Tanmiah Harta Majlis Islam mula beroperasi di Bangunan Perdagangan Baitulmal Jalan Kota Batu.

SUMBER : <https://badantanmiah.com.bn>

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

TIDAK MUDAH BERPUTUS ASA DENGAN RAHMAT ALLAH